RAC
RAILWAY ASSETS CORPORATION




# LAPORAN TAHUNAN ANNUAL REPORT 2017

PERBADANAN ASET KERETAPI (RAILWAY ASSETS CORPORATION)

MENGGUNGGULI PENGURUSAN ASET KERETAPI NEGARA

*EXCELLENT IN NATIONAL RAILWAY ASSETS MANAGEMENT*

www.rac.gov.my




RAC
RAILWAY ASSETS CORPORATION

# LAPORAN TAHUNAN ANNUAL REPORT 2017

PERBADANAN ASET KERETAPI/*RAILWAY ASSETS CORPORATION*

**CETAKAN PERTAMA 2018**

Tidak dibenarkan mengeluar-ulang mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pihak PERBADANAN ASET KERETAPI.

**No. 29G, Blok B, Jalan TKS 1, Kajang Sentral Business Park,**
**43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan**
**T: +603 8733 2020 F: +603 8733 2222/6018**

**Twitter : RailwayAssetsMy**
**Facebook : Perbadanan Aset Keretapi**
**Laman Web: www.rac.gov.my**

# SENARAI KANDUNGAN
# LIST OF CONTENT


| MUKA SURAT /*PAGE* | PERKARA / *TOPICS* |
| --- | --- |
| 6 | VISI, MISI & MOTO<br>*VISION, MISSION & MOTTO* |
| 7 | Logo RAC<br>*RAC's Logo* |
| 8 | PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH RAC<br>*CHAIRMAN'S MESSAGE* |
| 14 | KATA-KATA ALUAN PENGURUS BESAR RAC<br>*GENERAL MANAGER'S OPENING REMARKS* |
| 19 | **SEKSYEN 1 : PROFIL KORPORAT /**<br>***SECTION 1: CORPORATE PROFILE*** |
| 20 | Latar Belakang Penubuhan<br>*Background of Establishment* |
| 23 | Punca Kuasa RAC<br>*RAC's Jurisdictions* |
| 23 | Bidang Kuasa RAC Mengikut Akta Keretapi 1991 (Akta 463)<br>*RAC's Functions According to Railway Act 1991 (Act 463)* |
| 26 | Piagam Pelanggan<br>*Client's Charter* |
| 27 | Jenis -Jenis Aset Kereta Api<br>*Types of Railway Assets* |
| 28 | Kategori Tanah Kereta Api<br>*Categories of Railway Land* |
| 29 | **SEKSYEN 2: PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT /**<br>***SECTION 2: CORPORATE GOVERNANCE STATEMENT*** |
| 30 | Lembaga Pengarah RAC<br>*RAC Board of Directors* |
| 31 | Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah RAC Pada Tahun 2017<br>*Chairman and Members of RAC Board of Directors for 2017* |
| 35 | Fungsi Jawatankuasa Yang Dianggotai Ahli Lembaga Pengarah RAC<br>*Functions of Committees Comprising Members of RAC Board of Directors* |
| 37 | Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC Tahun 2017<br>*Meetings of RAC Board of Directors in 2017* |

| MUKA SURAT / *PAGE* | PERKARA / *TOPICS* |
|---|---|
| 38 | Carta Organisasi RAC 2017<br>*RAC Organisational Chart 2017* |
| 39 | Warga Kerja RAC<br>*RAC Staff Line-Up* |
| | **SEKSYEN 3: PENGURUSAN HARTANAH YANG HOLISTIK /**<br>***SECTION 3: HOLISTIC PROPERTY MANAGEMENT*** |
| 44 | Jumlah Keseluruhan Penyewa RAC<br>*Number of RAC Tenants* |
| 44 | Penyewaan dan Pajakan<br>*Rental and Lease* |
| 51 | Jenis-Jenis Penyewaan Yang Telah diluluskan<br>*Types of Approved Rental* |
| 53 | Tumpang Lalu<br>*Wayleave* |
| 56 | Pengiklanan<br>*Advertising* |
| 57 | Pentadbiran Tanah Kereta Api<br>*Railway Land Administration* |
| 60 | Pemantauan dan Koordinasi Penguatkuasaan<br>*Monitoring and Enforcement Coordination* |
| 66 | **SEKSYEN 4 : MELONJAKKAN PEMBANGUNAN HARTANAH KERETA API DAN PENINGKATAN INFRASTRUKTUR SEKTOR REL /**<br>***SECTION 4: BOOSTING DEVELOPMENT OF RAILWAY ASSETS AND IMPROVING INFRASTRUCTURE OF RAIL SECTOR*** |
| 66 | Projek Pembangunan Perkeretapian<br>*Railway Development Projects* |
| 84 | Kerja-Kerja Penyelenggaraan Aset dan Infrastruktur Kereta Api<br>*Railway Assets and Infrastructure Maintenance Work* |
| 86 | Pelupusan Aset Kereta Api<br>*Disposal of Railway Assets* |
| 90 | **SEKSYEN 5 : PENGURUSAN ADUAN DAN MENGUTAMAKAN PELANGGAN /**<br>***SECTION 5: MANAGING COMPLAINTS AND PRIORITISING CUSTOMERS*** |
| 90 | Pengurusan Aduan dan Khidmat Nasihat<br>*Complaint Management and Advisory Service* |

| MUKA SURAT / *PAGE* | PERKARA / *TOPICS* |
|---|---|
| 92 | Mendekati Rakyat<br>*Reaching Out to the People* |
| 101 | Sambutan Ulang Tahun ke-25 RAC dan Pelancaran *Railway Assets Intelligence System (RAILS)*<br>*Celebration of RAC's 25th Anniversary and Launch of Railway Assets Intelligence System (RAILS)* |
| 103 | Siaran Akhbar<br>*Press Releases* |
| 103 | Memanfaatkan Media Sosial<br>*Optimising Social Media* |
| 105 | Kunjungan dan Lawatan Rasmi<br>*Courtesy Call and Official Visit* |
| 107 | **SEKSYEN 6 : MEMPERKASA FUNGSI RAC DAN TINDAKAN PERUNDANGAN / *SECTION 6: EMPOWERING RAC FUNCTIONS AND LEGAL ACTION*** |
| 108 | *Railway Network Access Agreement (RNAA)*<br>*Railway Network Access Agreement (RNAA)* |
| 111 | Tindakan Perundangan<br>*Legal Action* |
| 114 | Perjanjian-perjanjian Lain<br>*Other Agreements* |
| 115 | **SEKSYEN 7 : PEMANTAPAN TADBIR URUS, PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA YANG BERKUALITI DAN PEMBUDAYAAN ICT / *SECTION 7: SOLIDIFYING GOVERNANCE, DEVELOPING QUALITY HUMAN RESOURCES AND INCULCATING ICT*** |
| 116 | Pengurusan Pejabat dan Sumber Manusia<br>*Management of Office and Human Resources* |
| 121 | Pembudayaan ICT<br>*Inculcating ICT* |
| 125 | **SEKSYEN 8: PENGURUSAN KEWANGAN YANG EFISYEN / *SECTION 8: EFFICIENT FINANCIAL MANAGEMENT*** |
| 126 | Unit Kewangan dan Akaun<br>*Finance and Accounts Unit* |
| 149 | **SEKSYEN 9 : LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN PERBADANAN ASET KERETAPI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 / *SECTION 9: AUDITOR-GENERAL'S REPORT ON RAC'S FINANCIAL STATEMENT FOR THE YEAR ENDING 31 DECEMBER 2017*** |

# VISI, MISI & MOTO
# VISION, MISSION & MOTTO

## VISI
## VISION

Transformasi ke Arah Pengurusan dan Pembangunan Aset Kereta Api Yang Terbilang Menjelang 2020

Transformation Towards Excellent Railway Asset Management and Development by 2020

## MOTO
## MOTTO

Mengungguli Pengurusan Aset Kereta Api Negara

Excelent in National Railways Assets Management

## MISI
## MISSION

Mengurus dan Membangunkan Aset Kereta Api untuk Memajukan Semula Infrastruktur Kereta Api Melalui Perancangan dan Pelaksanaan Pengurusan Aset Secara Sistematik dan Bernilai Tinggi

Manage And Develop Railway Assets To Develop and Redevelop Railway Infrastructure Through Planning and Imprementation of High Value and Systematic Asset Management



## LOGO RAC
## RAC's LOGO

**Warna biru** - Melambangkan sikap dinamik, profesional, kestabilan dan kepercayaan warga kerja RAC
Blue - Symbolising the dynamism, professionalism, stability and trustworthiness of RAC staff

**Warna Oren** - Melambangkan sikap warga kerja RAC yang tegas, proaktif dan gigih semasa menjalankan tugas.
Orange - Symbolising the firm, proactive and hardworking attitude of RAC staff in discharging their duties

**Akronim RAC** - Melambangkan prinsip RAC yang sentiasa ingin maju, efisyen dan proaktif dalam melaksanakan fungsinya sebagai *caretaker* kepada aset dan infrastruktur kereta api di negara ini
RAC Acronym - Symbolising RAC's principles of always being progressive, efficient and proactive in performing its functions as the caretaker of the railway assets and infrastructure in the country

Reka bentuk fon yang berbentuk *Italic* menurut hala tuju kereta api direka secara ringkas dengan dua jalur yang melambangkan dua *core business* RAC iaitu **pengurusan dan pembangunan** aset serta infrastruktur kereta api
The italic font following the direction of the train and was designed simply using two lines that symbolise RAC's two core businesses, namely **management and development** of railway assets and infrastructur



"RAC mampu melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya selaras dengan apa yang termaktub di dalam Akta Keretapi 1991.

RAC wil be able of discharging its duties and responsibilities in accordance with the provisions of the Railways Act 1991"

**DATUK SERI HJ. SARIPUDDIN B. HJ. KASIM**
Pengerusi Lembaga Pengarah RAC
Chairman of RAC Board of Directors

# PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH RAC
# CHAIRMAN MESSAGE

بسم الله الرحمن الرحيم

Tahun 2017 begitu signifikan kepada Perbadanan Aset Keretapi (RAC) kerana pada tanggal 1 Ogos, Perbadanan ini telah menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-25 sejak program pengkorporatannya dilaksanakan Kerajaan pada tahun 1992. Walaupun berdepan pelbagai cabaran, langkah-langkah proaktif telah diambil oleh RAC bagi memastikan ia tetap relevan dan sekaligus mampu membantu melonjakkan perkembangan industri rel di negara ini.

RAC merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan dalam hubungan ini, RAC sentiasa menyokong dasar berkaitan industri rel yang diperkenalkan Kerajaan dari semasa ke semasa.

Saya bagi pihak Lembaga Pengarah RAC dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan RAC yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2017.

RAC telah mencatatkan prestasi kewangan lebih baik pada 2017 berbanding tahun 2016. Pada tahun semasa, RAC telah mencatat lebihan bersih sebanyak RM502.51 juta berbanding kurangan

The year of 2017 was a very significant to the Railway Asset Corporation (RAC) as on August 1, the Corporation celebrated its 25th anniversary since it was corporatised by the Government in 1992. Despite facing various challenges, the RAC had managed to take numerous proactive measures to ensure that it remained relevant and capable of boosting the development of the rail industry in the country.

The RAC is a Federal Statutory Body under the Ministry of Transport (MOT) and in this regard, the RAC will always support any rail industry-related policies introduced by the Government from time to time.

On behalf of the Board of Directors, I'm pleased to present the RAC's audited Annual Report and Financial Statement for the financial year ended 31 December 2017.

The RAC's financial performance had improved in 2017 as compared to 2016. In the current year, the RAC recorded a net surplus of RM502.51 million compared to a net deficit of RM5.954 million in the

bersih berjumlah RM5.954 juta pada tahun sebelumnya. Lebihan ini disumbangkan oleh peningkatan ketara pada hasil keseluruhan berjumlah RM836.43 juta berbanding RM242.96 juta yang dijana pada tahun 2016. Daripada jumlah hasil keseluruhan pada tahun 2017, sejumlah RM790.55 juta merupakan pelunasan geran bagi projek yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan, manakala RM45.88 juta lagi merupakan hasil yang dijana daripada sewaan hartanah dan aktiviti-aktiviti lain yang menyumbang kepada pelbagai penerimaan seperti simpanan deposit tetap dan jualan barang lusuh. Hasil sebanyak RM45.88 juta yang diperolehi daripada sewaan hartanah dan aktiviti-aktiviti lain ini juga menunjukkan peningkatan sebanyak 7.6 peratus berbanding RM42.64 juta yang direkodkan pada tahun 2016.

Meskipun mencatat peningkatan hasil yang memberangsangkan pada tahun semasa, jumlah perbelanjaan RAC turut meningkat kepada RM335.03 juta berbanding RM313.43 juta pada tahun sebelumnya. Seperti tahun 2016, perbelanjaan yang tinggi ini melibatkan susut nilai bagi hartanah, loji dan peralatan yang berjumlah RM289.589 juta serta penyelenggaraan infrastruktur berjumlah RM19.619 juta. Selain itu, pelantikan 50 pegawai kontrak mulai 15 Februari 2017 bagi memperkukuhkan organisasi RAC dan pertambahan bangunan pejabat di Blok C yang menempatkan Bahagian Pengurusan Aset dan Unit Kewangan turut menjadi faktor kepada kenaikan jumlah perbelanjaan. Sejumlah RM17.73 juta telah

previous year. This surplus was contributed by a significant increase in total revenue of RM836.43 million compared to RM242.96 million generated in 2016. Of the total revenue generated in 2017, a sum of RM790.55 million was from the amortisation of the Federal Government grants, while another RM45.88 million was the revenue generated from rental of properties and other activities that contribute to various receipts such as fixed deposit savings and sale of scrap material. Revenue of RM45.88 million arising from rental of properties and those other activities also showed an increase of 7.6 per cent in the current year as compared to RM42.64 million recorded in 2016.

Despite the encouraging increase in the revenue in 2017, the RAC's expenditure in the current year had also risen to RM335.03 million from RM313.43 million in the previous year. Just like in the 2016, the increase in the expenditure was due to depreciation of property, plant and equipment amounting to RM289.589 million, as well as infrastructure maintenance amounting to RM19.619 million. In addition, the appointment of 50 contract officers from 15 February 2017, to strengthen the RAC organisation and the opening of additional office building in Block C, which houses the Asset Management Division and Financial Unit, had also contributed to the increase in the total amount of expenditure. A sum

dibelanjakan pada tahun 2017 bagi tujuan perbelanjaan pentadbiran yang mana jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM9.470 juta berbanding tahun 2016.

Menyentuh mengenai projek pembangunan, RAC kini memfokuskan kepada pelaksanaan projek berkonsepkan *Transit Oriented Development* (TOD) yang mana pelaksanaan projek ini telah memberi banyak manfaat antaranya meningkatkan nilai tanah, merancakkan pembangunan ekonomi setempat dan meningkatkan mobiliti penduduk. Pada tahun 2017, sebanyak tiga (3) projek pembangunan secara penswastaan dan *land swap* telah diberi kelulusan prinsip untuk rundingan lanjut oleh Kerajaan iaitu Batu Tiga, Pudu dan Bangsar yang membawa pulangan secara tunai dan *in-kind* berjumlah RM999 juta kepada RAC.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, usaha meningkatkan dan menaik taraf infrastruktur di stesen-stesen keretapi sedia ada terus dilaksanakan oleh Perbadanan ini. Pada tahun 2017, kemudahan tempat letak kereta secara *Park & Ride* di Stesen Komuter Klang sedang giat dibina. Pembinaan bangunan bertingkat yang menyediakan 600 petak parkir itu dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2018. Selain itu, kemudahan *Parkway Drop Zone* juga telah diperkenalkan di Stesen Komuter Serdang dan Batu Tiga. Saya yakin dan percaya pengenalan kedua-dua konsep ini akan menjadi pemangkin kepada peningkatan penggunaan pengangkutan awam terutamanya pengangkutan rel oleh orang ramai.

of RM17.73 million was spent in 2017 for administrative purposes, which was an increase of RM9.470 million from the amount in 2016.

On development projects, the RAC is currently focusing on implementing the concept of Transit-Oriented Development (TOD) which has brought about many benefits including raising the value of land, boosting the development of local economy, and increasing population mobility. In 2017, three (3) privatisation and land swapdevelopment projects had been given the in-principle approval for further negotiation by the Government, namely in Batu Tiga, Pudu and Bangsar, which will bring in cash and in-kind returns amounting RM999 million to the RAC.

As in previous years, efforts to improve and upgrade the facilities and infrastructure at existing railway stations continued to be undertaken by the Corporation. In 2017, Park & Ride parking facility was still under construction at the Klang Komuter Station. The construction of a multi-storey building that will provide 600 parking lots is expected to be fully completed by mid-2018. In addition, the Parkway Drop Zone facility was also introduced at Serdang and Batu Tiga Commuter Stations. I am confident and strongly believe that the introduction of these two facilities will be the catalyst for increased use of public transport, especially the rail service, among the people.

Melihat kepada pencapaian ini, saya yakin RAC kini berada di landasan yang tepat untuk menjadi peneraju dalam pengurusan aset dan infrastruktur kereta api negara. Saya juga optimis bahawa dengan sokongan dan keyakinan berterusan yang diberikan oleh pihak MOT, jabatan dan agensi berkaitan, pihak-pihak berkepentingan serta pemain-pemain industri, RAC mampu melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya selaras dengan apa yang termaktub di dalam Akta Keretapi 1991 (Akta 463).

Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kepada YBhg. Dato' Noor-Ihsan Bin Che Mat wakil daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang telah memberikan khidmat bakti sebagai Ahli Lembaga Pengarah RAC mulai 17 Februari 2014 sehingga 9 Oktober 2017 dan YBhg. Jen (B) Tan Sri Nik Ismail Bin Nik Mohamed yang dilantik mulai 13 September 2016 hingga 12 September 2017 sebelum digantikan oleh Tan Sri Khalid Bin Ramli yang mula dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah RAC pada 17 November 2017. Tidak ketinggalan juga ucapan selamat bersara wajib kepada Encik Chan Huan Seng yang telah menerajui RAC sebagai Pengurus Besar mulai 5 Mei 2015 hingga 28 Januari 2017. Seterusnya, diucapkan juga selamat datang dan selamat bertugas kepada Dr. Kang Tong Hum yang dilantik menjadi Pengurus Besar yang ke-9 pada 29 Januari 2017.

Looking back at these achievements, I am confident that RAC is on track to be a leader in the management of national railway asset and infrastructure. I am also optimistic that with the continued support and confidence provided by the MOT, relevant departments and agencies, stakeholders and industry players, the RAC wil be able of discharging its duties and responsibilities in accordance with the provisions of the Railways Act 1991 (Act 463).

Allow me to express my gratitude and appreciation to YBhg. Dato' Noor-Ihsan Bin Che Mat, the representative of the Economic Planning Unit of the Prime Minister's Department who had been a member of the RAC Board of Directors from 17 February 2014 to 9 October 2017 and YBhg. Gen (R) Tan Sri Nik Ismail Bin Nik Mohamed who had served from 13 September 2016 to 12 September 2017 and now replaced by Tan Sri Khalid Bin Ramli who was appointed as the RAC Board Member on 17 November 2017. I would also like to wish happy retirement to Mr Chan Huan Seng who had helmed the RAC as the General Manager from 5, 2015 to January 28, 2017, and welcome aboard to Dr. Kang Tong Hum who was appointed as the 9th General Manager of RAC on January 29, 2017.

Akhir kata, kepada semua rakan-rakan Lembaga Pengarah RAC dan kakitangan RAC, tiada ucapan melainkan terima kasih atas segala buah fikiran, komitmen dan kerja keras dalam dalam memastikan visi dan misi Perbadanan ini dapat direalisasikan.

Last but not least, to members of Board of Directors and all staff of RAC, thank you for your ideas, commitment and hard work in ensuring that the Corporation's vision and mission can be realised.

Sekian, terima kasih.

Thank you.



..................................................................

**DATUK SERI HJ. SARIPUDDIN B. HJ. KASIM**

# KATA-KATA ALUAN PENGURUS BESAR RAC
# GENERAL MANAGER'S OPENING REMARKS

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada seluruh warga Perbadanan Aset Keretapi (RAC) kerana telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan RAC bagi tahun berakhir 31 Disember 2017. Laporan ini menjadi dokumen rasmi mengenai kejayaan yang dicapai oleh RAC sepanjang tahun 2017 dalam mengurus tadbir aset dan infrastruktur kereta api.

Tahun 2017 telah melakar sejarah yang bermakna buat semua warga RAC kerana pada 1 Ogos 2017, Perbadanan ini telah menyambut ulang tahun Jubli Perak penubuhannya. Bukan itu sahaja, bagi diri saya sendiri tahun 2017 merupakan tahun pertama saya berkhidmat di RAC sebagai Pengurus Besar bagi menggantikan Encik Chan Huan Seng yang telah bersara wajib pada 28 Januari 2017. Pada tahun ini juga, pengukuhan organisasi di RAC telah dilakukan menerusi pengambilan 50 kakitangan baharu secara *Contract of Service*. Selaras dengan penambahan kakitangan, RAC turut membuat penambahan pejabat di Blok C. Langkah ini diambil bagi memastikan RAC bersedia untuk memainkan peranannya sebagai *Aset Co* dan *Infra Co*. Walaupun telah menjangkau usia suku abad, masih banyak yang perlu dilunaskan oleh RAC dalam memastikan tugas dan peranannya sentiasa selaras dengan keperluan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463).

Congratulations and well done to all staff of the Railway Assets Corporation (RAC) for successfully publishing the RAC Annual Report and Financial Statement for the year ended 31 December 2017. This report is the official document on the success achieved by the RAC in managing railway assets and infrastructure throughout 2017.

The year 2017 was a very meaningful year for all RAC staff as on Aug 1, the Corporation celebrated its Silver Jubilee. Not only that, it was also meaningful for me because 2017 was my first year serving the RAC as the General Manager replacing Mr Chan Huan Seng who went on the mandatory retirement on Jan 28. In the same year, efforts to strengthen RAC organisation had been done through the recruitment of 50 new staff on Contract of Service basis. With the increase in the number of its staff, RAC had also opened additional offices at Block C. This step was taken to ensure that RAC is ready to play its role as Asset Co and Infra Co. Despite having been around for almost a quarter of century, there's still much to be done by the RAC in ensuring that its duties and roles are in line with the provisions under the Railways Act 1991 (Act 463).

Saya menyarankan agar semua pelanggan-pelanggan dan warga kerja RAC dapat menggunakan sepenuhnya kemudahan yang ditawarkan melalui RAILS.

I recommend that all RAC customers and staff to fully utilise the facilities offered through the RAILS.



**DR. KANG TONG HUM**
Pengurus Besar
General Manager

Selepas termeterainya *Railway Network Access Agreement* (RNAA) antara RAC dan Kereta Tanah Melayu Berhad (KTMB) pada 22 Disember 2016, RAC telah turut menjalinkan hubungan kerjasama dengan syarikat Asia Freight Rail Sdn Bhd (AFRSB). Dokumen RNAA antara RAC dan AFRSB telah ditandatangani pada 22 Disember 2017. Perjanjian yang dimeterai dengan AFRSB ini telah membuka dimensi baharu dalam pengurusan aset kereta api milik Perbadanan ini dengan cara memaksimumkan penggunaan aset tersebut dan sekaligus merealisasikan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan *Multiple Railway Operators (MRO)*. Saya akui Perbadanan ini berdepan dengan pelbagai cabaran yang getir, namun dengan sokongan dan kerjasama daripada barisan Lembaga Pengarah RAC, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), jabatan dan agensi-agensi yang selama ini berhubung rapat dengan RAC, cabaran ini dapat sama-sama diharungi.

Menyentuh mengenai *core business* RAC terutama aspek pembangunan hartanah kereta api, kelulusan prinsip yang diperolehi Kerajaan bagi tiga (3) projek penswastaan dan *land swap* membuktikan RAC berjaya mengurusniagakan tanah-tanah kereta api kepada sesuatu yang bernilai tinggi. Selain itu, bagi memastikan pengurusan aset dan infrastruktur sentiasa ditambahbaik, RAC telah menggunakan peruntukan dalamannya bagi melaksanakan projek-projek seperti pemasangan pagar di kawasan *Klang Valley Double Track* (KVDT)

Following the signing of the Railway Network Access Agreement (RNAA) between RAC and Kereta Tanah Melayu Berhad (KTMB) on Dec 22, 2016, RAC has also forged cooperation with Asia Freight Rail Sdn Bhd (AFRSB). The RNAA between the RAC and AFRSB was signed on Dec 22, 2017. The agreement entered into with AFRSB has opened a new dimension in the management of railway assets owned by the Corporation by maximising the use of the assets and realising the Government's intention to create Multiple Railway Operators (MRO). I acknowledge that the Corporation is facing various challenges, but with the support and cooperation from the RAC Board of Directors, the Ministry of Transport (MOT), as well as the departments and agencies that have been in close ties with the RAC, the tasks became less burdening.

On RAC's core businesses, especially in the development of railway land, the Government's in principal approval for three (3) privatisation and land swap projects proved that RAC had succeeded in turning railway land into high-value assets. And, to ensure that the management of its assets and infrastructure is constantly being improved, the RAC set aside its own allocation to implement projects such as fence installation in the Klang Valley Double Track (KVDT) areas in Kuala Lumpur, Rawang, Kajang, Seremban and Port Klang.

di Kuala Lumpur, Rawang, Kajang, Seremban dan Pelabuhan Klang. Selain itu, dengan menggunakan peruntukan Kerajaan melalui MOT, peningkatan infrastruktur menerusi konsep *Park & Ride* dan *Parkway Drop Zone* juga telah dilaksanakan di beberapa stesen komuter terpilih.

Dalam aspek pengurusan hartanah, terdapat peningkatan yang memberangsangkan bagi kutipan hasil untuk tumpang lalu dan pelupusan. Pada tahun semasa, kutipan hasil menihgkat menjadi RM45.9 juta berbanding RM42.6 juta pada tahun 2016. Walaupun jumlah kutipan ini menunjukkan sedikit kenaikan, saya percaya semua warga kerja RAC telah berusaha dengan gigih dan bersungguh-sungguh. Namun begitu, kita juga menanggung sejumlah RM20.15 juta tunggakan yang mana perkara ini perlu diselesaikan secepat mungkin.

Selain memberi fokus kepada aktiviti utama RAC, gerak kerja mempromosikan RAC dan aktiviti turun padang terus dipergiat. Gerak kerja berterusan ini bagi memastikan RAC dapat memenuhi keperluan setiap lapisan pelanggannya. Bagi pelanggan-pelanggan di luar bandar, aktiviti turun padang memudahkan mereka untuk menyelesaikan urusan penyewaan dan pembayaran sewa. RAC juga sedar bahawa faedah daripada kemajuan ICT perlu dimanfaatkan sepenuhnya. Oleh itu, pelancaran *Railway Assets Intelligence System* (RAILS) pada 18 September 2017 oleh YB Menteri Pengangkutan merupakan langkah

Apart from that, by using the Government's allocation through the MOT, the RAC had also upgraded railway infrastructure at selected komuter stations by providing Park & Ride and Parkway Drop Zone facilities.

In terms of property management, there has been a tremendous increase in revenue collection for wayleave and disposal of railway assets. In the current year, the revenue collection rose to RM45.9 million compared to RM42.6 million in 2016. Although it showed only a slight increase, I believe that all RAC employees have worked hard. However, we also incurred a total of RM20.15 million in arrears, which is an issue that needs to be resolved as soon as possible.

Apart from focusing on RAC's key activities, the work of promoting RAC and going-to-the-ground activities continued to be intensified. This is to ensure that RAC meets the needs of each customer. For the customers in rural areas, such activities had made it easy for them to solve rental issues and make rental payments. RAC is also aware that it should make optimal use of the rapid development of ICT. As such, the launch of the Railway Assets Intelligence System (RAILS) on Sept 18, 2017, by Minister of Transport has been seen as a proactive step to facilitate online transactions implemented in a more

proaktif bagi memudahkan urusniaga dalam talian dilaksanakan dengan cara yang lebih sistematik merangkumi proses permohonan dan pembayaran sewa, penyelenggaraan serta pendaftaran aset. Saya menyarankan agar semua pelanggan-pelanggan dan warga kerja RAC dapat menggunakan sepenuhnya kemudahan yang ditawarkan melalui RAILS.

systematic way including in the application process and payment of rent, maintenance and registration of assets. I recommend that all RAC customers and staff to fully utilise the facilities offered through the RAILS.

Cabaran yang didepani RAC pada masa hadapan pastinya akan bertambah, tetapi saya yakin peranan dan tanggungjawab RAC sebagai agensi pelaksana dalam memajukan sektor rel negara ini akan dapat direalisasikan. Apa yang penting adalah keyakinan, usaha dan komitmen yang berterusan daripada warga kerja RAC bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.

There surely will be more challenges awaiting the RAC in the future, but I believe RAC's roles and responsibilities as an implementing agency in developing the railway sector will be realised. What is important is the confidence, continuous efforts and commitment of the RAC staff to achieve its vision and mission.

Sekian, terima kasih.

Thank you.

**MENGUNGGULI PENGURUSAN ASET KERETAPI NEGARA**

**EXCELLENT IN NATIONAL RAILWAY ASSETS MANAGEMENT**

.....................................................................

**DR. KANG TONG HUM**

# SEKSYEN 1/*SECTION 1:*

## PROFIL KORPORAT
## *CORPORATE PROFILE*



# LATAR BELAKANG PENUBUHAN
# BACKGROUND OF ESTABLISHMENT

Perbadanan Aset Keretapi (yang dahulu dikenali dengan akronim PAK) atau RAC merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan yang ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) melalui Warta Kerajaan No.16, Jilid 36 pada 30 Julai 1992. Perbadanan ini mula beroperasi secara rasminya sebagai sebuah organisasi pada **1 Ogos 1992** serentak dengan pengkorporatan Keretapi Tanah Melayu (KTM) menjadi Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Dalam erti kata lain, RAC diwujudkan sebagai sebuah agensi milik Kerajaan untuk membantu industri perkeretapian negara berkembang maju dan berdaya saing setanding dengan industri perkeretapian di negara-negara maju. Hasrat ini dilaksanakan melalui penggubalan Akta Keretapi 1991 dan pemansuhan Ordinan Keretapi 1948.

Melalui penggubalan akta tersebut, segala aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletakhak kepada RAC, manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti, iaitu KTMB.

Selain bertindak sebagai pengurus dan pentadbir bagi aset-aset kereta api, RAC turut mengambil alih semua

The Railway Assets Corporation (formerly known by the acronym PAK) or the RAC is a federal statutory body under the Ministry of Transport. It was established under the Railways Act 1991 (Act 463) through the Government Gazette No.16 Volume 36 on July 30, 1992. It became fully operational as an organisation on Aug 1, 1992, the same time the Malayan Railway Administration (KTM) was corporatised and known as Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). In other words, the RAC was established as a Government agency to help develop the railway industry in Malaysia to be at par with the railway industry in fully developed countries. This aspiration was realised with the formulation of the Railways Act 1991 and the revocation of the Railways Ordinance 1948.

Through the enforcement of the Act, the KTM was dissolved, and all its property and assets, as well as railway land under the Federal Land Commissioner were vested in the RAC, while the railway service operations were taken over by the successor company, KTMB.

Apart from being the manager and administrator of railway assets, the RAC also took over all KTM's assets and liabilities

liabiliti yang ditanggung oleh pentadbir KTM bagi membolehkan syarikat pengganti beroperasi tanpa sebarang bebanan hutang. Ini bermakna, RAC berperanan sebagai *caretaker* dan perancang perniagaan untuk menjaga dan menterjemahkan aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan yang berterusan kepada Kerajaan. Keputusan Kerajaan untuk mengkorporatkan KTM menjadi KTMB adalah untuk mengurangkan kebergantungan industri perkeretapian negara kepada Kerajaan sepenuhnya.

Pada tahun 2015, penjenamaan semula imej dan wajah baharu Perbadanan ini telah dilaksanakan di bawah Program Bulan Transformasi PAK 2015. Intipati pelaksanaan jenama baharu ini bertujuan untuk menonjolkan imej korporat dan sifat global agar ianya bersesuaian dengan fungsi dan peranan RAC yang semakin mencabar terutama dalam aspek memperkasakan sektor rel di negara ini.

Selaras dengan itu, Perbadanan ini telah melakukan penjenamaan semula dengan mewujudkan logo, nama panggilan dan warna korporat baharu bagi menyesuaikan Perbadanan ini dengan peranannya. Kesemua identiti korporat ini telah digunakan secara rasmi pada 19 November 2015.

to enable the KTMB to operate without having to carry the burden of past debts. This means that the RAC now functions as the caretaker and business planner to govern and interpret railway assets into valuable property capable of generating continuous income for the Government. The decision to corporatise the KTM as KTMB was made with the aim to reduce the national railway industry's dependency on the Government.

In 2015, the rebranding of RAC's image was implemented under the RAC Transformation Month Programme 2015. The effort was aimed at highlighting the corporate image and global nature of the RAC to suit its functions and ever-challenging roles, particularly in terms of empowering the railway sector in the country.

In this regard, the Corporation had created a new logo, acronym, and corporate colours to match its roles and functions. The new identity of the Corporation was officially put into use on Nov 19, 2015.

## KRONOLOGI PENUBUHAN RAC
## KRONOLOGY OF RAC'S ESTABLISHMENT

**Mengunggguli Pengurusan Aset Kereta Api Negara**

Penggubalan Akta Keretapi 1991
Formulation Of Railways Act 1991

Penjenamaan Semua PAK Kepada RAC (19 November 2015)
Rebranding of PAK As RAC (19 November 2015)




Ordinan Keretapi 1948 Dimansuhkan
Revocation of Railway Ordinance 1948

Perbadanan Aset Keretapi Ditubuhkan (1 Ogos 1992)
Establishment of Railway Assets Corporation (1 August 1992)

**PENGGUBALAN AKTA KERETAPI 1991**
- Semua harta kereta api di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api di bawah PTP terletak hak kepada RAC
- Operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti
- Semua liabiliti yang ditanggung oleh KTM diambil alih RAC bagi syarikat pengganti beroperasi tanpa sebarang bebanan hutang

**FORMULATION OF RAILWAYS ACT 1991**
- All property and rights of the KTM and land hold aquired by Federal land Commissioner are vested in RAC
- Railway service operations are taken over by KTMB
- All KTM's assets and liabilities are taken over by RAC to on able the KTMB coperate without having to carry the bunden of past debts

Rajah 1: Kronologi penubuhan RAC
Diagram 1: Chronology of RAC's establishment

Tugas dan tanggungjawab RAC adalah seperti berikut:
RAC's duties and responsibilities are as follows:



Meletakkan pengurusan aset, hak dan liabliti Pentadbiran KTM sebelum 1 Ogos 1992 kepada RAC supaya syarikat pengganti (iaitu KTMB) bebas daripada tanggungan hutang dan kos-kos bukan operasi yang membebankan.
To manage all assets, rights and liabilities owned by Malayan Railway Administration before 1 August 1992 so that the new company KTMB, is free from the burdening past debts and non-operational costs.

Membiayai pembangunan infrastruktur kereta api yang telah dipertanggungjawabkan melalui sumber-sumber yang diperolehi daripada aktiviti penyewaan, pajakan dan peruntukan Kerajaan
To finance the development of railway infrastructure using sources gathered from various activitie such as rental and lease, as wells goverment allocation.

Melaksanakan tanggungjawab memaju dan memajukan semula infrastruktur kereta api supaya syarikat pengganti iaitu KTMB dapat memberikan tumpuan sepenuhnya kepada operasi dan perkhidmatan kereta api di negara ini.
To discharge the duties to develop and redevelop railway infrastructure so that KTMB will be able to concentrate in the operation and provide excellent railway service in the country

Rajah 2: Tugas dan tanggungjawab RAC
*Diagram 2: RAC's Duties and Responsibilities*

# PUNCA KUASA RAC

Punca kuasa RAC seperti mana yang termaktub dalam Akta Keretapi 1991 (Akta 463) adalah seperti berikut :

i. Memegang dan menikmati harta alih dan harta tak alih [Seksyen 89 (1)]
ii. Penubuhan, Keanggotaan, Fungsi [Seksyen 89(2) dan 89(8)]
iii. Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif [Seksyen 90(1)]
iv. Peletakhakkan harta daripada Pentadbiran KTM kepada Perbadanan ini [Seksyen 92(2)]
v. Peletakhakkan harta daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan kepada Perbadanan ini [Seksyen 93]
vi. Segala liabiliti yang dikuatkuasakan terhadap Perbadanan ini atau Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) (Seksyen 95)
vii. Pelantikan kakitangan [Seksyen 96(1)]
viii. Penubuhan Kumpulan Wang RAC [Seksyen 98(1) – 98 (4)]
ix. Mengurusniagakan harta tak alih (Seksyen 103)

# RAC'S JURISDICTIONS

RAC's jurisdictions stipulated under the Railways Act 1991 (Act 463) are as follows:

i. Acquire and enjoy movable and immovable property [Section 89 (1)]
ii. Establishment, Membership and Functions [Section 89(2) and 89(8)]
iii. Appointment of Chief Executive Officer [Section 90(1)]
iv. Vesting of KTM property in the RAC [Section 92(2)]
v. Vesting of property acquired by Federal Land Commissioner in the RAC [Section 93]
vi. Liabilities enforceable against the RAC or Federal Land Commissioner (Section 95)
vii. Appointment of staff [Section 96(1)]
viii. Establishment of RAC Fund [Section 98(1) – 98 (4)]
ix. Deal with any immovable property (Section 103)

## BIDANG TUGAS RAC MENGIKUT AKTA KERETAPI 1991 (AKTA 463)

### PENUBUHAN, KEANGGOTAAN DAN FUNGSI PERBADANAN ASET KERETAPI:

### SEKSYEN 89 (8)

a) Untuk mengurus, mentadbir dan menyelenggarakan:-
    i. Segala harta dan hak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu di bawah Ordinan termansuh yang menurut kuasa Seksyen 92 adalah terletak pada Perbadanan;

## FUNCTIONS OF RAC ACCORDING TO RAILWAYS ACT 1991 (ACT 463)

### ESTABLISHMENT, MEMBERSHIP AND FUNCTIONS OF RAILWAY ASSETS CORPORATION:

### SECTION 89 (8)

a) To manage, administer and maintain:-
    i. all property and rights of the Malayan Railway Administration under the repealed Ordinance which by virtue of Section 92 are vested in the Corporation;

ii. Segala harta yang terletakhak pada, atau diperolehi oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah Ordinan termansuh yang menurut kuasa Seksyen 93 adalah terletakhak pada Perbadanan dan untuk mengurus dan mentadbir segala liabiliti berkenaan dengannya;

b) Untuk mengusahakan projek-projek bagi pemajuan atau pemajuan semula mana-mana infrastruktur atau kemudahan kereta api; dan

c) Untuk menjalankan dan melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Akta ini.

## PEMBUBARAN PENTADBIRAN KERETAPI TANAH MELAYU DAN PELETAKHAKAN HARTANYA PADA PERBADANAN:

### SEKSYEN 92:

a) Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu yang wujud di bawah Ordinan termansuh adalah dibubarkan;

b) Segala harta, hak dan liabiliti Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu di bawah Ordinan termansuh hendaklah apabila mula berkuatkuasanya Akta ini, terletakhak pada Perbadanan tanpa apa-apa jua pun pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan dan segala sebutan mengenai "Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu", "Keretapi Tanah Melayu", atau "Pengurus Besar, Keretapi Tanah Melayu" berhubungan dengan mana-

ii. all property vested in, held or acquired by the Federal Land Commissioner under the repealed Ordinance which by virtue of Section 93 are vested in the Corporation, and to manage and administer all liabilities in respect thereof.

b) To promote and undertake projects for the development or redevelopment of any railway infrastructure or facilities; and

c) To carry out and perform such other functions as may be prescribed by the Minister under this Act.

## DISSOLUTION OF MALAYAN RAILWAY ADMINISTRATION AND VESTING OF ITS PROPERTY IN THE CORPORATION:

### SECTION 92:

a) The Malayan Railway Administration in existence under the repealed Ordinance is dissolved;

b) All property, rights and liabilities of the Malayan Railway Administration under the repealed Ordinance shall, upon commencement of this Act, vest in the Corporation without any conveyance, assignment or transfer whatsoever and all references to "Malayan Railway Administration", "Malayan Railway", or "General Manager, Malayan Railway" in relation to such property and any instrument, deed, title, document or

mana harta dalam apa-apa suratcara, suratikatan, hak milik, dokumen atau undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan seolah-olah segala sebutan sedemikian adalah sebutan mengenai "Perbadanan Aset Keretapi".

written law shall be construed as if all such references were references to the "Railway Assets Corporation".

## PELETAKHAKAN HARTA PADA PERBADANAN

## SEKSYEN 93

Segala harta yang terletakhak pada, dipegang atau diperolehi oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah Ordinan termansuh hendaklah terletakhak pada Perbadanan di bawah Akta ini tanpa apa-apa jua pun pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan bagi hakmilik, estet, atau kepentingan yang serupa dan selama pemegangan serupa sebagaimana ia telah terletakhak atau dipegang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini dan segala sebutan mengenai "Pesuruhjaya Tanah Persekutuan" berhubungan dengan mana-mana harta dalam apa-apa suratcara, suratikatan, hakrnilik, dokumen atau undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan seolah-olah segala sebutan sedemikian adalah sebutan mengenai "Perbadanan Aset Keretapi".

## VESTING OF PROPERTY IN THE CORPORATION

## SECTION 93

All property vested in, held or acquired by the Federal Land Commissioner under the repealed Ordinance shall vest in the Corporation under this Act without any conveyance, assignment or transfer whatsoever for the like title, estate, or interest and on the like tenure as the same was vested or held immediately before the commencement of this Act and all references to the "Federal Land Commissioner" in relation to such property in any instrument, deed, title, document or written law shall be construed as if all such references were references to the "Railway Assets Corporation".

## PERBADANAN BOLEH MELUPUSKAN HARTA TAK ALIH YANG TERLETAK HAK PADANYA

## SEKSYEN 103

Perbadanan boleh menjual, memindahhakkan, memindahkan, memajakkan, menyerahhakkan, menyerah balik dan memulangkan, menggadai janji,

## THE CORPORATION MAY DISPOSE OF IMMOVABLE PROPERTY VESTED IN IT

## SECTION 103

The Corporation may sell, convey, transfer, lease, assign, surrender and yield up, mortgage, charge, reconvey, reassign, or otherwise deal with any immovable

menggadaikan, memindahhakkan semula, menyerahhakkan semula atau seliaannya mengurusniagakan mana-mana harta tak alih yang disebut dalam Seksyen 93 atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

property referred to in Section 93 upon such terms and conditions as the Minister deems fit.

## PIAGAM PELANGGAN

RAC sentiasa peka dengan keperluan sektor perkeretapian dan akan berusaha membantu Kerajaan membangunkan infrastruktur kereta api di negara ini. Untuk tujuan ini, RAC akan memastikan:

## CLIENT'S CHARTER

RAC is always concerned over the needs and requirements of the railway sector and will strive to help the Government to develop railway infrastructure in the country. For this purpose, the RAC will ensure that:

### PIAGAM PELANGGAN
### CLIENT'S CHARTER

#### PEROLEHAN DAN PERLUPUSAN ASET
#### ACQUISITION AND DISPOSAL OF A ASSETS

Perolehan dan perlupusan aset-aset infrastruktur kereta api melalui tender dan sebut harga diproses dalam 180 hari.
Acquisition and disposal of railway infrastructure assets throught tenders and quotations will be processed within 180 days.

#### PENYEWAAN DAN TUMPANG LALU
#### RENTAL AND WAYLEAVE

Permohonan sewaan tanah kereta api dan tumpang lalu akan diproses dalam tempoh 60 hari.
Application for rental of railway land and wayleavewill be prosessed within 60 days.

#### PEMBANGUNAN
#### DEVELOPMENT

Perolehan dan perlupusan aset-aset infrastruktur kereta api melalui tender dan sebut harga diproses dalam 180 hari.
Aplication for development on railway land will be processed within 180 days.

#### PAJAKAN
#### LEASE

Permohonan pajakan tanah kereta api diproses dalam tempoh 90 hari.
Aplication for lease of railway land will be processed within 90 days.

Rajah 3: Piagam Pelanggan
Diagram 3: Client's Charter

# JENIS-JENIS ASET KERETA API
# TYPES OF RAILWAY ASSETS




Rajah 4: Jenis-jenis Aset Kereta Api
Diagram 4: Types of Railway Assets

# KATEGORI TANAH KERETA API
# CATEGORIES OF RAILWAY LAND

**TANAH SURPLUS**
**SURPLUS LAND**

Tanah yang bercantum dengan kawasan operasi kereta api seperti di kawasan stesen dan sekitar
Land attached to railway operational areas, such as the stations and surrounding areas

Jumlah keluasan: 2,791.16 ekar
Total size: 2,791.16 acres

**TANAH OPERASI**
**OPERATIONAL LAND**

Tanah kereta api yang terlibat sepenuhnya dengan operasi kereta api seperti landasan
Land totally involved in railway operations, such as the railway tracks

Jumlah keluasan: 26, 532.41 ekar
Total size: 26, 532.41 acres

**TANAH POKET**
**POCKET LAND**

Tanah kereta api yang terpisah daripada operasi kereta api
Land separated from railway operations

Pernah digunakan sebagai tapak kuarters atau kawasan kuari atau *yard*
Once used as quarters sites or as quarry/yard

Rajah 5: Kategori Tanah Kereta Api
Diagram 5: Categories of Railway Land

# SEKSYEN 2/*SECTION 2:*

# PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT
# *CORPORATE GOVERNANCE STATEMENT*



# LEMBAGA PENGARAH RAC
# RAC'S BOARD OF DIRECTORS

## KOMPOSISI

Akta Keretapi 1991 di bawah tajuk Penubuhan, Keanggotaan dan Fungsi Perbadanan Aset Keretapi antara lain telah menetapkan:

a) Pelantikan ahli-ahli Lembaga Pengarah RAC adalah selaras dengan Seksyen 89(2) Akta Keretapi 1991 (Akta 463) yang mana ianya perlu dilantik oleh Menteri Pengangkutan mengikut kapasiti seperti berikut:

b) Menteri hendaklah melantik seorang dari kalangan anggota Perbadanan untuk menjadi pengerusi;

c) Pengerusi dan empat anggota lain hendaklah membentuk korum di sesuatu mesyuarat Perbadanan.

## COMPOSITION

The Railway Act 1991 under the subtopic of Establishment, Membership and Funtions of the Railway Assets Corporation, among others provides for:

a) The appointment of members of RAC's Board of Directors shall be done by the Minister of Transport in accordance with Section 89(2) of the Railways Act 1991 (Act 463) and shall consist of:

b) Minister must appoint one of the members to become the Chairman of the Board;

c) Chairman and four other members shall form the quorum at any Board meeting.




- Seorang wakil Kementerian Pengangkutan
- Seorang wakil Perbendaharaan;
- Seorang wakil Unit Perancang Ekonomi;
- Pesuruhjaya Tanah Persekutuan;
- Pengurusan Besar Perbadanan Aset Keretapi hendaklah menjadi anggota ex-office; dan
- Tidak lebih daripada dua orang anggota lain
- a representative of Ministry of Transport;
- a representative of Treasury;
- a representative of Economy Planning Unit;
- Federal Land Commissioner;
- General Manager of Rac who shall be an ex-officio member; and
- not more than two other members

Rajah 6: Keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah RAC
Diagram 6: Membership of RAC's Board of Directors

# PENGERUSI DAN AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH RAC PADA TAHUN 2017
# CHAIRMAN AND MEMBERS OF RAC'S BOARD OF DIRECTORS FOR 2017

**PENGERUSI**
**CHAIRMAN**



YBHG. DATUK SERI HJ SARIPUDDIN BIN HJ KASIM

Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan
Secretary General
Ministry of Transport

Tarikh lantikan / Date of Appointment:
15 Januari 2016 – kini
15 January 2016 – present

**AHLI**
**MEMBER**



YBHG. DATO' SRI DR SALEHUDIN BIN ISHAK

Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar
Director General of Federal Lands and Mines
Ministry of Natural Resources and Environment

Tarikh lantikan / Date of Appointment:
14 Disember 2015 – kini
14 December 2015 – present

**AHLI**
**MEMBER**

YBHG. DATO' NOOR-IHSAN BIN CHE MAT



Pengarah
Seksyen Perkhidmatan Sosial Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Director
Social Services Section
Economic Planning Unit
Prime Minister's Department

**Tarikh lantikan / Date of Appointment:**
17 Februari 2014 – 9 Oktober 2017
17 February 2014 – 9 October 2017

**Pengganti / Successor:**
YBHG. DATO' ADAM BIN SULONG



Pengarah
Seksyen Bajet Pembangunan
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Director
Development Budget Section
Economic Planning Unit
Prime Minister's Department

**Tarikh lantikan / Date of Appointment:**
17 November 2017 – kini
17 November 2017 – present

**AHLI**
**MEMBER**

PUAN/MRS. CHRISTINA ANAK DOMINIC COTTER



Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun
Kementerian Kewangan
Principal Assistant Secretary Statutory Body
Strategic Management Division
Ministry of Finance

**Tarikh lantikan / Date of Appointment:**
12 Disember 2014 - kini
12 December 2014 - present

**AHLI**
**MEMBER**

YBHG. JEN (B)/(R) TAN SRI NIK ISMAIL BIN NIK MOHAMED



**Tarikh lantikan / Date of Appointment:**

6 Ogos 2015 - 5 Ogos 2016
6 August 2015 - 5 August 2016

**Pengganti / Successor:**

YBHG. TAN SRI KHALID BIN RAMLI



**Tarikh lantikan / Date of Appointment:**

Tarikh lantikan: 17 November 2017 – kini
17 November 2017 – present

**AHLI**
**MEMBER**

YBHG. DATO' TEH KEAN MING



**Tarikh lantikan / Date of Appointment:**

13 September 2016 – kini
13 September 2016 – present

## AHLI EX-OFFICIO
## EX-OFFICIO MEMBER



ENCIK/MR. CHAN HUAN SENG
Pengurus Besar RAC
RAC General Manager

**Tarikh lantikan / Date of Appointment:**
5 Mei 2015 – 28 Januari 2017
May 2015 – 28 January 2017

**Pengganti / Successor:**
YBRS. DR. KANG TONG HUM



**Tarikh lantikan / Date of Appointment:**
29 Januari 2017 – kini
29 January 2017 – present

# FUNGSI JAWATANKUASA YANG DIANGGOTAI AHLI LEMBAGA PENGARAH RAC PADA TAHUN 2017
# FUNCTIONS OF COMMITTEES COMPRISING MEMBERS OF RAC BOARD OF DIRECTORS IN 2017

| | |
|---|---|
| **JAWATANKUASA PELABURAN**<br>**INVESTMENT COMMITTEE** | • YBhg. Datuk Seri Hj. Saripuddin Bin Hj. Kasim (Pengerusi/Chairman)<br>• YBhg. Dato' Sri Dr. Sallehuddin Bin Ishak<br>• Puan Christina Anak Dominic Cotter<br>• YBrs. Dr Kang Tong Hum<br>• Pengurus Pentadbiran dan Kewangan RAC<br>RAC Administration and Finance Manager RAC<br>• Akauntan RAC / RAC Accountant |
| **FUNGSI**<br>**FUNCTIONS** | • Mempertimbangkan untuk memilih atau menolak mana-mana cadangan pelaburan yang dicadangkan oleh pihak pengurusan;<br>To consider whether to accept or reject any investment proposal submitted by the management;<br>• Menilai dan menilai semula pelaburan yang telah diceburi oleh RAC; dan<br>To evaluate and reevaluate investments made by RAC; and<br>• Mencadangkan mana-mana pelaburan lain yang menguntungkan Kerajaan.<br>To propose other investment which is profitable to the Government. |
| **JAWATANKUASA AUDIT**<br>**AUDIT COMMITTEE** | • YBhg. Dato' Adam Bin Sulong (Pengerusi/Chairman)<br>• Puan Christina Anak Dominic Cotter<br>• YBrs. Dr Kang Tong Hum |
| **FUNGSI**<br>**FUNCTIONS** | • Memantau dan mengambil tindakan ke atas teguran audit yang dibuat oleh Unit Audit Dalam Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Audit Negara (JAN)<br>To monitor and take action on audit-related issues raised by Ministry of Transport's Internal Audit Unit or the National Audit Department;<br>• Pembentangan draf Penyata Kira-Kira (Belum Diaudit)<br>To table the draft of the Statement of Accounts (Unaudited);<br>• Pembentangan Penyata Kira-Kira (Sudah Diaudit) beserta Sijil Ketua Audit Negara<br>To table the Statement of Accounts (Audited) and Auditor-General's Certificate; and<br>• Memastikan tindakan *preventive* dan *corrective* diambil pihak pengurusan supaya kelemahan-kelemahan dapat diperbetulkan dan tidak berulang<br>To ensure all preventive and corrective measures are taken by the management so that the weaknesses found can be corrected and will not recur. |
| **JAWATANKUASA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**<br>**HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT COMMITTEE** | • Puan Christina Anak Dominic Cotter (Pengerusi/Chairman)<br>• YBrs. Dr Kang Tong Hum<br>• Wakil Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)<br>Representative of Public Service Department (PSD)<br>• Wakil Kementerian Pengangkutan<br>Representative of Ministry of Transport |
| **FUNGSI**<br>**FUNCTIONS** | • Mempertimbangkan dan memperakukan penyusunan semula struktur organisasi RAC;<br>To consider and endorse organisational restructuring of RAC;<br>• Memperakukan pengambilan pegawai;<br>To endorse appointment of officers;<br>• Memperakukan pengesahan jawatan;<br>To endorse job confirmation;<br>• Memperakukan urusan pemangkuan;<br>To endorse appointment to acting positions;<br>• Memperakukan kenaikan pangkat; dan<br>To endorse promotion; and<br>• Memperakukan penamatan perkhidmatan pegawai<br>To endorse termination of service. |

Rajah 7: Fungsi jawatankuasa yang dianggotai oleh Ahli Lembaga Pengarah RAC
Diagram 7: Functions of committees comprsing members of RAC Board of Directors

# FUNGSI JAWATANKUASA YANG DIANGGOTAI AHLI LEMBAGA PENGARAH RAC PADA TAHUN 2017
# FUNCTIONS OF COMMITTEES COMPRISING MEMBERS OF RAC BOARD OF DIRECTORS IN 2017

## AWATANKUASA PENYELARASAN DAN PENYELESAIAN TANAH-TANAH KERETA API
## RAILWAY LAND COORDINATION AND SOLUTION COMMITTEE

- YBhg. Dato' Seri Dr. Sallehuddin Bin Ishak (Pengerusi/Chairman)
- YBrs. Dr Kang Tong Hum

**FUNGSI**
**FUNCTIONS**

- Memperakukan perletakhak tanah rizab dan tanah hak milik RAC;
  To endorse the vesting of land reserve and titled land in RAC;
- Memperakukan perizaban tanah-tanah yang terlibat dengan pengambilan semula;
  To ensorse reservation of land involved in reacquisition;
- Mempertimbangkan dan memperakukan kajian kegunaan tanah-tanah jajaran keretapi yang tidak digunakan untuk tujuan operasi kereta api;
  To consider and endorse feasibility study on unutilised railway land to be used for railway operation;
- Memperakukan permohonan pemberimilikan untuk tanah-tanah rizab kereta api; dan
  To endorse application for title acquisition on railway land reserve; and
- Lain-lain hal yang berkaitan dengan tanah-tanah kereta api yang mempunyai urusan dengan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP).
  Other railway land matters related to the Federal Land Commissioner (PTP).

## JAWATANKUASA KERJA PEMBANGUNAN
## DEVELOPMENT WORK COMMITTEE

- YBhg. Dato' Teh Kean Ming (Pengerusi/Chairman)
- YBhg. Tan Sri Khalid Bin Ramli
- YBhg. Dato' Sri Dr. Sallehuddin Bin Ishak
- YBrs. Dr Kang Tong Hum

**FUNGSI**
**FUNCTIONS**

- Mengkaji cadangan pembangunan tanah RAC yang berpotensi dibangunkan
  To study proposal on potential RAC land development;
- Memberi syor ke atas kajian cadangan pembangunan yang dilaksanakan untuk diangkat ke Lembaga Pengarah RAC untuk pertimbangan selanjutnya.
  To make recommendations on the proposed development to the RAC Board of Directors for further consideration;
- Mempertimbangkan dan mengesyorkan Terma dan Syarat Pembangunan dan *Needs Statement* projek untuk kelulusan peringkat Lembaga Pengarah RAC.
  To consider and propose the Terms and Conditions, as well as the Needs Statement on the proposed project for RAC Board of Directors' approval; and
- Menyediakan dan mengemaskini *Standard Operating Procedure* (SOP) aktiviti-aktiviti pembangunan hartanah untuk pertimbangan dan kelulusan peringkat Lembaga Pengarah RAC.
  To prepare and update the Standard Operating Procedure (SOP) for property development activities for consideration and approval by RAC Board of Directors.

# MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH RAC DAN PERATUSAN KEHADIRAN
# RAC BOARD OF DIRECTORS' MEETINGS AND PERCENTAGE OF ATTENDANCE

Sepanjang tahun 2017, Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC telah bersidang sebanyak lima kali dan kehadiran ahli adalah seperti berikut:

Throughout the year 2017, the RAC Board of Directors had convened five meetings and the percentage of attendance are as follows:




Rajah 8: Bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC dan peratusan kehadiran

Diagram 8: Number of RAC Board of Directors' Meetings and Percentage of Attendance

# CARTA ORGANISASI RAC 2017
# RAC ORGANISATIONAL CHART 2017




Rajah 9: Carta organisasi RAC 2017 secara pentadbiran
Diagram 9: RAC administrative organisational chart 2017

## PEJABAT PENGURUS BESAR
## GENERAL MANAGER'S OFFICE

**Dr Kang Tong Hum**
Pengurus Besar
General Manager
Jusa C



## UNIT HAL EHWAL KORPORAT
## CORPORATE AFFAIRS UNIT

**Ane Salfarizan Binti Mispani**
Pegawai Penerangan
Information Officer
S41



## UNIT HAL EHWAL KORPORAT
## CORPORATE AFFAIRS UNIT

**Mohd Faiz Bin Mat Zin**
Pegawai Undang-Undang
Legal Officer
L41






## BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH
## PROPERTY MANAGEMENT DIVISION

1. **Kasim Bin Muhamad**
Pengurus Kanan Hartanah
Senior Property Manager
52 (T)

2. **KOSONG/VACANT**
Pengurus Hartanah
Property Manager
44 (T)

3. **Noraini Binti Sulaiman**
Pegawai Penilaian
Valuation Officer
W41

4. **Mohd Ghazali Bin Aman**
Pegawai Tadbir
Administrative Officer
N41

5. **Norizam Bt Abd. Kadir**
Jurutera
Engineer
J41

6. **Mohd Ridzuan Bin Rosman**
Pegawai Tadbir
Administrative Officer
N41

7. **Mohd Faizal Bin Ahmad Helme**
Juru Geospatial
Geospatialist
J41

1

2



3



4

5



6



7



8



## BAHAGIAN PEMBANGUNAN HARTANAH
## PROPERTY DEVELOPMENT DIVISION

1 **KOSONG/VACANT**
Jurutera
Engineer
J44

2 **Tan Lai Kum**
Jurutera
Engineer
J41

3 **Azlina Binti Basri**
Juruukur Bahan
Quantity Surveyor
J41

4 **Al Hafiz Ikhwan Bin Mohamad Asaad**
Arkitek
Architect
J41

5 **Nazarisah Binti Md Resat**
Pegawai Perancang Bandar
Town Planning Officer
J41

6 **Hafizuddin Bin Othman**
Jurutera (Elektrikal)
Engineer (Electrical)
J41

7 **Mohd Khairi Bin Mohd Taib**
Jurutera (Mekanikal)
Engineer (Electrical)
J41

8 **Mohamad Firdaus Bin Kamaruzzaman**
Juruukur
Surveyor
J41

## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
## MANAGEMENT SERVICES DIVISION

**Noraliah Binti Nawawi**
Pengurus Pentadbiran & Kewangan
Administration & Finance Manager
48 (T)



## UNIT PENTADBIRAN
## ADMINISTRATION UNIT

**Shela Bt Saari**
Pegawai Tadbir
Administrative Officer
N41

**Mohd Shahir Bin Elias**
Pegawai Tadbir
Administrative Officer
N41





## UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT
## INFORMATION MANAGEMENT UNIT

**Nor Zawani Binti Ab Wahab**
Pegawai Teknologi Maklumat
Information Technology Officer
F41



## UNIT KEWANGAN
## FINANCE UNIT

**Muzieana Binti Mohid@Mohamad**
Akauntan
Accountant
W41

**Nurussalehin Bin Ibrahim**
Akauntan
Accountant
W41





# SEKSYEN 3/*SECTION 3:*

# PENGURUSAN HARTANAH YANG HOLISTIK
# *HOLISTICMANAGEMENT OF PROPERTY*



# JUMLAH KESELURUHAN PENYEWA RAC
# TOTAL NUMBER OF RAC TENANTS

**PENGURUSAN SEWA**




Jumlah Keseluruhan Penyewa
Total Numbers of Tenants

Jumlah Penyewa Tanah Rizab
Tenant on Reserve Land

Jumlah Penyewa Tanah Hak Milik
Tenants on Tittle Land

Jumlah Penyewa Waylif dan Iklan
Tenants of Wayleave and Advertisement

## PENYEWAAN & PAJAKAN

a) **TERMA DAN SYARAT**

Pada tahun 2017, aktiviti sewaan dan pajakan masih menyumbang kepada hasil pendapatan utama RAC kerana Perbadanan ini tidak lagi menerima peruntukan belanja mengurus daripada Kerajaan dan sumber pendapatan ini digunakan untuk mengurus tadbir RAC secara keseluruhannya.

Bagi membolehkan pengurusan penyewaan dan pajakan ini dibuat dengan lebih mudah, selamat dan efisyen, *Railway Assets Intelligence System* (RAILS) telah mula digunakan secara rasmi pada 1 Ogos 2017. Inisiatif ini merupakan pendekatan ICT yang dibangunkan bagi membolehkan permohonan sewaan dan pajakan serta pembayaran dibuat secara atas talian.

Dua (2) jenis penyewaan ditawarkan oleh RAC kepada pelanggan iaitu

## RENTAL & LEASE

a) **TERMS AND CONDITIONS**

In the year 2017, rental and lease activities still contributed to RAC's main revenue as the Corporation no longer received operating expenditure allocation from the Government and this source of income was used to manage RAC governance as a whole.

To enable the management of rental and lease be made more easily, safely and efficiently, the Railway Assets Intelligence System (RAILS) had been officially put into use on Aug 1, 2017. This initiative is an ICT approach developed to enable rental and lease applications and payments to be made online.

Two (2) types of rentals are offered by RAC, namely Short Term Rentals and

Penyewaan Jangka Masa Pendek dan Penyewaan Jangka Masa Panjang (Pajakan). Berikut adalah jadual yang menunjukkan perbezaan terma dan syarat bagi penyewaan dan pajakan.

Long Term Rentals (Leases). Below is a table showing the differences in terms and conditions for rental and lease.

| **PERKARA**<br>**DETAILS** | **PENYEWAAN**<br>**RENTAL** | **PAJAKAN**<br>**LEASE** |
|---|---|---|
| PEMOHON<br>APPLICANT | Individu / Syarikat / Pertubuhan/ Sekolah/ Rumah Ibadat<br>Individual / Company / Organisation / School / Houses of Worship | |
| TEMPOH PENYEWAAN/ PAJAKAN<br>DURATION OF RENTAL/LEASE | Maksimum lima (5) tahun<br>Maximum of five (5) years | Enam (6) hingga maksimum 30 tahun<br>From six (6) to a maximum of 30 years |
| TUJUAN<br>PURPOSE | Aktiviti komersial dan bukan komersial termasuk pertanian<br>Commercial and non-commercial activities including agriculture | Pembangunan dan aktiviti perniagaan yang berkaitan dengan kereta api<br>Railway-related development and commercial activities |
| PROSES KELULUSAN<br>APPROVAL PROCESS | Mesyuarat Penyewaan & Pajakan Tanah-Tanah RAC<br>RAC Land Rental and Lease Meeting | i. Mesyuarat Penyewaan Dan Pajakan Tanah-Tanah RAC<br>ii. Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC<br>iii. Mesyuarat Jemaah Menteri<br>i. RAC Land Rental and Lease Meeting<br>ii. RAC Board of Directors Meeting<br>iii. Cabinet Meeting |
| STRUKTUR<br>STRUCTURE | Sementara atau separa kekal<br>Temporary or semi-permanent | Kekal<br>Permanent |
| LOKASI PILIHAN<br>PREFERRED LOCATIONS | i. Sepanjang jajaran kereta api tertakluk pada jarak keselamatan melebihi 40 kaki dari landasan<br>ii. Bangunan (gudang/ kiosk/ kuarters)<br>i. Along railway alignment but subject to safety distance of 40 feet from the tracks<br>ii. Building (warehouse/ kiosk/ quarters) | Tanah-tanah poket atau tanah surplus yang berpotensi bagi pembangunan berskala besar<br>Pocket land or surplus land with potential for large-scale development |
| PERMOHONAN PENYAMBUNGAN<br>EXTENSION APPLICATION | 6 bulan sebelum tamat<br>Six (6) months before contract expires | 1 tahun sebelum tamat<br>One (1) year before contract expires |

| PERKARA<br>DETAILS | PENYEWAAN<br>RENTAL | PAJAKAN<br>LEASE |
|---|---|---|
| NOTIS PENAMATAN<br>NOTICE OF TERMINATION | 30 hari sebelum tamat<br>30 days before contract expires | Enam (6) bulan sebelum tamat<br>Six (6) months before contract expires |
| KADAR SEWA<br>RATES | Bayaran secara pukal, sewa bulanan atau sewa tahunan berdasarkan nilai pajakan yang ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH)<br>Lumpsum, monthly or annually rental payment based on value assessed by Valuation and Property Services Department (JPPH) | |

Jadual 2: Perbezaan terma dan syarat bagi penyewaan dan pajakan
Table 2: Differences in terms and conditions for rental and lease

Bagi menambah baik dan mempercepatkan proses kelulusan permohonan sewa, jawatankuasa sedia ada bagi menimbang sesuatu permohonan telah ditambah baik seperti berikut:

In a bid to improve and expedite the approval process for rental application, the existing committee had been further improved as follows:

| JAWATANKUASA PENYEWAAN DAN PAJAKAN TANAH-TANAH RAC<br>RAC LAND RENTAL AND LEASE COMMITTEES | | |
|---|---|---|
| | (A) | (B) |
| Pengerusi<br>Chairman | Pengurus Besar<br>General Manager | Pengurus Kanan Hartanah<br>Senior Property Manager |
| Keperluan Ulasan Teknikal<br>Technical Review Requirement | Perlu ulasan daripada KTMB dan PBT<br>Required review from KTMB and Local Authority | Tidak Perlu<br>Not Required |
| Kekerapan Mesyuarat<br>Meeting Frequency | Sebulan sekali<br>Monthly | Seminggu sekali<br>Weekly |

Jadual 3: Pewujudan dua (2) jawatankuasa bagi mempercepatkan kelulusan permohonan sewa
Table 3: Two (2) committees to expedite approval for rental applications

Dasar Penyewaan/Pajakan Tanah Kereta Api/ Ruang Stesen/ Kuarters dan Gudang Milik RAC telah menetapkan bahawa Perbadanan ini boleh menolak secara terus mana-mana permohonan penyewaan di

RAC's policy in rental/lease of its railway land, station, quarters or warehouse stated that the Corporation may directly reject any rental application on sites located within the safety distance of 40 feet without

sepanjang landasan kereta api yang terletak dalam jarak keselamatan iaitu kurang 40 kaki tanpa melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan dan Pajakan Tanah-tanah RAC.

going through the RAC Land Rental and Lease Committee Meeting.

Semua permohonan penyewaan bagi tujuan komersial tertakluk kepada ulasan teknikal daripada KTMB bagi tapak yang berada di dalam kawasan operasi termasuk kiosk persendirian tetapi pengecualian diberikan kepada kiosk sedia ada di dalam bangunan stesen.

All rental application for commercial purposes in railway operation areas, including private kiosk, is subject to technical review from KTMB with exemption given to existing kiosk located inside station buildings.

Walaupun tanah-tanah rizab kereta api telah dizonkan sebagai zon pengangkutan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), kebanyakan aktiviti penyewaan yang diluluskan adalah bagi tujuan komersial. Oleh itu, ulasan daripada PBT perlu diperolehi sebelum sesuatu permohonan penyewaan dipertimbangkan bagi memudahkan penyewa mendapatkan kebenaran merancang bagi membina struktur dan memohon bekalan utiliti ke tapak sewaan. Ulasan daripada agensi-agensi lain seperti Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Veterinar turut diperlukan jika berkaitan.

Although the railway land reserve has been zoned as a transportation zone by the Local Authorities, most of the approved rental activities are for commercial purposes. Therefore, a review from the relevant Local Authority needs to be obtained before a rental application can be considered for the applicants to get the planning approval to build a structure and to apply for utility supply to the rental site. Reviews from other agencies such as the Department of Environment and the Department of Veterinary will be required if it is relevant.

**b) PENYEWAAN YANG TIDAK DIBENARKAN**

RAC berhak menolak permohonan penyewaan yang bertujuan seperti berikut tanpa perlu di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan dan Pajakan Tanah RAC.

**b) UNALLOWED PURPOSE OF RENTAL**

RAC has the right to reject rental applications made for the following purposes without having to refer to the RAC Land Rental and Lease Committtee.




Rajah 10: Penyewaan yang tidak dibenarkan
Diagram 10: Unallowed purpose of rental

**c) PENAMATAN SEWA**

Sesuatu permohonan sewa boleh ditamatkan serta merta sekiranya:

- Tunggakan maksima dua (2) bulan;
- Melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam perjanjian sewaan; dan
- Melanggar undang-undang dan peraturan perundangan semasa negara

**c) TERMINATION OF TENANCY**

Each rental contract can be terminated immediately if:

- Maximum rental arrears of two (2) months;
- Violation of terms and conditions stated in the rental agreement; and
- Violation of regulations and laws in force.

**d) STATISTIK STATUS PERMOHONAN PENYEWAAN DAN PAJAKAN**

**d) STATISTICS OF RENTAL AND LEASE APPLICATION STATUS**

Berikut adalah jumlah dan status permohonan pada tahun 2017:

Following are the number and status of rental and lease applications in 2017:

| NEGERI<br>STATE | PERMOHONAN<br>APPLICATION | LULUS<br>APPROVED | TOLAK<br>REJECTED |
|---|---|---|---|
| Perlis | 5 | 2 | 3 |
| Kedah | 8 | 5 | 3 |
| Pulau Pinang | 12 | 9 | 3 |
| Perak | 30 | 25 | 5 |
| Selangor | 51 | 32 | 19 |
| Kuala Lumpur | 28 | 20 | 8 |
| Negeri Sembilan | 30 | 23 | 7 |
| Melaka | 5 | 5 | 0 |
| Johor | 7 | 5 | 2 |
| Pahang | 24 | 21 | 3 |
| Kelantan | 132 | 127 | 5 |
| JUMLAH<br>TOTAL | 332 | 274 | 58 |

Jadual 4: Jumlah dan status permohonan sewa mengikut negeri pada tahun 2017
Table 4: Number and status of rental applications according to states in 2017




Graf 1: Perbandingan jumlah dan status permohonan sewa mengikut negeri pada tahun 2017
Graph 1: Comparison of number and status of rental applications according to states in 2017

Berdasarkan jadual dan graf di atas, pada tahun 2017 sebanyak 332 permohonan telah diterima dan diproses dengan Kelantan mencatatkan jumlah permohonan tertinggi iaitu sebanyak 132 permohonan, diikuti Selangor (51), Perak dan Negeri Sembilan masing-masing mencatatkan 30 permohonan, Kuala Lumpur (28) dan Pahang (24). Daripada jumlah tersebut sebanyak 127 permohonan diluluskan di Kelantan, diikuti Selangor (32), Perak (25), Negeri Sembilan (23), Pahang (21) dan Kuala Lumpur dengan 20 permohonan.

Graf juga menunjukkan sebanyak 58 permohonan tidak diluluskan. Faktor-faktor yang menyebabkan sesuatu permohonan ditolak adalah seperti berikut:

- Tidak mendapat sokongan daripada KTMB atas faktor keselamatan operasi kerana jarak tapak yang terlalu hampir dengan landasan;
- Pemohonan yang tidak disokong oleh PBT - tidak selaras dengan *zoning* yang telah ditetapkan seperti berhampiran dengan zon kediaman;
- Permohonan bertindih dengan tapak yang telah ditawarkan penyewaan kepada pihak lain; dan
- Tujuan penyewaan yang tidak dibenarkan seperti permohonan untuk mendirikan kediaman dan menjalankan aktiviti pertanian bagi tanaman kekal.

According the the table and graph above, a total of 332 applications were received and processed in 2017 with Kelantan recorded the highest number of applications at 132, followed by Selangor (51), Perak and Negeri Sembilan each with 30 applications, Kuala Lumpur (28) and Pahang (24). Of the total, 127 were approved in Kelantan, followed by Selangor (32), Perak (25), Negeri Sembilan (23), Pahang (21) and Kuala Lumpur (20).

The graph also shows that 58 applications were rejected. Among the factors for the rejection are:

- not supported by the KTMB due to safety reasons as the proposed site is too close to the tracks;
- not supported by the local authority – as it does not comply with the stipulated zoning system, such as being too close to residential zone;
- overlapping application on sites which have already been offered for rental to other parties;
- unallowed purpose of rental such as for construction of residences and agricultural activities for permanent crop.

| TAHUN YEAR | PERMOHONAN APPLICATION | LULUS APPROVED | TOLAK REJECTED |
|---|---|---|---|
| 2015 | 230 | 136 | 86 |
| 2016 | 561 | 470 | 91 |
| 2017 | 332 | 274 | 58 |

Jadual 5: Perbandingan jumlah dan status permohonan sewa bagi tempoh 2015 - 2017
Table 5: Comparison of number and status of rental applications for the year 2015 - 2017

Jadual di atas menunjukkan perbandingan jumlah keseluruhan statistik penyewaan yang diterima RAC untuk tahun 2015 hingga 2017. Pada tahun semasa, RAC mencatatkan sejumlah 332 permohonan dengan peratusan penurunan sebanyak 41 peratus berbanding tahun 2016.

The above table shows a comparison of the overall number of rental applications received by the RAC from 2015 to 2017. In the current year, the RAC recorded 332 applications, a decrease of 41 per cent from the number of applications received in 2016.

## JENIS-JENIS PENYEWAAN YANG TELAH DILULUSKAN
## TYPES OF APPROVED RENTAL



Gambar 1: Penyewaan tapak bagi pembinaan kedai separa kekal berhampiran Stesen Komuter Salak Selatan.
Picture 1: Rental of site for construction of semipermanent shop near the Salak Selatan Komuter Station.



Gambar 2: Penyewaan tapak di sebahagian Lot 836, Jajahan Machang, Kelantan.
Picture 2: Rental of site in part of Lot 836, JajahanMachang, Kelantan.



Gambar 3: Penyewaan tapak di sebahagian Lot 104432, Pulau Indah, Selangor.
Picture 3: Rental of site in part of Lot 104432, Pulau Indah, Selangor.



Gambar 4: Penyewaan ruang niaga bagi menempatkan kerusi urut berbayar di Stesen Keretapi Taiping, Perak.
Picture 4: Rental of retail space for placement of vending massage chairs at Taiping Railway Station, Perak.





Gambar 5: Penyewaan kiosk dan kafeteria di Stesen Komuter Serdang, Selangor
Picture 5: Rental of kiosk and cafeteria at Serdang Komuter Station, Selangor.



Gambar 6: Penyewaan depoh di sebahagian Lot 2, Seksyen 19, Klang, Selangor.
Picture 6: Rental of depot in part of Lot 2, Section 19, Klang, Selangor.

## PAJAKAN

Pada tahun 2017, terdapat satu permohonan pajakan yang diterima daripada Ruby Steel Metal Industry (M) Sdn Bhd yang menjadikan jumlah keseluruhan permohonan pajakan yang diterima sejak tahun 2015 sebanyak tujuh (7) permohonan. Memandangkan kelulusan permohonan pajakan bergantung kepada kelulusan Jemaah Menteri, pada tahun semasa tiada permohonan pajakan yang diluluskan.

## LEASE

In 2017, an application for lease was received from Ruby Steel Metal Industry (M) Sdn Bhd, bringing the total number of lease applications received since 2015 to seven (7). Since the approval for lease applications depends on the Cabinet's decision, there was no lease application approved in the current year.

| BIL NO. | PEMOHON APPLICANT | LOKASI LOCATION | TUJUAN PURPOSE | TEMPOH PAJAKAN LEASE DURATION | STATUS TANAH LAND STATUS |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | ASH Development Sdn. Bhd. | Lot 48652, Pelabuhan Klang, Selangor | Tapak bangunan komersil Commercial Building | 15 | Hak milik Titled |
| 2. | Aspac Lubricants (M) Sdn. Bhd. | Lot 197 (ii), 197 (iii), 14473 (ii), 14473 (iv), 16887 & 17793, Pelabuhan Klang, Selangor | Kilang pengeluar dan menyimpan minyak pelincir Lubricant manufacturing plant and storage site | 30 | Rizab Reserve |
| 3. | Asian Global Business Sdn Bhd (AGB) | Bangunan Georgetown Dispensary dan gudang milik RAC di atas Lot 286, Seksyen 23, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang | Aktiviti komersil Commercial activity | 30 | Hak milik Titled |
| 4. | Nestle Manufacturing (M) Sdn. Bhd. | Sebahagian Lot 3 dan 5, Seksyen 15, Shah Alam, Selangor | Laluan jalan berturap dan tempat letak kereta Paved road and parking areas | 30 | Rizab Reserve |
| 5. | Nestle Manufacturing (M) Sdn. Bhd. | Jalan 205, Off Jalan Tandang, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan | Tempat letak kenderaan pekerja dan tapak lanskap Employees' parking spaces and landscape | 30 | Rizab Reserve |
| 6. | Fazlim Service Station | Sebahagian Lot 815, Mukim Jelai, Daerah Jempol, Pekan Bahau, Negeri Sembilan | Stesen Minyak Petrol Station | 30 | Rizab Reserve |
| 7. | Ruby Steel Metal Industry (M) Sdn Bhd | Sebahagian Lot 1820, Mukim Bandar Teluk Intan, Daerah Hilir Perak, Perak | Kilang membuat logam perkakas dapur Stainless steel kitchen utensil manufacturing plant | 30 | Rizab Reserve |

Jadual 6: Senarai pemohon pajakan dari tahun 2015 sehingga 2017
Table 6: List of lease applicants from 2015 to 2017

## TUMPANG LALU

Tumpang lalu adalah kebenaran yang diberikan oleh RAC kepada agensi Kerajaan/ swasta/ syarikat/ individu untuk menggunakan tanah kereta api

## WAYLEAVE

Wayleave is the approval given by the RAC to Government agencies/private company/ individual to use the railway land, whether across it or on it. For example, construction/

sama ada secara merentasi atau sebarang penggunaan di atas tanah kereta api. Sebagai contoh pembinaan/pelebaran jalan raya/lebuh raya, pembinaan jambatan, menanam atau merentang kabel utiliti dan sebagainya. Berikut adalah jadual perbandingan jumlah dan status permohonan tumpang lalu pada tahun 2017, 2016 dan 2015:

widening of roads or highways, construction of bridge, planting or stretching utility cables and etc. Below is the comparison of the number and status of wayleave applications in 2017, 2016 and 2015:

| TAHUN<br>YEAR | JUMLAH PERMOHONAN<br>NUMBER OF APPLICATIONS | LULUS<br>APPROVED | TOLAK<br>REJECTED | ULASAN/ TIDAK LENGKAP<br>REVIEW/ INCOMPLETE |
|---|---|---|---|---|
| 2017 | 67 | 7 | 2 | 58 |
| 2016 | 62 | 10 | 3 | 49 |
| 2015 | 60 | 23 | 6 | 31 |

Jadual 7: Perbandingan jumlah dan status permohonan tumpang lalu pada tahun 2015 hingga 2017
Table 7: Comparison of number and status of wayleave applications in 2015 to 2017

Sepanjang tahun semasa, sebanyak 67 permohonan tumpang lalu telah diterima dan jumlah ini menunjukkan peningkatan daripada 62 dan 60 permohonan pada tahun 2016 dan 2015. Daripada jumlah tersebut, sebanyak tujuh (7) permohonan telah diluluskan berbanding 10 permohonan pada tahun 2016 dan 23 pada tahun 2015. Berikut antara permohonan tumpang lalu yang telah diluluskan.

Throughout 2017, a total of 67 wayleave applications were received, which is an increase from 62 and 60 applications received in 2016 and 2015 respectively. Of the total, seven (7) applications were approved in 2017 compared to only 10 in 2016 and 23 in 2015. Following are the approved wayleave applications.





Gambar 7: Kerja-kerja menanam paip pembetung secara *pipe jacking* di bawah landasan kereta api di KM24.25 Johor Bahru, Johor oleh Perunding SMA Bersekutu Sdn. Bhd. (SMA Bersekutu) untuk Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB)
Picture 7: Planting of sewerage pipes through pipe jacking under the railway tracks at KM24.25 Johor Bahru, Johor by Perunding SMA Bersekutu Sdn. Bhd. for Johor Bahru City Council (MBJB)




Gambar 8: Kerja-kerja melebarkan jambatan melintasi atas landasan keret api di KM6.072 – KM6.14, Jalan Pantai Dalam, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur oleh Perunding Bersatu (PB) untuk Amona Development Sdn Bhd (ADSB)

Picture 8: Widening of a bridge crossing railway tracks at KM6.072 – KM6.14, Jalan Pantai Dalam, Federal Territories of Kuala Lumpur by Perunding Bersatu (PB) for Amona Development Sdn Bhd (ADSB)




Gambar 9: Tumpang lalu bagi membina jambatan melintasi landasan kereta api di KM28.82 Cawangan Tanjung Pelepas, Johor oleh Jurutera Perunding Meinhardt Sdn Bhd (JPMSB) untuk Country Garden Pacificview Sdn Bhd (CGPSB)

Picture 9: Wayleave for the construction of a bridge crossing railway tracks at KM28.82 Tanjung Pelepas, Johor by Jurutera Perunding Meinhardt Sdn Bhd (JPMSB) for Country Garden Pacificview Sdn Bhd (CGPSB)




Gambar 10: Tumpang lalu bagi menanam kabel elektrik secara HDD di bawah landasan kereta api di antara KM20.25-20.50 di Rompin (Cawangan Pantai Timur), Negeri Sembilan untuk Tenaga Nasional Berhad (TNB)

Picture 10: Wayleave to plant electrical cables through the HDD under railway tracks between KM20.25-KM20.50 in Rompin (East Coast Branch), Negeri Sembilan for Tenaga Nasional Berhad (TNB)

# PENGIKLANAN
# ADVERTISING

Papan iklan luar didefinisikan sebagai paparan yang mengiklankan barangan, aktiviti atau perkhidmatan yang tidak semestinya dijual di mana pengiklanan dibuat. Definisi ini dan jenis-jenis iklan luar telah dibincang dan dipersetujui untuk dipakai secara seragam oleh Outdoor Advertising Association Malaysia (OAAM) yang mewakili 65% daripada syarikat pengiklan luar di Malaysia.

Billboard is defined as a large outdoor board that advertise goods, activities or services that are not necessarily for sale where the advertising is made. This definition and the types of outdoor advertisements have been discussed and agreed to be used uniformly by the Outdoor Advertising Association of Malaysia (OAAM) representing 65% of outdoor advertisers in Malaysia.

Jenis struktur paparan iklan yang boleh dipasang di atas tanah atau merentasi tanah kereta api milik RAC adalah seperti berikut:

The types of outdoor advertising structure that can be erected on or across railway land belonging to RAC are as follows:

| | |
|---|---|
| Free-standing billboard | • Unipole/Unipole<br>1 paparan, 2 paparan atau 3 paparan/ single, double or triple display<br>• Twinpole/Twinpole<br>2 paparan/double display<br>• Minipole/Minipole<br>3 paparan/triple display |
| Jejambat<br>Brige | • Paparan iklan ini dipasang pada jejambat kereta api yang merentasi jalan raya<br>• Advertisement put up on railway bridge |
| Iklan Elektronik<br>Electronic Advertisement | • Kaedah ini melibatkan paparan digital yang berfungsi sebagai sebuah skrin televisyen.<br>• This type of advertisement involves digital display functioning as a television screen. |
| Iklan di Premis Bangunan<br>Advertisement on Premises/Building | • Pemasangan papan iklan di bangunan<br>• Bahan yang biasanya digunakan adalah kanvas atau *softboard.*<br>• Installation of advertisment on building<br>• ·Material used is normally canvas or softboard |

Rajah 11: Jenis struktur paparan iklan yang boleh dipasang di atas atau merentasi tanah kereta api
Diagram 11: Types of outdoor advertising structure

Setiap permohonan untuk mendirikan paparan iklan dikenakan bayaran meliputi komponen berikut:

Each application to put up a billboard on railway land will be charged with certain fee consisting of these components:

| BAYARAN PAPAN IKLAN/CHARGES FOR BILLBOARD | | | |
|---|---|---|---|
| Yuran Proses<br>Processing free | Sewa<br>Rent | Deposit<br>Deposit | Insurance<br>Insurance |

Rajah 12: Komponen bayaran yang dikenakan terhadap permohonan papan iklan
Diagram 12: Component of charges payable for billboard application

### STATISTIK STATUS PERMOHONAN PAPARAN IKLAN LUAR
### NUMBER AND STATUS OF BILLBOARD APPLICATION

| TAHUN<br>YEAR | JUMLAH PERMOHONAN<br>NUMBER OF APPLICATION | LULUS<br>APPROVED | TOLAK<br>REJECTED | ULASAN<br>REVIEW |
|---|---|---|---|---|
| 2017 | 45 | 0 | 10 | 35 |
| 2016 | 33 | 11 | 9 | 13 |
| 2015 | 22 | 18 | 0 | 4 |

Jadual 8: Perbandingan Jumlah dan status pemohonan paparan iklan luar yang diterima pada tahun 2015 hingga 2017
Table 8: Comparison of number and status of billboard application in 2015 to 2017

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 45 permohonan papan iklan telah diterima oleh RAC dan jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 12 permohonan berbanding 33 yang diterima pada tahun 2016 dan 22 permohonan yang diterima pada tahun 2015. Pada tahun semasa, tiada permohonan diluluskan dan 10 permohonan telah ditolak atas alasan ruang untuk mendirikan papan iklan tidak mencukupi, struktur tanah yang tidak stabil dan tapak yang dipohon terlibat dalam kawasan pelaksanaan Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru. Baki 35 permohonan diterima tidak lengkap.

Throughout 2017, a total of 45 billboard applications were reveived by the RAC and this was an increase of 12 applications from 33 received in 2016 and 22 in 2015. No application was approved in the current year, while 10 applications were rejected either due to insufficient space, unstable soil structure or because the applied site was part of the Gemas-Johor Bahru Electrified Double Tracking Project. The remaining 37 applications were incomplete.

## PENTADBIRAN TANAH KERETA API
## RAILWAY LAND ADMINISTRATION

Selain pengurusan tanah-tanah kereta api yang melibatkan penyewaan, pajakan, tumpang lalu dan pembangunan, tanah-tanah kereta api yang seluas 12,638 hektar juga perlu ditadbir urus dengan baik terutamanya melibatkan proses perletakkan hak kepada RAC bagi tanah-tanah kereta api berstatus hakmilik dan pewartaan bagi tanah-tanah kereta api di bawah kategori rizab.

In addition to rental, lease, wayleave and development, the 12,638-hectare wide of railway land must also be well administered, especially in the process of vesting in the RAC the titled railway land and the gazetting of railway land which are under the reserve category.

Urus tadbir tanah ini penting bagi menggelakkan RAC berhadapan dengan pertikaian berkaitan status tanah dengan pihak ketiga pada masa akan datang, memudahkan urusan penyewaan/ pajakan, tumpang lalu, cadangan pembangunan, tujuan perekodan di dalam RAILS dan memudahkan urusan pengambilan dan pelepasan tanah serta penyelenggaraan.

Pengurusan hal ehwal pentadbiran tanah-tanah kereta api adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang berikut:

Land administration is important to prevent the RAC from having to face disputes relating to land status with a third party in the future; to facilitate railway land rental, lease, wayleave and development; to record information in RAILS; and to facilitate acquisition and release, as well as maintenance of land.

The management of land administration affairs is subject to provisions under these laws:

**AKTA KERETAPI 1991/RAILWAYS ACT 1991**

**KANUN TANAH NEGARA 1965/NATIONAL LAND CODE 1965**

## a) STATISTIK PENTADBIRAN TANAH BAGI TAHUN 2017

**Tanah Hak Milik** - Tanah-tanah kereta api yang mana tercatat nama Perbadanan Aset Keretapi di dalam geran. Jumlah tanah kereta api berstatus hak milik mengikut negeri pada tahun 2017 adalah seperti berikut:

## a) STATISTICS ON LAND ADMINISTRATION FOR 2017

**Titled Land** – Railway land owned by Railway Assets Corporation as stated in the land titles. The total number of RAC's titled land according to states in 2017 are as follows:

| NEGERI<br>STATE | JUMLAH LOT<br>NUMBER OF LOTS |
|---|---|
| Pulau Pinang | 128 |
| Perak | 42 |
| Selangor | 8 |
| Kuala Lumpur | 21 |
| Negeri Sembilan | 6 |
| Kedah | 36 |
| Melaka | 2 |
| Johor | 8 |
| Pahang | 2 |
| Kelantan | 80 |
| Perlis | 5 |
| JUMLAH | **338** |

| TANAH HAK MILIK<br>TITTLE LAND | TAHUN/YEAR | | |
|---|---|---|---|
| | 2015 | 2016 | 2017 |
| JUMLAH<br>NUMBERS OF LOTS | | 338 | |
| Ada Hak Milik<br>Tittle | 277 | 302 | 308 |

Jadual 9: Jumlah dan status pemilikan tanah kereta api berstatus hak milik dari tahun 2015 hingga 2017
Table 9: Number and status of ownership of railway land from 2015 to 2017

Sehingga Disember 2017, sejumlah enam (6) lot tanah kereta api telah diletakhakkan kepada RAC menjadikan sejumlah 308 lot telah diberi status hak milik/geran kepada Perbadanan ini. Daripada jumlah keseluruhan 338 lot, baki sebanyak 30 lot masih dalam proses peletakhakkan oleh Perbadanan ini. Graf berikut menunjukkan jumlah tanah kereta api berstatus hak milik dan peningkatan jumlah tanah kereta api yang telah diletakkan hak kepada RAC.

As of December 2017, six (6) lots of railway land were vested in the RAC, bringing the total to 308. The remaining 30 out of the total 338 lots were still in the process of vesting in the Corporation. The following graph shows the number of titled railway land and the increase in the number of land vested in the RAC.




Graf 2: Jumlah tanah kereta api yang telah diletakhakkan atas nama RAC
Graph 2: Number of railway land vested in the RAC

**Tanah Rizab** - Tanah-tanah kereta api yang telah dirizabkan bagi tujuan perkeretapian. Jumlah tanah kereta api berstatus hak milik mengikut negeri pada tahun 2017 adalah seperti berikut:

**Railway Land** - Railway land reverse for railway purpose. The number of railway land reserves according to states in 2017 is as follows:

| NEGERI<br>STATE | JUMLAH LOT<br>NUMBER OF LOTS |
|---|---|
| Perlis | 1 |
| Kedah | 1 |
| Pulau Pinang | - |
| Perak | 161 |
| Selangor | 225 |
| Kuala Lumpur | 70 |
| Negeri Sembilan | 421 |
| Melaka | 26 |
| Johor | 123 |
| Pahang | 73 |
| Kelantan | - |
| JUMLAH | **1101** |

Jadual 10: Jumlah tanah rizab kereta api yang telah diwartakan bagi tujuan perkeretapian mengikut negeri
Table 10: Number of railway land reserve lots gazetted for railway purposes according to states

| RESERVE LAND<br>TANAH RIZAB | TAHUN<br>YEAR | | |
|---|---|---|---|
| | 2015 | 2016 | 2017 |
| JUMLAH<br>NUMBER OF LOTS | **1104** | **1101** | **1101** |
| Diukur dan Diwarta<br>Surveyed and Gazetted | 211 | 167 | 167 |

Jadual 11: Jumlah tanah rizab kereta api yang telah diwartakan bagi tujuan perkeretapian dari tahun 2015 hingga 2017
Table 11: Number of railway land reserve gazetted for railway purposes in 2015 to 2017

Berdasarkan jadual di atas, tiada penambahan pewartaan dibuat ke atas tanah kereta api berstatus rizab pada tahun 2017.

Based on the table, no additional gazetting of railway land reserve was made in 2017.

## PEMANTAUAN DAN KOORDINASI PENGUATKUASAAN
## MONITORING AND ENFORCEMENT COORDINATION

Bagi memastikan tanah kereta api seluas 12,638 hektar termasuk tanah operasi di sepanjang jajaran sejauh 1,560 kilometer terhindar daripada aktiviti pendudukan

In a bid to ensure the 12,638 hectares of railway land, including the operational land involving a distance of 1,560 kilometres, were safe from illegal occupation and

secara tidak sah dan pencerobohan, penguatkuasaan dan pemantauan secara berkala telah dilakukan.

encroachment, periodical monitoring and enforcement have been undertaken.

a) **PENGUATKUASAAN**

Tindakan penguatkuasaan ke atas penceroboh tanah kereta api dibuat selepas notis secara pentadbiran dikeluarkan oleh RAC. Notis Pentadbiran ini bertempoh sama ada tujuh (7) hari atau 14 hari atau 21 hari atau 30 hari atau 90 hari mengikut kes. Sekiranya pemilik enggan/ cuai/ ingkar untuk mengosongkan tapak, RAC akan mengemukakan permohonan notis di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN) daripada Pentadbir Tanah Daerah untuk melaksanakan kerja-kerja perobohan/ pengusiran. Di bawah seksyen yang sama, **penceroboh boleh dikenakan tindakan undang-undang iaitu sekiranya disabitkan kesalahan boleh didenda sebanyak RM10,000 atau penjara tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-keduanya sekali.**

Selain itu, penetapan Dasar Penguatkuasaan Tanah dan Rumah Ibadat membolehkan tindakan untuk menghalang pembinaan kediaman dan rumah ibadat baharu, tanaman kekal dan aktiviti ternakan yang berada di dalam kawasan operasi kereta api dilaksanakan dengan lebih teratur. Gangguan kepada kawasan operasi kereta api bukan sahaja membahayakan kepada penceroboh malah ia juga melibatkan penumpang dan operasi kereta api. Berikut adalah gerak kerja penguatkuasaan yang dilaksanakan sepanjang tahun 2017 mengikut projek:

a) **ENFORCEMENT**

Enforcement action against railway land intruders is usually taken after an administration notice is issued by the RAC. This notice shall be valid for seven (7) or 14 or 21 or 30 or 90 days according to the case. If the intruder refuses to vacate the land, the RAC will submit a notice of application under Section 425 of the National Land Code from the District Land Administrator to carry out demolition / eviction work. Under the same section, **the intruder may be subject to legal action and can be fined RM10,000 or sentenced to jail for a term not exceeding one (1) year, or both, if convicted.**

In addition, the adoption of the Policy on Enforcement on Land and Houses of Worship allows actions to prevent the construction of new residences, houses of worship, permanent crop cultivation and livestock breeding activities in the railway operation areas to be implemented in a more proper manner. Encroachment of railway operation areas is not only dangerous to the intruders, but also to passengers and the railway operations. Following are the enforcement actions taken throughout the year 2017 according to projects.

| PROJEK<br>PROJECT | JUMLAH SETINGGAN YANG DIBANCI<br>NUMBER OF SQUATTERS RECORDED | JUMLAH SETINGGAN / YANG DIKELUARKAN PADA TAHUN 2017<br>NUMBER OF SQUATTERS EVICTED IN 2017 | TINDAKAN SUSULAN<br>FOLLOW UP |
|---|---|---|---|
| Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas Ke Johor Bahru (PLBE G-JB)<br>Gemas-Johor Bahru Electrified Double Tracking Project (Gemas-Johor Bahru EDTP) | 1,360 | 20 | Baki setinggan yang masih berada di tapak akan dikeluarkan dari semasa ke semasa<br>Remnants of squatters will be evicted from time to time |
| Projek Pembinaan Depoh KTMB di Padang Tengku<br>Construction of KTMB Depot in Padang Tengku | 43 | 11 | Baki 32 setinggan akan dikeluarkan pada tahun 2018<br>Remaining 32 squatters will be evicted in 2018 |
| Projek Pembinaan Stesen Komuter Baru dan Kemudahan Park & Ride di Jalan Udang Gantung, Kepong<br>Construction of New Komuter Station and Park & Ride Facilities in Jalan Udang Gantung, Kepong | 9 | 9 | Selesai<br>Completed |
| Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FT54 Dari Sungai Buloh Ke Assam Jawa, Kuala Selangor<br>Upgrading of Federal Road FT54 From Sungai Buloh To Assam Jawa, Kuala Selangor | 6 | 6 | Selesai<br>Completed |

Jadual 12: Jumlah projek yang terlibat dengan setinggan dan tindakan yang diambil pada tahun 2017
Table 12: Number of projects involving squatters and follow up done in 2017





Gambar 11: Setinggan-setinggan yang menduduki tanah kereta api dirobohkan di Jalan Udang Gantung, Kepong

Picture 11: Squatters' units on railway land being demolished in Jalan Udang Gantung, Kepong





Gambar 12: Wakil RAC melakukan tinjauan dan bancian ke atas setinggan yang menduduki tanah kereta api di Stesen Keretapi Padang Tengku

Picture 12: RAC representatives carrying out checks and census on squatters occupying railway land at Padang Tengku Railway Station, Padang Tengku





Gambar 13: Setinggan-setinggan yang menduduki tanah kereta api dirobohkan untuk memberi laluan kepada Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru (PLVEG-JB)

Picture 13: Remnants of squatters' structure on railway land being demolished to make way for Gemas-Johor Bahru EDTP



Gambar 14: Wakil RAC menampal notis pentadbiran ke atas setinggan yang menduduki tanah kereta api yang terlibat dalam Projek Menaik Taraf Jalan Persekutuan dari Sungai Buloh Ke Assam Jawa, Daerah Kuala Selangor
Picture 14: RAC representatives sticking up administration notice on squatter's unit occupying railway land involved in the project to upgrade federal roads from Sungai Buloh to Assam Jawa, Kuala Selangor

## b) PEMANTAUAN

Selain penguatkuasaan, aktiviti pemantauan tanah-tanah kereta api turut diadakan secara berkala dan *ad-hoc* sekiranya terdapat aduan atau makluman daripada pihak berkuasa lain. Bagi tujuan pemantauan secara berkala, tanah-tanah kereta api telah dibahagikan kepada tiga zon, iaitu Zon Satu (Kuala Lumpur, Selangor), Zon Dua (Kelantan, Pahang, Kedah, Perlis) dan Zon Tiga (Johor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Melaka, Perak). Tujuan pemantauan bukan sahaja untuk memastikan tiada pencerobohan baharu, malah untuk mengambil tindakan ke atas semua aduan yang diterima. Sepanjang tahun 2017, sejumlah 94 aktiviti pemantauan dibuat dengan butiran terperinci seperti berikut:

## b) MONITORING

Apart from enforcement, adhoc and periodical monitoring activities had also been carried out on railway land, especially if there was a report or complaint from any relevant quarters. For periodical monitoring purposes, railway land were divided into four (4) zones, namely Zone One (Kuala Lumpur and Selangor), Zone Two (Kelantan, Pahang, Kedah and Perlis) and Zone Three (Johor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Melaka and Perak). The monitoring activities were carried out with the aim to ensure that no new encroachment of railway land, as well as to respond to all complaints received. Throughout 2017, a total of 94 monitoring activities were mounted with details as follows:

| ZON<br>ZONE | KEKERAPAN<br>FREQUENCY | NEGERI<br>STATE |
|---|---|---|
| SATU<br>ONE | 33 | Kuala Lumpur, Selangor |
| DUA<br>TWO | 30 | Kelantan, Pahang, Kedah, Perlis |
| TIGA<br>THREE | 31 | Johor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Melaka, Perak |

Jadual 13: Jumlah kekerapan aktiviti pemantauan yang dilakukan sepanjang tahun 2017
Table 13: Frequency of monitoring activity carried out in 2017

# SEKSYEN 4/*SECTION 4:*

# MELONJAKKANPEMBANGUNAN HARTANAH KERETA API DAN PENINGKATAN KEMUDAHAN SEKTOR REL

# *BOOSTING DEVELOPMENT OF RAILWAY ASSETS AND IMPROVING INFRASTRUCTURE OF RAIL SECTOR*



## MELONJAKKAN PEMBANGUNAN HARTANAH KERETA API DAN PENINGKATAN KEMUDAHAN SEKTOR REL
## BOOSTING DEVELOPMENT OF RAILWAY ASSETS AND IMPROVING INFRASTRUCTURE OF RAIL SECTOR

Bagi mendokong hasrat Kerajaan memperkasa sektor pengangkutan awam negara, RAC sentiasa komited dalam melaksanakan pembangunan projek-projek berkaitan rel serta meningkatkan kemudahan dan infrastruktur sedia ada di stesen-stesen kereta api. Hasrat ini direalisasikan menerusi usaha pemajuan dan pemajuan semula infrastruktur atau kemudahan kereta api seperti yang telah termaktub di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463).

In support of the Government's aspiration to empower the country's public transportation sector, the RAC is committed to implementing rail-related development projects, as well as to further improve existing facilities and infrastructure at railway stations. The aspiration was realised through the development and re-development of railway infrastructure or facilities as stipulated under the Railways Act 1991 (Act 463).

Dalam aspek pembangunan tanah kereta api, kajian daripada aspek teknikal, daya maju cadangan projek pembangunan dan analisa kewangan perlu dibuat sebelum sesuatu projek dilaksanakan. Pertimbangan yang diambil kira meliputi perancangan zon kegunaan tanah, impak kepada industri perkeretapian, masyarakat dan alam sekitar.

In developing railway land, a study on the technical aspects, the feasibility of the proposed development project and a financial analysis need to be carried out before the proposed project is finalised. Matters that should be taken into consideration include the planning of land zones, impact on the railway industry, local community and the environment.

## PROJEK PEMBANGUNAN PERKERETAPIAN
## RAILWAY DEVELOPMENT PROJECT

a) **PROJEK USAHASAMA DENGAN PIHAK SWASTA**

Setiap perancangan projek pembangunan yang dibuat harus berdasarkan pulangan pelaburan yang menguntungkan RAC seperti berikut:

a) **JOINT VENTURE WITH PRIVATE SECTOR**

Every development project plan should be based on profitable return of investment to the RAC as follows:




Rajah 13: Jenis pulangan yang dinikmati RAC hasil usahasama dengan pihak swasta
Diagram 13: Types of returns enjoyed by the RAC as a result of joint venture development with private sector

Sebelum sesuatu cadangan pembangunan dimuktamadkan, cadangan tersebut akan dikaji oleh RAC sebelum diperhalusi di peringkat Kementerian Pengangkutan, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), KTMB dan jabatan serta agensi lain yang berkaitan. Seterusnya, cadangan tersebut akan dibawa untuk pertimbangan dan kelulusan YB Menteri dan Jemaah Menteri.

Memandangkan kelulusan sesuatu cadangan itu memerlukan proses yang panjang dan rumit, hanya tiga (3) projek yang telah diberikan kelulusan secara prinsip oleh Jemaah Menteri yang menawarkan pulangan bernilai RM999 juta kepada RAC pada tahun semasa. Walau bagaimanapun, kelulusan muktamad Jemaah Menteri perlu diperolehi selepas rundingan syarat dan terma dimuktamadkan.

Before any proposal is finalised, it will be studied by the RAC before being scrutinised by the Ministry of Transport, Public-Private Partnership Unit, Land Public Transport Commission (SPAD), KTMB and other relevant departments and agencies. The proposal will then be brought forth to the Minister or the Cabinet for consideration and approval.

As the approval process is quite complicated and time-consuming, only three (3) projects were approved in principle by the Cabinet in the current year, involving returns amounting to RM999 million to the RAC. However, final approval from the Cabinet must be obtained after the terms and conditions are finalised.

Berikut adalah senarai tiga (3) projek yang kini dalam peringkat rundingan terperinci untuk pertimbangan semula dan kelulusan muktamad Kerajaan:

Following are the three (3) projects which now in the detailed negotiation process for Cabinet's reconsideration or final approval:

i. Cadangan pembangunan bercampur di atas Lot 20924 dan Lot 20925 Mukim Damansara, Petaling Jaya, Selangor. Cadangan pembangunan ini diterima pada tahun 2010 dan memberi pulangan seperti berikut:

- Stesen komuter baharu, bangunan RAC, tempat letak kereta
- Tunai

i. Proposed mixed development on Lot 20924 and Lot 20925 Mukim Damansara, Petaling Jaya, Selangor. The proposal received in 2010 provides for following returns:

- New komuter station, RAC building, car park
- Cash




Pelan tapak
Site plan

ii. Cadangan pembangunan di atas Lot 151, Seksyen 54 (No. Geran 79525), Bandar Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Cadangan pembangunan ini diterima pada tahun 2016 dan memberi pulangan seperti berikut:

- Menara pejabat
- Tunai

ii. Proposed development on Lot 151, Section 54 (Grant No. 79525), Kuala Lumpur City, Federal Territory of Kuala Lumpur. The proposal received in 2016 provides for the following returns:

- Office Tower
- Cash




Pelan tapak
Site plan

iii. Cadangan pembangunan tanah di atas Lot 310, Lot 311, Lot 353 dan Lot 355, Bangsar, Kuala Lumpur memberi pulangan seperti berikut:

- Penggantian kuarters
- Tempat letak kereta

iii. The proposed land development on Lot 310, Lot 311, Lot 353 and Lot 355, Bangsar, Kuala Lumpur will provide for following returns:

- Replacement of quatters
- Car park




Pelan tapak
Site plan

Selain itu, berikut adalah projek-projek pembangunan yang masih dalam peringkat pembinaan:

Following are other developments under contruction:

## PEMBANGUNAN BERORIENTASIKAN TRANSIT
## TRANSIT ORIENTED DEVELOPMENT

### MODEL PEMBANGUNAN MASA HADAPAN
### FUTURE DEVELOPMENT MODEL




Rajah14: Infografik konsep Pembangunan Berasaskan Transit (TOD)
Diagram 14: Infographic on Transit Oriented Development (TOD) concept




## STESEN KERETAPI KL ECO CITY

- **Projek:**
  Cadangan tambahan dan pengubahsuaian Stesen LRT Abdullah Hukum sedia ada dan cadangan pembangunan sebuah stesen komuter tiga tingkat di atas sebahagian tanah rizab kereta api diintegrasikan dengan Stesen LRT Abdullah Hukum sedia ada

- **Pulangan kepada RAC:**
  Stesen komuter baharu; dan ruang pejabat seluas 12,279 kps telah diserahkan pada Oktober 2016.

- **Status:** 99 peratus siap

## KL ECO CITY RAILWAY STATION

- **Project:**
  Extension and renovation of the existing Abdullah Hukum LRT Station and construction of three-storey Komuter station on part of railway land reserve to be integrated with the existing Abdullah Hukum LRT Station

- **Returns to RAC:**
  New komuter station; and office space measuring 12,279 sqft had been handed over in October 2016.

- **Status:** 99 per cent completed









Gambar 15: Stesen Keretapi KL Eco City yang hampir siap
Picture 15: KL Eco City Railway Station which is near full completion



## STESEN KERETAPI KAJANG 2

- **Projek:**
  Pajakan 60 tahun di atas tanah rizab kereta api di Lot 853, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor bagi tujuan pembangunan komersial dan kemudahan tempat letak kereta.

- **Pulangan kepada RAC:**
  Pembinaan stesen komuter yang baharu; dan
  Pemberian hasil pulangan tunai setiap tahun untuk tempoh 60 tahun

- **Luas pembangunan:** 4,868.13 mp

- **Kemudahan:**
  Stesen kereta api, kiosk, pusat penerangan pelancongan dan sebagainya.

- **Status:** 53 peratus siap

## KAJANG 2 RAILWAY STATION

- **Project:**
  A 60-year lease on railway land reserve at Lot 853, Mukim Kajang, Hulu Langat, Selangor for the purpose of commercial development and car park facility.

- **Returns for RAC:**
  New komuter station; and
  annual cash returns for 60 years

- **Project size:** 4,868.13 sqm

- **Facility:**
  Railway station, kiosk, tourism information centre, etc.

- **Status:** 53 per cent completed



## STESEN KERETAPI SEGAMBUT DALAM

- **Projek:**
  Pembinaan Stesen Komuter KTM baharu dua tingkat di atas tanah rizab kereta api di KM379.32 dilengkapi kemudahan Park & Ride diintegrasikan dengan pembangunan bercampur di atas Lot 438 dan kawasan perumahan sedia ada melalui pembinaan sebuah jejantas pejalan kaki di tingkat satu merentasi tanah rizab kereta api dan laluan pejalan kaki berbumbung di Mukim Batu, Kuala Lumpur

- **Pulangan kepada RAC:**
  Pembinaan stesen komuter baharu dengan kemudahan *Park n Ride*.

- Kelulusan dan kebenaran merancang telah diperoleh pada 5 Januari 2016.

- **Status:** Dalam peringkat pemeteraian perjanjian

## SEGAMBUT DALAM RAILWAY STATION

- **Project:**
  Construction of a new double-storey Komuter Station on railway land reserve at KM379.32 which to be equipped with Park n Ride facility and integrated with the mixed development on Lot 438 and the existing residential area through the construction of a pedestrian bridge between the railway land reserve and covered walkway, at Mukim Batu, Kuala Lumpur

- **Returns for RAC:**
  New Komuter station with Park & Ride facility.

- Approval and planning permit had been obtained on 5 January 2016.

- **Status:** In agreement signing process



## MENARA PEJABAT BRICKFIELDS

- **Projek:**
  Cadangan penswastaan pembangunan tanah milik Perbadanan Aset Keretapi di atas PT26, Seksyen 55, Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, Kuala Lumpur

- **Pulangan kepada RAC:**
  Menara pejabat di Brickfields merangkumi ruang pejabat tidak kurang 158,091 kaki persegi; dan

- Ruang komersil tidak kurang 8,000 kaki persegi serta kemudahan-kemudahan lain.

- **Status:** Keputusan muktamad Jemaah Menteri diperoleh pada 30 Oktober 2015.

## OFFICE TOWER IN BRICKFIELDS

- **Project:**
  Proposed privatisation of Railway Assets Corporation-owned land development on Lot PT26, Section 55, Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, Kuala Lumpur

- **Returns to RAC:**
  Office tower in Brickfields comprising office space measuring not less than 158,091 sqft; and

- Commecial space not less than 8,000 sqft as well as other facilities.

- **Status:** Final decision from the Cabinet was obtained on 30 October 2015.

- Perjanjian telah ditandatangani pada 7 Mac 2016.
- Perintah pembangunan telah diperolehi pada 27 Oktober 2017
- Permohonan Pelan Bangunan dengan pihak DBKL

- Agreement signed on 7 March 2016.
- Development order was obtained on 27 October 2017.
- Application for Building Plan with DBKL.




## SEREMBAN SENTRAL

- **Projek:**
  Pembangunan Seremban Sentral, Seremban, Negeri Sembilan
- **Pulangan kepada RAC:**
  Hub pengangkutan;
  Penggantian 55 unit kuarters ; dan
- Tunai.
- Kelulusan Jemaah Menteri diterima pada 25 Februari 2015.
- **Status:** Pembinaan Fasa 1, PR1MA

## SEREMBAN SENTRAL

- **Project:**
  Development of Seremban Sentral, Seremban, Negeri Sembilan
- **Returns to RAC:**
  Transportation hub;
  replacement of 55 units of workers' quarters; and
- Cash.
- Cabinet approval received on 25 February 2015.
- **Status:** Phase 1, PR1MA under construction

## CADANGAN PEMBANGUNAN YANG MASIH DI PERINGKAT PEMPROSESAN PERMOHONAN (RUNDINGAN)

## DEVELOPMENT PROPOSALS STILL IN APPLICATION PROCESSING (NEGOTIATION) STAGE

Sepanjang tahun 2017, RAC masih meneruskan proses permohonan cadangan pembangunan di atas tanah kereta api yang diterima dari tahun-tahun sebelum itu dan pada tahun semasa. Berikut adalah jumlah permohonan pembangunan tanah di peringkat pemprosesan bagi tahun 2015 hingga 2017:

Throughout 2017, RAC was still processing applications for development on railway land which were received in the previous years, as well as in the current year. Following are the number of applications for land development still in the processing stage in the year 2015, 2016 and 2017.

| TAHUN<br>YEAR | JUMLAH CADANGAN PROJEK PEMBANGUNAN YANG DITERIMA OLEH RAC (RUNDINGAN)<br>NUMBER OF DEVELOPMENT PROPOSALS RECEIVED BY RAC (IN NEGOTIATION) |
|---|---|
| 2017 | 9 |
| 2016 | 8 |
| 2015 | 16 |

Jadual 14: Jumlah permohonan pembangunan di atas tanah kereta api dari tahun 2015 hingga 2017
Table 14: Number of applications for railway land development from 2015 to 2017

Jadual 14 menunjukkan jumlah permohonan pembangunan tanah-tanah RAC bagi tempoh tiga tahun bermula 2015. Kebanyakan permohonan cadangan pembangunan diterima daripada syarikat-syarikat swasta. Pada tahun 2017, sebanyak sembilan (9) permohonan baharu diterima berbanding tahun sebelumnya iaitu lapan (8) permohonan dan 16 permohonan pada tahun 2015.

Table 14 shows the total number of applications for development of RAC land for a period of three years from 2015. Most applications were received from private companies. In 2017, nine (9) new applications were received compared to eight (8) applications in the previous year and 16 applications in 2015.

Selain daripada memproses permohonan pembangunan yang diterima, Perbadanan ini juga turut menerima permohonan ulasan terhadap cadangan pembangunan bagi

Apart from processing the development applications received, the Corporation has also received applications for reviews on development proposals

tanah-tanah bersebelahan dengan tanah kereta api daripada pihak PBT atau pemilik projek pembangunan tersebut. Tindakan ini adalah selaras dengan Seksyen 21 (6), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 di mana menjadi hak RAC selaku pemunya tanah berjiran untuk mengemukakan bantahan terhadap permohonan pembangunan yang hendak dilaksanakan.

for land adjacent to railway land from the local authority or owner of the development project. This action is in accordance with Section 21 (6) of the Town and Country Planning Act 1976 whereby RAC, as the owner of the adjacent land, has the right to submit a protest against the proposed development.

| TAHUN<br>YEAR | JUMLAH ULASAN TANAH BERSEBELAHAN YANG DITERIMA RAC<br>NUMBER OF REVIEW ON PROPOSED DEVELOPMENT ON ADJACENT LAND RECEIVED BY RAC |
|---|---|
| 2017 | 23 |
| 2016 | 3 |
| 2015 | 11 |

Jadual 15: Jumlah permohonan ulasan pembangunan tanah bersebelahan dari tahun 2015 hingga 2017

Table 15: Number of applications for reviews on development of adjacent land received from 2015 to 2017

Merujuk kepada Jadual 15, peningkatan dalam jumlah permohonan adalah disebabkan permintaan yang tinggi terhadap pembangunan komersial dan kediaman di Pulau Pinang.

Referring to the statistics in Table 15, the increase in the number of applications were mostly due to the increase in the demand for commercial and housing developments in Pulau Pinang.

**b) PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API**

Dalam menyediakan infrastruktur dan kemudahan kereta api yang lebih cekap dan efektif, RAC dan Kerajaan Persekutuan (melalui Kementerian Pengangkutan) telah menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi melaksanakan projek-projek yang telah dikenalpasti.

**b) RAILWAY INFRASTRUCTURE AND FACILITIES DEVELOPMENT PROJECTS**

In a bid to provide a more efficient and effective railway infrastructure and facilities, the RAC and the Federal Government (through the Ministry of Transport) had set aside ample allocation to implement identified projects.

Projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan kereta api yang dilaksanakan RAC merangkumi:

Among the railway infrastructure and facilities development projects being undertaken are as follows:

***i. PARK & RIDE***

***i. PARK & RIDE***




Rajah 15: Infografik mengenai *Park & Ride*
Diagram 15: Infographic on *Park & Ride*

*Park & Ride* merupakan satu daripada inisiatif yang digariskan di bawah *National Key Result Area* (NKRA) peringkat Kementerian Pengangkutan bagi memperbaiki kemudahan awam di stesen-stesen komuter. Melalui konsep ini, kawasan tempat letak kereta yang selesa dibina bagi membolehkan penumpang-penumpang kereta

*Park & Ride* is an initiative outlined under the National Key Result Areas (NKRA) for the Ministry of Transport to improve public facilities at Komuter/ railway stations. Through the Park & Ride concept, more comfortable parking lots were built to enable passengers to park their vehicles at a safe

api meletakkan kenderaan mereka di dalam kawasan parkir yang selamat. Selain tempat letak kereta, kemudahan-kemudahan lain turut disediakan seperti tandas, lampu jalan, *walk-away* dan kemudahan kamera litar tertutup (CCTV).

Dalam hal ini, RAC selaku pemilik aset telah melantik Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai perunding projek fizikal selaras dengan Arahan 1 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 3.1: Perolehan Perkhidmatan Perunding.

- ***PARK & RIDE* KLANG**

  Cadangan pembinaan tempat letak kereta di stesen ini merangkumi;

  a) Bangunan tempat letak kenderaan 4 tingkat dengan 600 lot parkir;
  b) Tempat letak motosikal dengan 80 lot parkir;
  c) Kawasan mengambil dan menurun penumpang (*drop by zone*) bagi bas, teksi dan kenderaan awam;
  d) Ruang niaga;
  e) Kemudahan untuk Orang Kurang Upaya (OKU); dan
  f) kawalan keselamatan CCTV.

place. Apart from car park, other facilities were also provided, such as toilets, street lights, pedestrian walkway and closed circuit television cameras.

In this regard, RAC as the assets owner had appointed the Public Work Department (PWD) as the consultant for physical projects in line with the Order 1 Malaysian Treasury Circular PK 3.1: Procurement of Consulting Services.

- **KLANG *PARK & RIDE***

  The proposed construction of car park at this station consisted of the following;

  a) A four-storey car park building with 600 parking spaces;
  b) A total of 80 parking spaces for motorcycles;
  c) Passengers' drop by zone for buses, taxis and private vehicles;
  d) Kiosks;
  e) Facilities for Persons With Disabilities (OKU); and
  f) CCTV surveillance system.

**<u>Maklumat Projek</u>:**
**Tarikh Masuk Tapak:** 15 Jun 2015
**Tarikh Dijangka Siap Kerja:** 27 April 2018
**Kos Projek:** RM28,911,820.33

**<u>Project Information</u>:**
**Date of Commencement:** 15 June 2015
**Expected Date of Completion:** 27 April 2018
**Cost of Project:** RM28,911,820.33






Gambar 16: *Park & Ride* Klang yang sedang dalam pembinaan
Picture 16: Klang *Park & Ride* under constrution

### *ii. PARKWAY DROP ZONE*

*Parkway Drop Zone* (PDZ) merupakan integrasi di antara perkhidmatan rel dengan pengangkutan awam yang lain seperti bas dan teksi serta kenderaan persendirian bertujuan untuk menggalakkan orang ramai menggunakan kereta api sebagai medium mobiliti mereka. Tujuan konsep ini diperkenalkan adalah untuk memudahkan penumpang kereta api mengambil pengangkutan awam yang lain untuk ke destinasi seterusnya disamping menyediakan kawasan yang selesa dan selamat bagi kenderaan persendirian untuk mengambil dan menurunkan penumpang.

Peningkatan kemudahan ini meliputi penyediaan ruang yang selesa di kawasan lobi

### *ii. PARKWAY DROP ZONE*

Parkway Drop Zone (PDZ) is an integration between rail service and other means of public transportation, such as buses and taxis as well as private-owned vehicles, which aimed to encouraging the public to choose train as their medium of mobility. The objective for the introduction of the concept is to enable train passengers to hop onto other public transports to get to their next destinations, besides providing a comfortable and safe area for private vehicles to pick up and drop their passengers.

The upgrading of this infrastructure includes the provision of comfortable space

dan kemudahan *drop by zone* untuk teksi, bas dan kenderaan awam yang lain. Kemudahan ini disediakan bagi membolehkan penumpang perkhidmatan rel diturunkan ditempat yang selamat dan mengelakkan gangguan lalu lintas yang sering berlaku di hadapan stesen Komuter.

in lobby areas and drop by zone facility for taxis, buses and other public transport. This facility is provided to allow train passengers to be dropped safely while preventing traffic disruptions in front of the Komuter station.

## PARK WAY DROP ZONE

INISIATIF KE ARAH MENGGALAKKAN PENGGUNAAN PENGANGKUTAN AWAM
INITIATIVE TO ENCOURAGE USE OF PUBLIC TRANSPORT

**1 HENTIAN**
**1 STOP**

**TUJUAN UTAMA**
**MAIN PURPOSE**

Menyediakan kemudahan bagi bas dan teksi untuk menurun dan mengambil penumpang bersebelahan stesen kiomuter
To provide the facility to enable buses and taxis to drop and pick up passengers next to the komuter/railway station




**Stesen Komuter**
**Komuter Station**
- Dato Harun
- Serdang
- Batu Tiga

**1 INISIATIF**
di bawah NKRA Pengangkutan Awam Bandar
**1 INITIATIVE**
Under the NKRA for Urban Public Transport

Rajah16: Infografik mengenai *Parkway Drop Zone*
Diagram 16: Infographic on Parkway Drop Zone

### PDZ DI STESEN KOMUTER SERDANG

Skop projek adalah seperti berikut:

a) Membina kemudahan *drop by zone* baharu yang bersesuaian untuk pengangkutan awam (bas, teksi, dan kenderaan awam) termasuk kemudahan untuk OKU.
b) Menaiktaraf ruang lobi stesen yang dihubungkan dengan kawasan *drop by zone*.

### PARKWAY DROP ZONE AT SERDANG KOMUTER STATION

The scopes of the project are as follows:

a) To build a new drop by zone suitable for public transport (bus, taxi and public vehicle), as well as facilities for OKU.
b) To upgrade the lobby area of the station connected to the drop by zone.
c) To upgrade existing bridge to meet the requirement of passengers, including OKU.

c) Menaiktaraf jejantas sedia ada mengikut keperluan dan kesesuaian kepada pengguna termasuk kemudahan untuk OKU.

d) Cadangan pembangunan adalah mesra pengguna OKU dan mesra penumpang.

d) Development proposed is passenger and OKU-friendly.

**Maklumat Projek:**

**Tarikh Masuk Tapak:** 4 Januari 2016
**Tarikh Dijangka Siap Kerja:** 16 Januari 2018
**Kos Projek:** RM10,619,743.24

**Project Information:**

**Date of Commencement:** 4 January 2016
**Expected Date of Completion:** 16 January 2018
**Cost of Project:** RM10,619,743.24







Gambar 17: PDZ Serdang yang telah siap dibina
Picture 17: Completed Parkway Drop Zone in Serdang

## PDZ DI STESEN BATU 3

Skop projek adalah seperti berikut:

a) Membina kemudahan *drop by zone* baharu yang bersesuaian untuk pengangkutan awam (bas, teksi, dan kenderaan awam) termasuk kemudahan untuk OKU.
b) Membina laluan pejalan kaki berbumbung.
c) Membina 15 unit kuarters Kelas H di Klang.

**Maklumat Projek:**
**Tarikh Masuk Tapak:** 4 Januari 2017
**Tarikh Dijangka Siap Kerja:** 3 September 2018
**Kos Projek:** RM11,392,116.80

## PARKWAY DROP ZONE IN BATU 3 STATION

The scopes of the project are as follows:

a) To build a new drop by zone suitable for public transportation (bus, taxi, and public transport) including facilities for OKU.
b) To build covered pedestrian walkway.
c) To build 15 units of Class H workers' quarters in Klang.

**Project Information:**
**Date of Commencement:** 4 January 2017
**Expected Date of Completion:** 3 September 2018
**Cost of Project:** RM11,392,116.80






Gambar 18: PDZ Batu 3 sedang dalam pembinaan
Picture 18: Parkway Drop Zone in Batu 3 under construction

# KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN ASET DAN INFRASTRUKTUR KERETA API
# MAINTENANCE OF RAILWAY ASSETS AND INFRASTUCTURE

Sebagai pemilik aset dan infrastruktur, RAC bertanggungjawab dalam memastikan aset-aset kereta api ditadbir dan diuruskan dengan baik. Justeru itu, sepanjang tahun 2017, RAC telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan melibatkan:

i. Perobohan dan pembaikan aset serta infrastruktur kereta api;
dan
ii. Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan;

Pelaksanaan kerja-kerja ini hasil daripada perancangan berkala, aduan dan hasil lawatan tapak serta pemantauan terhadap aset. Sepanjang tahun 2017, sejumlah RM705,909.48 telah dibelanjakan bagi melaksanakan kerja-kerja di atas dengan butiran terperinci seperti jadual di bawah:

As an asset and infrastructure owner, RAC is responsible for ensuring that all railway assets are well managed and maintained. Hence, throughout 2017, the RAC had carried out maintenance work as follows:

i. Demolition or repair of railway assets and infrastructure; and
ii. Maintenance and cleaning works.

The implementation of these works was a result of periodic planning, complaints and site visits, as well as monitoring of assets. Throughout 2017, a sum of RM705,909.48 was spent on performing the above works with details in the table below:

| BIL<br>NO. | KERJA PEMBERSIHAN YANG DIBUAT<br>TYPES OF WORK | KOS (RM)<br>COST (RM) |
|---|---|---|
| 1. | Kerja-kerja pembersihan dan membaiki pagar di jajaran KVDT - Seksyen Kajang-Seremban, Negeri Sembilan<br>Cleaning and repair of fences on KVDT alignment for Kajang-Seremban Section, Negeri Sembilan | 490,646.46 |
| 2. | Kerja-kerja pembersihan kawasan di Johor Bahru, Johor<br>Cleaning of areas in Johor Bharu, Johor | 18,090.00 |
| 3. | Kerja-kerja pembersihan kawasan parkir bertingkat di Seremban<br>Cleaning of multi-storey car park in Seremban | 2,870.00 |
| 4. | Kerja-kerja baik pulih atap di Gudang 3, Ipoh Cargo, Perak<br>Roof repair work at Warehouse 3, Ipoh Cargo, Perak | 1,484.00 |
| 5. | Kerja-kerja pembersihan di kawasan jajaran kereta api di Jalan ½, Petaling Jaya, Selangor<br>Cleaning of railway areas at Jalan ½, Petaling Jaya, Selangor | 17,500.00 |

| BIL<br>NO. | KERJA PEMBERSIHAN YANG DIBUAT<br>TYPES OF WORK | KOS (RM)<br>COST (RM) |
|---|---|---|
| 6. | Kerja-kerja pembersihan kawasan di Kampung Fajar, Alor Setar, Kedah<br>Cleaning of areas at Kampung Fajar, Alor Setar, Kedah | 19,514.10 |
| 7. | Kerja-kerja pembersihan kawasan di Port Dickson, Negeri Sembilan<br>Cleaning of areas in Port Dickson, Negeri Sembilan | 18,600.00 |
| 8. | Kerja-kerja pembersihan dan meroboh dua (2) unit kuarters di Labis, Johor<br>Cleaning of areas and demolition of two (2) units of workers' quarters in Labis, Johor | 18,020.00 |
| 9. | Kerja-kerja pembersihan kawasan di Taman Angsamas, Seremban, Negeri Sembilan<br>Cleaning of areas in Taman Angsamas, Seremban, Negeri Sembilan | 12,700.00 |
| 10. | Kerja-kerja pembersihan di atas tanah rizab kereta api berhampiran Stesen Komuter Taman Wahyu, Kepong dan Stesen Komuter Batu Kentomen, Kuala Lumpur<br>Cleaning of areas on railway land reserve near the Taman Wahyu Komuter Station, Kepong and Batu Kentomen Komuter Station, Kuala Lumpur | 18,868.00 |
| 11. | Kerja-kerja pembersihan kawasan dan baik pulih pagar sedia ada serta lain-lain kerja yang berkaitan di kuarters KTM-Titiwangsa, Kuala Lumpur<br>Cleaning of areas, repair of fences and other related works at KTM quarters in Titiwangsa, Kuala Lumpur | 19,993.72 |
| 12. | Kerja-kerja pembersihan kawasan di Jalan Rasah, Seremban, Negeri Sembilan<br>Cleaning of areas in Jalan Rasah, Seremban, Negeri Sembilan | 18,900.00 |
| 13. | Kerja-kerja pembersihan semak samun di atas tanah milik RAC di Shah Alam, Selangor<br>Cleaning of grass and bush on RAC-owned land in Shah Alam, Selangor | 12,688.20 |
| 14. | Kerja-kerja penyelenggaraan lampu jalan di tapak tempat letak kereta di Stesen Komuter Kuang, Selangor<br>Maintenance work on street lights at car park of Kuang Komuter Station, Selangor | 3,800.00 |
| 15. | Kerja-kerja pembersihan di kawasan landasan kereta api di Sungai Siput, Perak<br>Cleaning of railway areas in Sungai Siput, Perak | 4,720.00 |
| 16. | Kerja-kerja membina longkang di atas Lot 782 Stesen Komuter UKM, Selangor<br>Construction of drains on Lot 782, UKM Komuter Station, Slangor | 12,415.00 |
| 17. | Kerja-kerja pembersihan kawasan & lain-lain kerja di kawasan *Park & Ride* Nilai, Negeri Sembilan<br>Cleaning of areas and related works at Park & Ride facility in Nilai, Negeri Sembilan | 15,100.00 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN**<br>**TOTAL** | **705,909.48** |

Jadual 16: Senarai kerja-kerja penyelenggaraan aset dan infrastruktur kereta api pada tahun 2017
Table 16: List of maintenance work done on railway assets and infrastructure in 2017

# PELUPUSAN ASET KERETA API
# DISPOSAL OF RAILWAY ASSETS

Bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan Kerajaan / RAC, mengoptimumkan nilai aset dan memanjangkan jangka hayat, aset-aset kereta api (infrastruktur) perlu dipantau secara berkala dan jika aset tersebut tidak lagi ekonomi untuk diperbaiki maka proses pelupusan akan dilaksanakan. Bagi tujuan ini Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan telah dijadikan rujukan.

Selain mengambil tindakan terhadap aduan, pemantauan berkala turut dilakukan ke atas prestasi aset yang terlibat dalam operasi kereta api seperti stesen, kuarters, depoh dan sebagainya. Infrastruktur dan aset kereta api yang dipantau dan dilupuskan pada tahun semasa adalah seperti berikut:

In order to improve the quality of Government/RAC service delivery, optimise asset value and extend asset life railway assets (infrastructure) need to be monitored periodically and if the assets are no longer economical to be repaired, then the asset disposal process will be implemented. For this purpose the Government Immovable Asset Management Procedure has been used as a reference.

Apart from complaints, the performance and conditions of the assets involved in railway operations, such as stations, quarters, depots and etc are monitored periodically. Railway infrastructure and assets monitored and disposed of during the current year are as follows:

**PEMANTAUAN & PELUPUSAN**
**MONITORING & DISPOSAL**




Rajah 17: Aset dan infrastruktur kereta api yang dibuat pemantauan prestasi dan dilupuskan
Diagram 17: Railway assets and infrastructure to be monitored for performance evaluation and disposal

Pelupusan aset di RAC bagi tahun 2017 telah dilaksanakan melalui proses sebut harga, tender dan jualan secara runcit kepada syarikat-syarikat yang memohon kepada RAC. Berikut adalah kerja-kerja pelupusan yang dibuat:

The disposal of RAC assets in 2017 was implemented through quoting, tender and retail sale processes to companies applying to the RAC. Following are the list of disposal works undertaken:

| PEROLEHAN<br>PROCUREMENT | JAJARAN/KAWASAN KERETA API<br>RAILWAY AREA/ ALIGNMENT | JENIS MATA BENDA TERPAKAI<br>TYPES OF USED ITEMS | NILAI (RM)<br>VALUE (RM) |
|---|---|---|---|
| SEBUT HARGA<br>QUOTATION | KVDT Lembah Klang<br>Klang Valley KVDT Area | Rel Landasan<br>Rail Track | 612,613.30 |
| | Projek Baik Pulih Gemas - Tumpat<br>Gemas – Tumpat Repair Project Site | Rel Landasan<br>Rail Track | 156,256.80 |
| | Depoh Jalan Ang Seng<br>Jalan Ang Seng Depot | Pelbagai<br>Various | 81,780.00 |
| JUALAN RUNCIT<br>RETAIL SALES | | Rel Landasan<br>Rail Track | 211,045.07 |
| | | Penggalas Konkrit<br>Concrete Bearing Pads | 8,700.00 |
| | | Kelengkapan Rel<br>Rail Equipment | 153.60 |
| | | JUMLAH KESELURUHAN:<br>TOTAL | 984,238.77 |

Jadual 17: Senarai kerja-kerja pelupusan yang dibuat pada tahun 2017
Table 17: List of disposal work implemented in 2017





Gambar 19: Pembekalan mata benda terpakai bagi kegunaan Projek Baikpulih Landasan di Sektor Pantai Timur
Picture 19: Supply of used items for Railway Track Repair Project at the East Coast Sector





Gambar 20: Pelupusan lebihan besi landasan Gred C
Picture 20: Disposal of Grade C steel rail tracks

## SEKSYEN 5/*SECTION 5:*

# PENGURUSAN ADUAN DAN MENGUTAMAKAN PELANGGAN
# *MANAGING COMPLAINTS AND PRIORITISING CUSTOMERS*



# PENGURUSAN ADUAN DAN KHIDMAT NASIHAT
# COMPLAINT MANAGEMENT AND ADVISORY SERVICE

Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan semua aduan awam dapat diselesaikan dengan cekap, adil dan berkesan dengan mengenalpasti langkah-langkah yang efektif dalam menangani aduan. Justeru itu, semua jabatan dan agensi Kerajaan perlu mengikis sindrom menolak realiti dan bersikap terbuka dalam menerima kritikan masyarakat.

The Government is always committed to ensuring that all public complaints can be resolved efficiently, fairly and effectively by identifying effective measures in dealing with complaints. Hence, all Government departments and agencies need to fight the syndromes of denial and be more open-minded in accepting public criticisms.

Bertitik tolak daripada itu, saban tahun RAC terus komited dalam menguruskan aduan yang diterima. Selaku agensi yang bertindak sebagai pengurus aset serta bertanggungjawab dalam membangunkan infrastruktur kereta api, RAC tidak dapat lari daripada menerima aduan atau cadangan yang dikemukakan oleh para pelanggan dan pihak berkepentingan.

In this regard, RAC continues to be committed to managing the complaints received. As an agency acting as asset manager and responsible for developing rail infrastructure, the RAC cannot escape from receiving complaints or recommendations from its customers and stakeholders.

Pengurusan aduan di RAC diurus berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2009: Penambahbaikan Proses Pengurusan Aduan Awam. Selain melalui borang maklumbalas di laman web, RAC turut menerima aduan yang dikemukakan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA), e-mel, media sosial, telefon, Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA), Surat Kepada Pengarang dan surat. Selain itu, aduan/cadangan yang diterima kaunter RAC semasa Program Hari Bertemu Pelanggan (HBP) sama ada di bawah kelolaan Kementerian Pengangkutan atau Perbadanan ini turut diambil tindakan.

The management of complaints at the RAC is implemented based on Public Administration Development Circular No. 1 Year 2009: Improvement of Public Complaints Management Process. In addition to complaints received through the feedback form on its website, RAC also received complaints filed through the Public Complaints Bureau (BPA), mails, emails, social media, telephone, Public Complaint Management System (SISPAA) and Letter to the Editor. Furthermore, complaints/recommendations received by the RAC over the counter during the Meet-the-Customer Day (HBP) Programme, either organised by the Ministry of Transport or the Corporation, were also being addressed.

| TAHUN YEAR | STATUS ADUAN STATUS OF COMPLAINT | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Jumlah Aduan Diterima Number of Complaints Received | Jumlah Aduan Selesai Number of Complaints Solved | Jumlah Aduan Tidak Selesai Number of Complaints Unsolved | Aduan Tidak Berkaitan Irrelevant Complaints |
| 2015 | 103 | 94 | 5 | 4 |
| 2016 | 126 | 123 | 2 | 1 |
| 2017 | 129 | 122 | 6 | 1 |

Jadual 18: Perbandingan jumlah aduan yang diterima dan status bagi tahun tempoh 2015 hingga 2017
Table 18: Comparison of number of complaints received and their status for the year 2015 to 2017

Berdasarkan Jadual 18, aduan yang diterima RAC pada tahun semasa telah meningkat sebanyak tiga (3) kes menjadikan jumlah aduan pada tahun 2017 kepada 129 kes berbanding 126 kes pada tahun 2016.

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 122 aduan telah diselesaikan, enam (6) aduan tidak selesaikan berikutan ketiadaan peruntukan dan aduan-aduan yang memerlukan ulasan teknikal dan ulasan dari jabatan lain manakala satu (1) aduan didapati tiada kaitan dengan RAC. Aduan-aduan yang tidak selesai ini dijangka diselesaikan pada tahun 2018.

Pada tahun 2017, sebanyak 107 atau 83 peratus aduan yang diterima oleh Perbadanan ini adalah melibatkan isu-isu pengurusan hartanah khususnya aduan kepada pihak operator yang dilantik bagi mengawal selia parkir-parkir yang dibina di dalam kawasan stesen komuter sekitar Lembah Klang dan aduan berkaitan pembersihan kawasan dan penyenggaraan infrastruktur. Aduan-aduan lain termasuk pencerobohan tanah-tanah kereta api,

Based on Table 18, the number of complaints received by the RAC in the current year has increased by three (3) cases, bringing the total to 129, compared to 126 in 2016.

Throughout 2017, a total of 122 complaints were solved, six (6) remain unsolved due to lack of allocation and awaiting technical reviews from other departments, and one (1) complaint was found irrelevant to the RAC. Those unsolved complaints are expected to be solved in 2018.

A total of 107 or 83 per cent of complaints received by the Corporation in the current year involved property management issues, particularly complaints concerning the operators appointed to oversee the operations in parking areas at all komuter stations in the Klang Valley, as well as complaints on cleaning or areas and infrastructure maintenance. Other complaints are on encroachment of railway land, rental

penyewaan dan hal ehwal pentadbiran tanah. Selain itu, RAC turut menerima sebanyak 12 aduan berkaitan projek pembangunan infrastruktur perkeretapian terutama melibatkan tempoh penyiapan projek dan masalah di tapak. Pada tahun semasa sebanyak sembilan (9) aduan diterima untuk tindakan Bahagian Khidmat Pengurusan melibatkan pertanyaan jawatan kosong, khidmat nasihat berkaitan penempatan latihan industri, pendaftaran pembekal dan kontraktor serta lain-lain pertanyaan berhubung fungsi dan peranan RAC.

and land administration affairs. Apart from that, the RAC also received 12 complaints concerning its infrastructure development projects, especially about the duration for completion or problem occurring on site. In the current year, nine (9) complaints were received and required respond from the Management Services Division, involving inquiry for vacancy, advice on placement for industrial training, registration of supplier and contractor, as well as on functions and roles of the RAC.

## MENDEKATI RAKYAT
## REACHING OUT TO THE PEOPLE

### a) PROGRAM JALINAN MESRA BERSAMA PELANGGAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Bermula 2016, program Jalinan Mesra Bersama Pelanggan Kementerian Pengangkutan telah dijadikan *Key Performance Indicator* (KPI) Kementerian Pengangkutan bagi Teras 4 iaitu Merangkum dan Sepunya. Oleh yang demikian, setiap jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pengangkutan telah diarahkan secara bergilir-gilir untuk menjadi tuan rumah bagi program tersebut. Selain pembukaan kaunter oleh pempamer, setiap agensi/jabatan digalakkan menyediakan aktiviti-aktiviti yang menarik dan berfaedah untuk orang ramai.

### a) MINISTRY OF TRANSPORT'S *"JALINAN MESRA BERSAMA PELANGGAN"* PROGRAMME

The Ministry's of Transport's (MOT) *Jalinan Mesra Bersama Pelangggan* Programme has been made the Key Performance Indicator (KPI) of the MOT's Strategic Thrust 4: Inclusiveness and Ownership which began in 2016. As such, every department and agency under the MOT has also been instructed to take turns to organize the programme. Apart from setting up counters for the exhibitors, each department/agency was also encouraged to line up interesting and beneficial activities for the public.

Pada 14 Mei 2017, RAC telah menjadi tuan rumah bagi program ini yang diadakan di pusat beli belah AEON, Taiping Perak. Taiping menjadi pilihan lokasi yang tepat memandangkan kawasan itu terdapat aset dan infrastruktur tanah kereta api selain tanah-tanah kereta api yang telah disewa bagi tujuan komersial. Sebanyak 14 jabatan/ agensi telah mengambil bahagian sebagai pempamer dan seramai kira-kira 500 pengunjung hadir memeriahkan program ini.

Aktiviti yang dijalankan pada hari tersebut adalah seperti berikut:

i. Khidmat Kaunter Mobile 1 Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);
ii. Khidmat kaunter oleh RAC – pembayaran dan permohonan sewa;
iii. Pra-pelancaran RAILS oleh RAC;
iv. Kempen Derma Darah oleh Unit Transfusi Darah, Hospital Taiping;
v. Semakan Daftar Pemilih oleh Suruhanjaya Pilihan Raya;
vi. Kuiz Bersama Pelanggan;
vii. Kempen *Save Life*: *Slow Down* oleh Institut Penyelidikan dan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS);
viii. Aktiviti untuk kanak-kanak (pertandingan mewarna dan permainan interaktif);
ix. Ceramah Pelaksanaan Sistem KEJARA & AWAS oleh JPJ; dan
x. Ceramah motivasi

On May 14, 2017, RAC hosted the programme which was held at the AEON Shopping Centre, Taiping Perak. The selection of Taiping was apt as the area housed railway assets and infrastructure, as well as railway land rented for commercial purposes. A total of 14 departments / agencies participated as exhibitors and about 500 people attended the program.

Activities held during the programme were as follows:

i. Road Transport Department (RTD) Mobile 1 Counter Service;
ii. RAC Counter Service – for rent payment and rental application;
iii. Soft launch of Railway Assets Intelligence System (RAILS) by RAC;
iv. Blood drive campaign by Blood Tranfusion Unit, Taiping Hospital;
v. Checking of Electoral Roll by Election Commision (EC);
vi. Quiz with customers;
vii. Save Life: Slow Down Campaign by Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS);
viii. Children activities (coloring contest and interactive games);
ix. Talk on Implementation of KEJARA & AWAS Systems by RTD; and
x. Motivational talk














Gambar 21: Sekitar Program Jalinan Mesra Bersama Pelanggan Kementerian Pengangkutan anjuran RAC dan pra pelancaran RAILS yang diadakan di pusat beli belah AEON Taiping pada 14 Mei 2017

Picture 21: Around the MOT's "Jalinan Mesra Bersama Pelanggan" Programme organised by RAC and the soft launch of RAILS at AEON Shopping Centre in Taiping on May 14, 2017.

## HASIL PROGRAM
## PROGRAMME OUTCOME

| AKTIVITI<br>ACTIVITY | AGENSI/JABATAN<br>AGENCY/DEPARTMENT | HASIL<br>OUTCOME |
|---|---|---|
| Derma Darah<br>Blood Drive | Unit Transfusi Darah, Hospital Taiping<br>Blood Transfusion Unit, Taiping Hospital | Sebanyak 25 pek darah telah berjaya dikumpul.<br>A total of 25 pints of blood were collected. |
| Kaunter Mobile 1 JPJ<br>RTD Mobile 1 Counter | Jabatan Pengangkutan Jalan<br>Road Transport Department | • Pembaharuan lesen memandu - 2<br>• Pembaharuan LKM / Cukai Jalan - 2<br>• Perkhimatan semakan saman - 12<br>• Pertanyaan & Khidmat Nasihat - 7<br>• Permohonan ID portal awam - 9<br>• Renewal of driving licence - 2<br>• Renewal of LKM / Road Tax - 2<br>• Summons Checking Service - 12<br>• Inquiry & Advisory - 7<br>• Public portal ID application – 9 |
| Hari Bertemu Pelanggan RAC Bil 2/2017<br>RAC Meet-the-Customer Day No.2/2017 | Perbadanan Aset Keretapi<br>Railway Assets Corporation | • Sebanyak 10 pertanyaan berkaitan tanah kereta api dan prosedur penyewaan diterima.<br>• Sebanyak lima (5) borang permohonan penyewaan diedarkan.<br>• Sebanyak lima (5) pertanyaan berkaitan RAILS.<br>• Ten questions received on railway land and rental procedures.<br>• Five (5) rental application forms distributed.<br>• Five (5) questions received on RAILS. |
| Pertandingan Mewarna & Kuiz Bersama Pelanggan<br>Coloring Contest and Quiz with Customers | Semua agensi/ jabatan<br>All agencies/ departments | • Sebanyak 30 penyertaan daripada kanak-kanak diterima secara keseluruhan<br>• Setiap agensi telah memberikan lima (5) soalan beserta hadiah<br>• A total of 30 entries received from the children<br>• Each agency provides five (5) questions and prizes |
| Semakan Daftar Pemilih<br>Checking of Electoral Roll | Suruhanjaya Pilihan Raya<br>Election Commission | Seramai 42 pengunjung telah mendapat manfaat dengan pecahan seperti berikut:<br>• Penukaran alamat – 11 orang<br>• Daftar baru – 10 orang<br>• Semakan – 21 orang<br>A total of 42 people benefitted from the service rendered by the EC<br>• Change of address - 11 people<br>• New registration - 10 people<br>• Checking of electoral roll - 21 people |

Jadual 19: Hasil Program Jalinan Mesra Bersama Pelanggan Kementerian Pengangkutan yang dihoskan oleh RAC

Table 19: Outcome of the MOT's "Jalinan Mesra Bersama Pelanggan" Programme hosted by the RAC

## b) PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN RAC

Program Hari Bertemu Pelanggan (HBP) RAC mula dilaksanakan pada tahun 2013 bertitik tolak daripada saranan Kerajaan untuk mendekati rakyat melalui aktiviti turun padang. Program ini dianjurkan bertujuan untuk memudahkan pelanggan-pelanggan RAC terutama di kawasan luar bandar menyelesaikan urusan dengan Perbadanan terutama berkaitan hal ehwal penyewaan tanah kereta api dan penguatkuasaan. Secara umumnya, matlamat penganjuran program ini adalah untuk:

i. Memudahkan urusan penyewa-penyewa aset kereta api;
ii. Pengembalian surat setuju terima dan menandatangani surat perjanjian oleh para penyewa selain mengetahui tatacara pengisian borang permohonan penyewaan;
iii. Memudahkan penyaluran aduan/ masalah oleh orang ramai/ penyewa kepada RAC;
iv. Memudahkan penyewa-penyewa untuk membayar sewa/ tunggakan; dan
v. Memberi peluang kepada penyewa yang berpotensi untuk mengenali RAC dengan lebih dekat.

Pada tahun 2017, empat (4) program HBP RAC telah dianjurkan dan butiran adalah seperti berikut:

## b) RAC'S MEET-THE-CUSTOMER DAY PROGRAMME

The RAC's Meet-the-Customer Day (HBP) Programme has been implemented since 2013 following the Government's call to reach out to the people through going-to-the-ground activity. The programme is aimed at facilitating RAC customers, especially in the rural areas, to settle matters with the Corporation especially regarding rental issues and enforcement. In general, the objectives of the programme are as follows:

i. Facilitates RAC tenants in their transactions;
ii. Facilitates RAC tenants in returning the Letter of Acceptance and signing the agreement, as well as learning the procedure of filling in the application form for rental;
iii. Facilitates the public/ RAC tenants in lodging a report/ complaint;
iv. Facilitates RAC tenants in paying rents/ rent arrears; and
v. Providing opportunities to potential tenants to learn more about the RAC.

In 2017, four (4) HBP programmes had been organised by the RAC with details as follows:

| TARIKH<br>DATE | LOKASI PENGANJURAN<br>VENUE | JUMLAH KEHADIRAN<br>NUMBER OF ATTENDEES |
|---|---|---|
| 25 Februari 2017<br>25 February 2017 | Balai Raya Kg Baru Kundang, Selangor<br>Kg Baru Kundang Community Hall, Selangor | 35 |
| 14 Mei 2017<br>14 May 2017 | Pusat Beli Belah AEON,<br>Lot 8576 & 8577 Jalan Kamunting,<br>34000 Taiping, Perak.<br>AEON Shopping Centre,<br>Lot 8576 & 8577 Jalan Kamunting,<br>34000 Taiping, Perak. | 20 |
| 3 November 2017<br>3 November 2017 | Stesen Keretapi Kuala Krai, Kelantan.<br>Kuala Krai Railway Stattion, Kelantan. | 121 |
| 4 November 2017<br>4 November 2017 | Stesen Keretapi Tanah Merah, Kelantan.<br>Tanah Merah Railway Station, Kelantan. | 52 |
| **JUMLAH<br>TOTAL** | | **228 orang** |

Jadual 20: Tarikh, lokasi dan jumlah kehadiran pengunjung pada Program HBP RAC sepanjang tahun 2017
Table 20: Dates, venues and number of attendees at RAC's HBP Programme throughout 2017

Pelaksanaan Program HBP RAC diadakan dengan pembukaan kaunter di dewan orang ramai atau di stesen-stesen kereta api yang menjadi tumpuan awam.

Pada tahun 2017, seramai 228 pengunjung telah mendapat manfaat daripada program ini yang sebahagian besarnya merupakan penyewa-penyewa RAC. Terdapat juga pengunjung yang hadir merupakan penduduk kawasan setempat dan individu yang ingin mengetahui fungsi dan peranan Perbadanan ini dalam mengurus dan mentadbir aset serta infrastruktur kereta api terutama berkaitan prosedur permohonan penyewaan tanah kereta api.

Sepanjang program tersebut diadakan, sebanyak RM34,735.30 jumlah sewa/ tunggakan berjaya dikutip termasuk fi pemprosesan bagi permohonan baharu. Hasil bagi program HBP RAC yang telah dianjurkan pada tahun 2017 adalah seperti jadual berikut:

The RAC's HBP Programme was implemented by opening counters at public places or railway stations.

In the current year, a total of 228 people, most of whom were RAC tenants, attended and benefitted from the programme. Also present were local residents and individuals who wanted to learn more about RAC's roles and functions in managing and administering railway assets and infrastructure, as well as the procedures in railway land rental application.

During all the programmes, RM34,735.30 in rents/ rent arrears had been collected, including processing fees for new applications. The outcome of the HBP programmes organised by the RAC in 2017 are as follows:

| TARIKH / LOKASI<br>DATE / VENUE | HASIL<br>OUTCOME | JUMLAH KUTIPAN FI/ SEWA/ TUNGGAKAN (RM)<br>COLLECTION OF RENT/ ARREARS/ FEE (RM) |
|---|---|---|
| 25 Februari 2017<br>Balai Raya Kg Baru Kundang, Selangor<br>25 February 2017<br>Kg Baru Kundang Community Hall, Selangor | • Sebanyak 24 borang penyewaan baharu telah diterima<br>• Seramai dua (2) penyewa membuat permohonan penyambungan penyewaan;<br>• Seorang (1) penyewa mengemukakan surat rayuan pengurangan kadar sewa;<br>• Seramai empat (4) penyewa telah memuktamadkan perjanjian penyewaan<br>• Lawatan ke atas tanah kereta api yang terlibat dengan permohonan penyewaan dan mengenalpasti struktur yang terlibat dengan banci<br>• 24 new applications received;<br>• Two (2) tenants applied for rental extension.<br>• One (1) tenant submitted appeal for rent rate reduction.<br>• Four (4) tenants signed tenancy agreement.<br>• Visit to railway land involved in rental applications and identifying structures involved in census. | Jumlah keseluruhan bagi kutipan penyewaan/ tunggakan dan wang proses permohonan sewa adalah sebanyak RM12,092.00 dengan butiran seperti berikut:<br>i. Kutipan sewa: RM8,692.00<br>ii. Kutipan fi permohonan sewa: RM3,400.00<br>Total collection of rent/ rent arrears and processing fees is RM12,092.00 with details as follows:<br>i. Rents: RM8,692.00<br>ii. Processing fees: RM3,400.00 |
| 14 Mei 2017<br>East Court, Pusat Beli Belah AEON, Lot 8576 & 8577 Jalan Kamunting, 34000 Taiping, Perak.<br>14 May 2017<br>East Court, AEON Shopping Cente, Lot 8576 & 8577 Jalan Kamunting, 34000 Taiping, Perak. | • Sebanyak 10 pertanyaan berkaitan tanah kereta api dan prosedur penyewaan diterima.<br>• Sebanyak 5 borang permohonan penyewaan diedarkan.<br>• Sebanyak 5 pertanyaan berkaitan RAILS.<br>• Lawatan tapak diadakan di sekitar Taiping.<br>• 10 inquiries received relating to railway land and rental procedures.<br>• Five (5) rental application forms distributed.<br>• Five (5) inquiries received on RAILS.<br>• Site visit around Taiping. | Tiada<br>None |

| TARIKH / LOKASI<br>DATE / VENUE | HASIL<br>OUTCOME | JUMLAH KUTIPAN FI/ SEWA/ TUNGGAKAN (RM)<br>COLLECTION OF RENT/ ARREARS/ FEE (RM) |
|---|---|---|
| 3 November 2017<br>Stesen Keretapi Kuala Krai, Kelantan.<br>3 November 2017<br>Kuala Krai Railway Station, Kelantan.<br><br>4 November 2017<br>Stesen Keretapi Tanah Merah, Kelantan.<br>4 November 2017<br>Tanah Merah Railway Stations, Kelantan. | • Sebanyak 36 borang penyewaan baharu diterima;<br>• Sebanyak 72 borang permohonan penyewaan diedarkan;<br>• Sebanyak 63 penyewa bersetuju untuk penyambungan penyewaan;<br>• Sebanyak 25 penyewa membuat permohonan rayuan kadar sewa;<br>• Sebanyak 14 penyewa memulangkan Surat Setuju Terima;<br>• Sebanyak lima (5) isu diterima bagi hal-hal lain.<br>• Sebanyak dua (2) permohonan diterima bagi mengemaskini makluman banci setinggan.<br>• Sejumlah tiga (3) naskhah perjanjian penyewaan yang telah selesai ditandatangani.<br>• 36 new applications received.<br>• 72 rental application forms distributed.<br>• 63 tenants applied for rental extension.<br>• 25 tenants applied for rent rate reduction.<br>• 14 tenants returned Letter of Acceptance<br>• Five (5) inquiries received on other issues.<br>• Two (2) applications received for updates on census on squatters<br>• Three (3) rent agreements signed. | **Jumlah keseluruhan bagi kutipan penyewaan/ tunggakan dan wang proses permohonan sewa adalah berjumlah RM22,643.30 dengan butiran seperti berikut:**<br>i. Permohonan Sewa: RM7,200.00<br>ii. Bayaran Sewaan: RM15,443.30<br>**Total collection of rent/ rent arrears and processing fees is RM22,643.30 with details as follows:**<br>i. Processing fees: RM7,200.00<br>ii. Rents: RM15,443.30 |
| **JUMLAH KUTIPAN FI/ SEWA/ TUNGGAKAN<br>TOTAL COLLECTION OF RENT/ RENT ARREARS/ FEES** | | **RM34,735.30** |

Jadual 21: Hasil daripada penganjuran Program HBP RAC pada tahun 2017
Table 21: Outcome of RAC's HBP Progamme in 2017

3 November 2017 - HBP di Stesen Keretapi Kuala Krai, Kelantan.

3 November 2017 – HBP Programme at Kuala Krai Railway Station, Kelantan.





4 November 2017 - HBP di Stesen Keretapi Tanah Merah, Kelantan.

4 November 2017 - HBP Programme at Tanah Merah Railway Station, Kelantan.









## SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-25 RAC DAN PELANCARAN *RAILWAY ASSETS INTELLIGENCE SYSTEM* (RAILS)

## CELEBRATION OF RAC'S 25TH ANNIVERSARY AND LAUNCH OF RAILWAY ASSETS INTELLIGENCE SYSTEM (RAILS)



Bagi meraikan ulang tahun ke-25 penubuhan RAC pada 1 Ogos 2017, satu majlis sambutan telah diadakan pada 18 September 2017 di Hotel Everly, Putrajaya. Turut diadakan ialah pelancaran *Railway Assets Intelligence System* (RAILS), iaitu sistem pengurusan aset kereta api secara atas talian termasuk aktiviti pendaftaran dan pemantauan bagi aset dan infrastruktur kereta api yang dimiliki oleh RAC. Majlis disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan YB Dato' Sri Liow Tiong Lai. Turut hadir ialah Pengerusi Lembaga Pengarah RAC Datuk Seri Hj Saripuddin bin Hj Kasim yang juga Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Pengurus Besar RAC Dr. Kang Tong Hum, barisan Ahli-ahli Lembaga Pengarah RAC, ketua-ketua jabatan dan agensi, pemain-pemain dalam industri perkeretapian serta para pelanggan RAC.

A celebration was held on Sept 18, 2017 at Hotel Everly, Putrajaya to celebrate the 25th anniversary of RAC's establishment. Also held was the launch of the Railway Assets Intelligence System (RAILS), an online railway asset management system including registration and monitoring activities for railway assets and infrastructure owned by RAC. The ceremony was graced by the Minister of Transport YB Dato' Sri Liow Tiong Lai. Also present were RAC Board of Directors chairman Datuk Seri Hj. Saripuddin bin Hj Kasim, who is also the Secretary General of the Ministry of Transport, RAC General Manager Dr. Kang Tong Hum, RAC Board of Directors members, head of departments and agencies, railway industry players and RAC customers.

## Sekitar Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-25 RAC dan Pelancaran RAILS.

## Around the Celebration of RAC's 25th Anniversary and Launch of RAILS.















Gambar 22: Sekitar Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-25 RAC dan Pelancaran RAILS
Picture 22: Around the Celebration of RAC's 25th Anniversary and Launch of RAILS

## SIARAN AKHBAR
## PRESS RELEASES

Pada tahun 2017, sebanyak dua (2) siaran akhbar dikeluarkan RAC iaitu:

In 2017, two (2) press releases were issued by the RAC.

| TARIKH<br>DATE | TAJUK<br>TITLE |
|---|---|
| 23 Mac 2017<br>23 March 2017 | Memorandum Persefahaman Berkaitan Akses Rangkaian Kereta Api *(Railway Network Access Agreement)* Milik Perbadanan Aset Keretapi dan Asia Freight Rail Sdn Bhd (AFRSB)<br>Memorandum of Understanding on Railway Network Access Management between Railway Assets Corporation and Asia Freight Rail Sdn Bhd (AFRSB) |
| 18 September 2017<br>18 September 2017 | Sambutan Jubli Perak Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dan Pelancaran *Railway Assets Intelligence System* (RAILS)<br>Railway Assets Corporation's Silver Jubilee Celebration and Launch of Railway Assets Intelligence System (RAILS) |

Jadual 22: Senarai siaran akhbar yang dikeluarkan RAC pada tahun 2017
Table 22: List of press releases issued by RAC in 2017

## MEMANFAATKAN MEDIA SOSIAL
## OPTIMISING SOCIAL MEDIA



Menyedari peranan penting media sosial pada hari ini dalam menyebar luas maklumat kepada orang ramai, Perbadanan ini telah mewujudkan laman sosial rasmi RAC iaitu *Facebook* dan *Twitter* pada 13 Mac 2013. Laman sosial yang sama turut diwujudkan untuk Pengurus Besar RAC.Tujuan laman sosial ini diwujudkan adalah untuk:

i. Menyampaikan maklumat dan berita terkini mengenai aktiviti / program yang dijalankan oleh RAC;
ii. Menjadikan RAC sebagai sebuah agensi Kerajaan yang pantas menyampaikan maklumat semasa; dan
iii. Mewujudkan satu jaringan sosial yang mudah, cepat, mesra dan realistik kepada rakyat.

Realising the important role of social media today in spreading information to the public, the Corporation has created its official social networking site on Facebook and Twitter platforms on March 13, 2013. The same social page was also created for the RAC General Manager. The objectives of creating the social sites are as follows:

i. Disseminating information and latest news about activities/ programmes organised by the RAC;
ii. Making the RAC a Government agency which is quick in providing latest information; and
iii. Creating simple, fast, friendly and realistic social network for the people.

## PENCAPAIAN MEDIA SOSIAL DAN LAMAN WEB RAC 2017
## RAC'S SOCIAL MEDIA AND WEBSITE PERFORMANCE IN 2017

**58.51%**

Peningkatan sebanyak 58.51 peratus jumlah pengikut di facebook:
**Perbadanan Aset Keretapi**
An increase of 58.51 per centin in the number of followers on facebook:
**Railway Assets Corporation**

**61.31%**

Peningkatan sebanyak 61.31 peratus jumlah pengikut di Twitter:
**RailwayAssetMY**
An increase of 61.31 per centin in the number of followers on Twitter:
**RailwayAssetMY**

**142,645**

Jumlah pengunjung yang telah melayari
**www.rac.gov.my**
(mulai tahun 2015 sehingga 2017)
Number of visitors to **www.rac.gov.my** website (from 2015 to 2017)

Rajah 18: Infografik pencapaian media sosial dan laman web RAC pada tahun 2017
Diagram 18: Infographic on RAC's performance on social media in 2017

# KUNJUNGAN DAN LAWATAN RASMI
# COURTESY CALL AND OFFICIAL VISIT

**23 MEI 2017 - Lawatan daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia**

**23 MAY 2017 – A visit from Royal Customs Department**







**23 OKTOBER 2017 - Lawatan daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)**

**23 OCTOBER 2017 – A visit from Ministry of Energy, Green Technology and Water (KeTTHA)**





**20 NOVEMBER 2017 - Lawatan daripada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB)**

**20 NOVEMBER 2017 – A visit from Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB)**





# SEKSYEN 6/*SECTION 6:*

# MEMPERKASA FUNGSI DAN TINDAKAN PERUNDANGAN
# *EMPOWERING RAC FUNCTIONS AND LEGAL ACTION*



# RAILWAY NETWORK ACCESS AGREEMENT (RNAA)
# RAILWAY NETWORK ACCESS AGREEMENT (RNAA)

## a) RNAA ANTARA RAC DAN KTMB

Sejak dimulakan pada tahun 2015, *Railway Network Access Agreement* (RNAA) menjadi antara komitmen yang perlu dilunaskan oleh RAC bagi memastikan dasar *Multiple Railway Operator* (MRO) yang diperkenalkan Kementerian Pengangkutan dapat direalisasikan.

Pelaksanaan RNAA dibuat berikutan tiada perjanjian rasmi di antara RAC dan KTMB mengenai pengggunaan aset milik RAC secara jelas oleh KTMB selepas Akta Keretapi 1991 berkuatkuasa. Selain itu, teguran yang dibuat oleh Ketua Audit Negara dalam laporannya pada tahun 2009 turut memberi kesan langsung terhadap cadangan pelaksanaan RNAA ini. Cadangan pelaksanaan perjanjian tersebut juga adalah sebagai cadangan balas kepada pengwujudan *Master Lease Agreement* yang telah dicadangkan KTMB melalui Pelan Transformasi KTMB.

Susulan daripada termeterainya RNAA antara RAC dan KTMB pada 22 Disember 2016, kedua-dua pihak telah melengkapkan 11 *appendices* dan tiga (3) perjanjian sampingan berkaitan seperti mana yang telah ditetapkan di bawah RNAA tersebut.

Pada 19 Disember 2017, satu mesyuarat telah dipengerusikan

## a) RNAA BETWEEN RAC AND KTMB

Since its inception in 2015, the Railway Network Access Agreement (RNAA) has become one of the commitments need to be fulfilled by the RAC to ensure that the Multiple Railway Operators (MRO) policy introduced by the Ministry of Transport can be realised.

The RNAA was implemented as there was no official agreement between RAC and KTMB for the latter to utilise RAC's assets explicitly after the Railways Act 1991 came into force. Besides, the Auditor-General's remarks in his report in 2009 also had a direct impact on the proposed implementation of the RNAA. The proposal to implement the agreement was also made in response to the formulation of the Master Lease Agreement recommended by KTMB through its Transformation Plan.

Following the signing of the RNAA between RAC and KTMB on Dec 22, 2016, both parties have completed 11 appendices and three (3) related side agreements as stipulated under the RNAA.

On Dec 19, 2017, a meeting was held and chaired by the Secretary General of

oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Datuk Seri Hj Saripuddin bin Hj Kasim yang turut dihadiri oleh wakil RAC dan KTMB serta agensi-agensi dan jabatan-jabatan lain yang berkaitan bagi tujuan membincangkan hala tuju pelaksanaan RNAA antara RAC dan KTMB. Hasil perbincangan tersebut, mesyuarat telah bersetuju supaya pelaksanaan RNAA antara RAC dan KTMB diperkemas dengan mengambilkira kesediaan kedua-dua pihak untuk melaksanakan fungsi dan peranan masing-masing selaras dengan kehendak Akta Keretapi 1991 (Akta 463).

Susulan daripada itu, satu persetujuan telah dicapai yang mana RAC memberikan kebenaran kepada KTMB untuk terus menggunakan infrastruktur dan aset-aset kereta api yang sepatutnya di bawah tanggungjawab RAC bermula 22 Disember 2017 bagi satu tempoh yang akan ditetapkan dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

**b) RNAA ANTARA RAC DAN ASIA FREIGHT RAIL SDN BHD**

Selepas KTMB, RAC turut mengalu-alukan jalinan kerjasama dengan syarikat Asia Freight Rail Sdn Bhd (AFRSB). Satu Memorandum Persefahaman (MOU) telah ditandatangani di antara kedua-dua pihak pada 23 Mac 2017 di Langkawi bersempena dengan Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 2017.

the Ministry of Transport Datuk Seri Hj Saripuddin bin Hj Kasim and attended by representatives of RAC, and KTMB as well as other relevant departments and agencies and to discuss the direction of RNAA implementation between RAC and KTMB. As a result, it was agreed that the implementation of the RNAA between RAC and KTMB should be fine-tuned by taking into account the preparedness of both parties to perform their respective functions and roles in accordance with the provisions in the Railways Act 1991 (Act 463).

Subsequently, a concensus was reached whereby the RAC gives permission to KTMB to continue to use railway infrastructure and assets, which are under the purview of the RAC, beginning Dec 22, 2017 for a period to be determined and agreed upon by both parties.

**b) RNAA BETWEEN RAC AND ASIA FREIGHT RAIL SDN BHD**

After KTMB, RAC also forged a partnership with Asia Freight Rail Sdn Bhd (AFRSB). A Memorandum of Understanding (MoU) was signed between the two parties on March 23, 2017 in Langkawi in conjunction with the Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition 2017.

MOU yang ditandatangani antara RAC dan AFRSB menggariskan terma-terma dan syarat-syarat berkaitan penggunaan rangkaian kereta api milik RAC oleh AFRSB bagi tujuan pengendalian perkhidmatan tren penumpang dan pengangkutan kargo. Turut dinyatakan dalam MOU tersebut adalah peruntukan berkaitan caj akses rangkaian, tempoh penggunaan, hak-hak serta obligasi kedua-dua pihak dan lain-lain terma dan syarat yang seterusnya akan diperincikan dalam perjanjian rasmi RNAA antara RAC dan AFRSB.

The MoU between RAC and AFRSB outlines the terms and conditions governing the use of RAC's railway network by AFRSB for the purpose of handling passenger train and cargo transport services. Also stated in the MoU are provisions relating to network access charges, terms of use, rights and obligations of both parties and other terms and conditions which will then be detailed in the official RNAA between RAC and AFRSB.

RNAA kemudiaannya ditandatangani antara RAC dan AFRSB pada 22 Disember 2017. Ia ditandatangani oleh dua (2) ahli Lembaga Pengarah RAC iaitu YBhg. Datuk Seri Haji Saripuddin bin Hj Kasim selaku Pengerusi Lembaga Pengarah RAC yang juga Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan dan Pengurus Besar RAC YBrs. Dr. Kang Tong Hum selaku pegawai *ex-officio* manakala AFRSB diwakili oleh Pengerusinya iaitu Dato' Zarul Ahmad Mohd Zulkifli dan Timbalan Pengerusi yang juga CEO AFRSB iaitu Datuk Dr. Rahman Ismail.

The RNAA was finally signed between RAC and AFRSB on Dec 22, 2017. It was inked by two (2) members of RAC Board of Directors, namely the chairman YBhg. Datuk Seri Haji Saripuddin bin Hj Kasim, who is also Ministry of Transport Secretary General, and its ex-officio member, YBrs. Dr. Kang Tong Hum, who is also RAC General Manager. The AFRSB, on the other hand, was represented by its chairman Dato' Zarul Ahmad Mohd Zulkifli and deputy chairman Datuk Dr. Rahman Ismail, who is also the company's chief executive officer.

Sepertimana pelaksanaan RNAA antara RAC dan KTMB, RNAA antara RAC dan AFRSB juga menetapkan satu garis masa (*timeline*) yang perlu dipatuhi oleh kedua-dua pihak untuk melengkapkan lampiran-lampiran kepada perjanjian RNAA tersebut sebelum kedua-dua pihak dapat

Just like the implementation of the RNAA between RAC and KTMB, the agreement signed between RAC and AFRSB also set a timeline that must be followed by the two parties to complete the appendices to the RNAA before they could perform their respective functions and roles in line

melaksanakan fungsi dan peranan masing-masing selaras dengan peruntukan perjanjian dan dasar MRO yang ditetapkan.

with the provisions in the agreement and the MRO policy.

## TINDAKAN PERUNDANGAN
## LEGAL ACTION

Selaras dengan *core business* utama yang dilaksanakan oleh RAC melalui penyewaan dan pajakan tanah-tanah kereta api, tindakan perundangan terhadap penyewa yang ingkar telah diambil oleh RAC selaras dengan kuasa yang diberikan melalui Seksyen 89(1) Akta Keretapi 1991. Antara isu yang diselesaikan melalui tindakan undang-undang dan dirujuk ke mahkamah (sama ada pemfailan tindakan dimulakan oleh RAC atau *vice versa*) adalah seperti berikut:

In line with the core businesses undertaken by the RAC through railway land rental and lease activities, legal action against defaulting tenants was taken by the RAC in accordance with the powers conferred under Section 89 (1) of the Railways Act 1991. Among the issues resolved through legal action and referred to court (either filed by RAC or vice versa) are as follows:

**a) PERINTAH MAHKAMAH BAGI PERLETAKAN HAK 9 LOT TANAH DI PULAU PINANG**

Satu perintah bertarikh 3 November 2017 telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Pulau Pinang yang membenarkan permohonan RAC untuk meletakhak sembilan (9) lot tanah kereta api dan/atau digunakan untuk tujuan perkeretapian. Pengisytiharan perintah tersebut adalah mengikut peruntukan Seksyen 93 Akta Keretapi 1991 dibaca bersama Seksyen 7(1) Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957. Lot-lot tanah yang terlibat adalah seperti berikut:

**a) COURT ORDER FOR THE VESTING IN RAC NINE (9) LAND LOTS IN PULAU PINANG**

A court order dated Nov 3, 2017, was issued by the Pulau Pinang High Court allowing RAC's application for nine (9) land lots in the state to be vested in the Corporation as railway land and/or for the purpose of railway operations. The order was issued in accordance with Section 93 of the Railways Act 1991, read together with Section 7(1) of the Federal Land Commissioner Act 1957. The land lots involved are as follows:

| NO. LOT<br>LAND LOT NUMBER |
|---|
| Lot 207, Mukim 6, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang |
| Lot 512, Mukim Kepala Batas, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang |
| Lot 3599 (Lot lama: 275), Mukim 3, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang |
| Lot 78-3, Mukim 9, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang |
| Lot 366, Mukim 10, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang |
| Lot 582, Bandar Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang |
| Lot 1239 (Lot lama: 80), Bandar Prai, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang |
| Lot 743, Bandar Bukit Mertajam/ Seksyen 6, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang |
| Lot 1139, Mukim 20, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang |

Jadual 23: Senarai sembilan (9) lot tanah yang dipohon oleh RAC untuk diletakhakkan
Table 23: List of nine (9) land lots applied to be vested in the RAC

### b) BANTAHAN PENGAMBILAN TANAH MILIK RAC UNTUK PROJEK PEMBINAAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT OLEH JABATAN KERJA RAYA (JKR) DI ATAS LINTASAN KERETA API DI NEGERI KELANTAN

Pada 13 November 2017, RAC yang diwakili oleh peguam dilantik telah memfailkan bantahan kepada Mahkamah Tinggi Kota Bharu berhubung prosedur pengambilan tanah bagi Lot 1057, Mukim Maka, Kelantan dan Lot 154, Bandar Tanah Merah, Kelantan untuk tujuan Projek Pembinaan Persimpangan Bertingkat oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Bantahan yang dibuat adalah berkaitan pengukuran tanah, amaun pampasan dan jumlah pengambilan tanah. Prosiding bagi kes ini masih lagi berjalan dan belum diputuskan oleh Mahkamah.

### b) PROTEST AGAINST ACQUISITION OF RAC LAND FOR CONSTRUCTION OF ELEVATED T-JUNCTION OVER RAILWAY TRACK IN KELANTAN BY PUBLIC WORK DEPARTMENT

On Nov 13, 2017, the RAC through its lawyer, filed a protest at the Kota Bharu High Court against the acquisition of land at Lot 1057, Mukim Maka, Kelantan, and Lot 154, Bandar Tanah Merah, Kelantan, for the construction of an elevated T-junction by the Public Work Department (PWD). The protest was related to the land survey procedures, compensation amount, and the size of land. The legal proceeding is still ongoing and has yet to be decided by the Court.

## c) TUNTUTAN TUNGGAKAN SEWA/ PAJAKAN RAC

Tindakan undang-undang dan litigasi bagi tunggakan sewa dan pajakan terus dijalankan bagi mendapatkan semula amaun tunggakan dan memastikan tindakan sewajarnya dikenakan ke atas penghutang. Daripada 41 Surat Tuntutan yang telah dikeluarkan sejak tahun 2016, berikut adalah statistik status tindakan undang-undang yang telah dijalankan:

## c) CLAIMS ON RAC RENTAL/LEASE ARREARS

Legal and litigation actions for rental and lease arrears continued to be carried out to recover the amount of arrears and ensure that appropriate action is imposed on the debtor. Following are the current status of the 41 Letters of Demand (LODs) for the arrears issued in 2016.

### PERATUSAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG BAGI TUNTUTAN TUNGGAKAN SEWAAN/PAJAKAN
### STATUS OF LEGAL ACTION ON RAC's CLAIMS FOR RENTAL/LEASE ARREAS




Carta 1: Jumlah peratusan tindakan undang-undang bagi tuntutan tunggakan sewaan/pajakan
Chart 1: Status of legal action taken on RAC's claims for rental/ lease arrears

### KAEDAH PENYELESAIAN TUNGGAKAN (KES SELESAI)
### METHODS OF SETTLING THE ARREARS (CASE SOLVED)




Graf 3: Jumlah kes tunggakan yang berjaya diselesaikan mengikut kaedah
Graph 3: Number of cases involving arrears settled according to methods used

**KES DALAM TINDAKAN (KES BELUM SELESAI)**
**PENDING CASES (UNSOLVED)**




Graf 4: Jumlah kes tunggakan yang belum selesai mengikut kaedah
Graph 4: Number of cases involving arrears unsettled according to methods used

## PERJANJIAN-PERJANJIAN LAIN
## OTHER AGREEMENTS

Sepanjang tahun semasa, penyediaan pelbagai jenis dokumen perundangan dan perjanjian telah dibuat dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan. Antara perjanjian yang telah ditandatangani sepanjang tahun 2017 adalah seperti jadual di bawah:

In the current year, various types of need-based legal documents and agreements have been signed. Among the agreements signed in 2017 are as in the table below.

| JENIS PERJANJIAN TYPES OF AGREEMENT | PERKARA DETAILS | PIHAK-PIHAK PARTIES INVOLVED | TARIKH PERJANJIAN DATE OF AGREEMENT |
|---|---|---|---|
| Perkhidmatan Service | *Lead Consultant of Railway Access Agreement* (RNAA) Lead Consultant of Railway Network Access Agreement (RNAA) | RAC dan *Market Insights Consultancy* RAC and Market Insights Consultancy | 16 Mei 2017 16 May 2017 |
| Pajakan Lease | Pajakan Tanah Rizab Milik Perbadanan Aset Keretapi di atas Lot 3 Seksyen 8, Lot 20 dan 24 Seksyen 16 Klang, Selangor Lease of RAC Railway Land Reserve on Lot 3 Section 8, Lot 20 and 24, Section 16 Klang, Selangor | RAC dan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) RAC and Klang Port Authority (LPK) | 2 Oktober 2017 2 October 2017 |
| Perkhidmatan Service | Membersih dan mencuci bangunan pejabat RAC Cleaning of RAC's office and building | RAC dan Era Success Resource RAC and Era Success Resource | 6 November 2017 6 November 2017 |

Jadual 24: Senarai perjanjian yang dimuktamadkan pada tahun 2017
Table 24: List of agreements signed in 2017

# SEKSYEN 7/*SECTION 7:*

# PEMANTAPAN TADBIR URUS, PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA YANG BERKUALITI DAN PEMBUDAYAAN ICT

# *SOLIDIFYING GOVERNANCE, DEVELOPING QUALITY HUMAN RESOURCES AND INCULCATING ICT*



# PENGURUSAN PEJABAT DAN SUMBER MANUSIA
# MANAGEMENT OF OFFICE AND HUMAN RESOURCES

Sebagai sebuah badan berkanun yang berpegang teguh kepada dasar-dasar Kerajaan dan pada masa yang sama turut menyediakan perkhidmatan kepada rakyat, RAC komited ke arah pengukuhan dan pemantapan tadbir urus termasuk memastikan modal insan berkualiti dapat dilahirkan dan kemajuan teknologi ICT dapat diadaptasi. Tindakan ini selaras dengan fokus bahawa perkhidmatan awam tidak lagi hanya sekadar mengadaptasi perubahan, malah perlu selangkah ke hadapan sebagai pemacu, pemikir dan pelaksana perubahan yang menjurus kepada kesejahteraan rakyat dan negara.

Bagi memastikan usaha memantapkan tadbir urus yang baik dapat dilaksanakan, Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) yang merupakan tulang belakang kepada RAC harus berada di landasan yang tepat. Dalam mendokong peranan ini, tiga (3) unit berikut telah berganding bahu bagi memastikan pengurusan sumber manusia, kewangan dan peningkatan ICT di RAC sentiasa menyokong *core business* yang dilaksanakan:

As a statutory body that adheres to Government policies while at the same time providing services to the people, the RAC is committed to strengthening and solidifying governance, including ensuring that quality human capital can be produced and the development of ICT can be adapted. This is in line with the fact that the civil service is no longer just adapting to change, but also needs a step forward as a driver, thinker and implementer of change aimed at ensuring the well-being of the people and the nation.

In a bid to ensure that good governance can be implemented, the Management Services Division which is the backbone of the RAC must be on the right track. To support the roles of the division, three (3) units below are working closely together to ensure that the management of human resources, finance and ICT would always support the RAC's core businesses.




Rajah 19: Unit-unit di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan
Diagram 19: Units under the Management Services Division

## UNIT PENTADBIRAN

### i. Pembangunan Organisasi

Dengan peranan RAC yang semakin berkembang, pengukuhan terhadap struktur organisasi RAC dilihat merupakan antara elemen utama yang perlu diberi perhatian bagi memastikan RAC dapat melunaskan fungsi dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Dalam hal ini, RAC giat merancang pembangunan organisasinya bermula daripada penubuhannya dan perkembangannya dapat dilihat seperti berikut:

## ADMINISTRATION UNIT

### i. Organisational Development

With the growing roles of the RAC, further improvement of Corporation's organisational structure has been seen as one of the key elements to be given attention to ensure that RAC will remain capable of discharging its functions and entrusted responsibilities.

In this regard, RAC has been actively planning its organisational development ever since its establishment and the progress can be seen in the following diagram.




Rajah 20: Pertambahan organisasi di RAC
Diagram 20: RAC Organisational Development

Sehingga 31 Disember 2017, kedudukan perjawatan dan pengisian RAC mengikut kumpulan pegawai adalah seperti berikut:

As of Dec 31, 2017, the status of RAC's personnel according to group are as follows:

| BIL NO. | KUMPULAN GROUP | PERJAWATAN POSTS | | PENGISIAN FILLED | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | TETAP PERMANENT | CoS CoS | TETAP PERMANENT | CoS CoS |
| 1 | Pengurusan Tertinggi Top Management | 1 | - | 1 | - |
| 2 | Pengurusan Dan Profesional Management and Professional | 14 | 16 | 11 | 16 |
| 3 | Pelaksana Implementer | 23 | 34 | 23 | 34 |
| | **JUMLAH TOTAL** | **38** | **50** | **35** | **50** |

Jadual 25: Pengisian jawatan mengikut kumpulan pegawai
Table 25: Filling of posts according to groups

Hasil daripada Gerak Kerja Pelan Pengukuhan Perjawatan Perbadanan ini mulai tahun 2014, RAC telah memperoleh kelulusan JPA bagi pertambahan 50 jawatan berasaskan *Contract of Service* (CoS). Pertambahan jawatan CoS ini dilihat mampu menjadi pemangkin untuk RAC terus kekal berdaya maju seiring dengan usaha kearah transformasi pengurusan aset kereta api negara menjelang 2020.

As a result of the Corporation's Employment Development Blueprint implemented since 2014, the RAC has obtained the PSD's approval to have an additional of 50 employees on Contract of Service (CoS) basis. The increase in the number of CoS posts has been seen as a catalyst for the RAC to remain viable towards the transformation of national railway assets management by 2020.

**ii. Pembangunan Modal Insan**

Modal insan yang berdaya tahan dan kompetetif adalah pra-syarat penting bagi menggerakkan agenda transformasi Kerajaan dengan berkesan demi mencapai status negara berpendapatan tinggi. Justeru itu, pembangunan modal insan RAC telah diberi lebih perhatian bagi melahirkan lebih ramai pegawai dan kakitangan RAC yang mempunyai sikap dan pemikiran progresif berteraskan kecemerlangan.

**ii. Development of Human Capital**

Resilient and competitive human capital is an essential prerequisite to steer the Government transformation agenda effectively for Malaysia to achieve a high-income nation status. Hence, the development of human capital in the RAC is very important to produce more officers and staff with progressive mindset towards excellence.

Pada tahun 2017, sebanyak 70 program pembangunan kompetensi dalaman dan luaran telah dilaksanakan.

In 2017, a total of 70 internal and external competency development programmes were implemented.




Rajah 21: Program Pembangunan Kompetensi RAC
Diagram 21: RAC Competency Development Programme

BKP juga komited bagi memastikan setiap pegawai diberikan latihan dalam bidang-bidang tugas masing-masing agar kompetensi dan kemahiran dalam menjalankan tugas dapat dipertingkatkan. Selain daripada itu, bagi tujuan peningkatan kerjaya pegawai, aspek pembangunan kompetensi teras bagi setiap pegawai juga diberi penekanan. Dalam hal ini, program-program latihan telah diklusterkan kepada empat (4) kategori iaitu:

BKP is also committed to ensuring that every employee is given training in their respective areas of work so that their skills and competency can be enhanced. Besides, the aspect of core competency development for each personnel is also being emphasised for the purpose of career advancement. In this regard, training programmes have been clustered into four (4) categories:




Rajah 22: Kluster program latihan
Diagram 22: Training programme clusters

Komposisi peratusan pegawai RAC yang telah dilatih berdasarkan empat kompetensi tersebut pada tahun 2017 adalah seperti berikut:

The composition of RAC personnel trained in 2017 based on the four competency categories are as follows:

**PERATUSAN PEGAWAI YANG DILATIH BERDASARKAN KOMPETENSI**
**PERCENTAGE OF RAC PERSONNEL TRAINED BASED ON COMPETENCY CATEGORIES**




Carta 2: Peratusan pegawai yang dilatih berdasarkan kompetensi
Chart 2: Percentage of RAC personnel trained based on competency categories

### iii. Pengurusan Organisasi

Dalam memantapkan tadbir urus organisasi, BKP juga bertindak selaku

### iii. Organisation Management

In strengthening organisational governance, the BKP also acts




Rajah 23: Mesyuarat yang diselaraskan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan
Diagram 23: Meetings coordinated by the Management Services Division

pemudah cara bagi penyelesaian segala isu-isu dalaman organisasi. Beberapa mesyuarat telah diselaraskan oleh BKP yang bertujuan menjadi platform perbincangan bagi mencari kaedah penyelesaian serta percambahan idea.

as a facilitator to solve all internal organisational issues. Several meetings have been organised by the BKP to provide a platform of discussion to find solutions to the issues and also to brainstorm ideas.

Pada tahun 2017, seramai tiga (3) kakitangan RAC iaitu Pegawai Undang-Undang (L41) En Mohd Faiz Mat Zain, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (F29) En Mohd Nur Firdaus Samsudin dan Pembantu Am Pejabat (H11) En Shahir Hakmar telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2017.

In 2017, three (3) RAC personnel namely Legal Officer (L41) En Mohd Faiz Mat Zain, Assistant Information Tehcnology Officer (F29) En Mohd Nur Firdaus Samsudin and General Office Assistant (H11) En Shahir Hakmar were conferred the Excellent Service Award (APC) 2017.

# PEMBUDAYAAN ICT
# INCULCATING ICT

## PELAKSANAAN & PROMOSI *RAILWAY ASSETS INTELLIGENCE SYSTEM* (RAILS)

Selepas beberapa aktiviti pembangunan sistem, integrasi, migrasi data dan

## IMPLEMENTATION & PROMOTION OF RAILWAY ASSETS INTELLIGENCE SYSTEM (RAILS)

After several system development, integration, data migration and testing




Gambar 23: Antara muka RAILS
Picture 23: RAILS interface

pengujian dijalankan, RAILS telah boleh digunakan sepenuhnya bagi perkhidmatan permohonan penyewaan secara dalam talian mulai Ogos 2017. Perkhidmatan permohonan ini juga membolehkan bayaran fi pemprosesan dibuat menerusi perbankan atas talian dan kredit kad.

activities, RAILS is finally ready for use for online rental application services from August 2017. This system also allows processing fees to be made via online banking and credit cards.

Dalam usaha menyebarluaskan RAILS kepada pengguna, risalah yang memaparkan manual penggunaan sistem ini telah disediakan bagi memudahkan pengguna mengakses sistem tersebut.

In an effort to familiarise the users with the system, brochures containing manuals of this system have been prepared to help the users in accessing the system.




Gambar 24: Risalah RAILS
Picture 24: RAILS brochures

Usaha ini diteruskan dengan latihan praktikal melalui Program Hari Bertemu Pelanggan. Dalam program tersebut, penyewa sedia ada dan bakal penyewa didedahkan mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh RAILS bagi memudahkan urusan penyewaan dengan RAC.

The effort was followed by hands-on training through the Meet-the-Customer Day Programme, during which RAC's existing and potential tenants were exposed to the various services offered by RAILS that would ease their rental deals with the RAC.

 

Gambar 25: Latihan praktikal menggunakan RAILS untuk para penyewa
Picture 25: Hands-onTraining on RAILS for the tenants

## PENILAIAN PEMATUHAN *STANDARD ACCOUNTING SYSTEM FOR GOVERNMENT AGENCIES* (SAGA) TAHUN 2017

RAC telah memperolehi Sijil Pematuhan Sistem Perakaunan Standard Bagi Agensi Kerajaan (*Standard Accounting System For Government Agencies*) (SAGA) Tahun 2017. Pensijilan ini diperolehi setelah RAC berjaya memenuhi sembilan (9) kriteria teknikal dan 12 kriteria fungsi pematuhan SAGA yang telah ditetapkan.

Majlis penganugerahan Sijil Pematuhan tersebut telah dianjurkan oleh Jabatan Akauntan Negara pada 22 November 2017 di Pulau Pinang dan dirasmikan oleh Ketua Akauntan Negara Malaysia, Tuan Haji Saat Esa. Sejak pelaksanaan penganugerahan sijil ini dimulakan pada tahun 1997, sebanyak 59 daripada 416 agensi berjaya memperolehi sijil tersebut. Pada tahun 2017, sebanyak 23 agensi Kerajaan telah menerima pensijilan SAGA.

Jawatankuasa Pematuhan SAGA telah membuat lawatan pada 16 Februari 2017 yang lalu bagi Sistem Perakaunan SAGA

## CERTIFICATE OF COMPLIANCE FOR STANDARD ACCOUNTING SYSTEM FOR GOVERNMENT AGENCIES (SAGA) 2017

RAC has obtained the Certificate of Compliance for Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA) 2017. This certification was obtained after the Corporation successfully fulfilled nine (9) technical and 12 functional of SAGA compliance criteria.

The certification ceremony was organised by the Accountant General's Department on Nov 22, 2017, in Pulau Pinang and was officiated by the Accountant General Tuan Haji Saat Esa. Since its introduction in 1997, a total of 59 out of 416 Government agencies had succeeded in obtaining the certificate. In 2017 alone, 23 Government agencies had obtained SAGA certification.

The SAGA Compliance Committee has paid a visit to the RAC on Feb 16, 2017 to check on RAC's SAGA Accounting System.

RAC. Pelaksanaan, pemantauan dan pematuhan SAGA adalah selaras dengan pemakaian Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil.2 Tahun 2015.

Pengiktirafan yang diperolehi oleh RAC ini membuktikan bahawa Penyata Kewangan RAC dapat disediakan dengan cepat, tepat, terkini dan berintegriti selaras dengan kod perakaunan yang ditetapkan.

It was found that the implementation, monitoring and compliance of SAGA were in accordance with the Malaysian Accountant General's Circular No.2 Year 2015.

The recognition received by the RAC also proved that the RAC Financial Statement would be able to be prepared quickly, accurately with latest details, as well as integrity in line with the standard code of accounting.




Gambar 26: Akauntan, Puan Muzieana Mohid@Mohamad dan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, En Mohd Nur Firdaus Samsudin mewakili RAC pada majlis penyampaian sijil pematuhan SAGA

Picture 26: Accountant Puan Muzieana Mohid@Mohamad and Assistant Information Technology Officer En Mohd Nur Firdaus Samsudin represented RAC at the SAGA certification ceremony

# SEKSYEN 8/*SECTION 8:*

# PENGURUSAN KEWANGAN YANG EFISIEN
# *EFFICIENT FINANCIAL MANAGEMENT*



# UNIT KEWANGAN DAN AKAUN
# FINANCE AND ACCOUNTS UNIT

## LATAR BELAKANG

Pengurusan Kewangan dan Akaun merupakan elemen yang penting dalam sesebuah organisasi. Ia bertanggungjawab memastikan segala sumber kewangan diurus dan dikawal baik dengan memastikan segala peraturan-peraturan kewangan dipatuhi selaras dengan Arahan Perbendaharan dan Peraturan Kewangan yang berkuatkuasa.

Sebagai sebuah badan berkanun, RAC menggunapakai Sistem Perakaunan Standard Bagi Agensi Kerajaan (SAGA) selaras dengan arahan yang dikeluarkan Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil 1/2007.

Keseragaman penggunaan SAGA ini bertujuan memastikan setiap badan berkanun Kerajaan mematuhi prinsip akauntabiliti dan membekalkan maklumat mengenai prestasi kewangannya secara terperinci dan tepat pada masa yang ditetapkan.

Pengurusan Kewangan dan Akaun RAC dipertanggungjawabkan kepada dan dikendalikan oleh Unit Kewangan dan Akaun. Antara fungsi unit ini adalah:

i. Merancang, menyedia, memohon, mengawal dan menyelaras Belanjawan Mengurus terutama dalam aspek keperluan dan agihan peruntukan, pemantauan dan pengurusan perbelanjaan.

## BACKGROUND

Financial and Accounts Management is an important element in an organisation. It is responsible for ensuring that all financial resources are well-managed and controlled by making sure that all financial regulations are being adhered to in accordance with Treasury Instructions and Financial Regulations in force.

As a statutory body, the RAC has adopted the Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA) in line with the Government's instruction in the Public Administration Development Circular No.1/2007.

The standard usage of the SAGA is aimed at ensuring that all Government's statutory bodies will adhere to the principles of accountability in providing information about their financial performance in detail and on time.

RAC's financial and accounts management has been entrusted to the Finance and Accounts Unit. Among the functions of the Unit are as follows:

i. To plan, prepare, apply, control and coordinate the Operating Budget especially in the aspects of requirement and distribution of allocation, monitoring and management of expenditure.

ii. Menguruskan penerimaan, pembayaran dan menyelaras Belanjawan Pembangunan melalui pengesahan kerja oleh Unit Pembangunan Hartanah bagi projek – projek menaiktaraf dan membangunkan infrastruktur pengkeretapian.

iii. Menguruskan kutipan hasil sewa tanah rezab, tanah hakmilik, bangunan dan gudang milik RAC melalui data – data penyewaan yang diuruskan oleh Unit Pengurusan Hartanah RAC.

iv. Menguruskan perolehan bekalan / kerja / perkhidmatan secara pembelian terus / sebutharga / tender berdasarkan arahan dan pekeliling yang berkuatkuasa.

v. Menguruskan pengurusan akaun dan penyediaan penyata / laporan kewangan selaras dengan keperluan untuk tujuan kawalan dan pengesahan perbelanjaan.

vi. Memberikan khidmat nasihat mengenai Pengurusan Kewangan, Perolehan dan Akaun.

ii. To manage receipts, payments, and coordinate the Development Budget through the confirmation of work by the Property Development Unit for projects to upgrade and develop railway infrastructure.

iii. To manage collection of rents on reserve and titled land, buildings and warehouse owned by the RAC through the rental data managed by RAC Property Management Unit.

iv. To manage procurement of supplies / work / direct purchase service / quotation / tender based on instructions and circulars in force.

v. To manage accounts and preparation of financial statement / report in line with the need to control and verify all expenditures.

vi. To provide advice on the Management of Finance, Procurement and Accounts.

## PENUBUHAN KUMPULAN WANG PERBADANAN ASET KERETAPI

Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi (Kumpulan Wang RAC) secara rasminya ditubuhkan pada tahun 2011 dengan kelulusan Lembaga Pengarah RAC. Penubuhan Kumpulan Wang ini juga adalah selaras dengan Seksyen 98 (1) Akta Keretapi 1991 yang menyatakan

## ESTABLISHMENT OF RAILWAY ASSETS CORPORATION FUND

The Railway Assets Corporation Fund (RAC Fund) was officially established in 2011 with the approval from the RAC Board of Directors. The establishment of the Fund is also in accordance with Section 98 (1) of the Railways Act 1991 which stated that, *"For the purposes of the Part, there shall be*

*"Bagi maksud-maksud Bahagian ini, maka hendaklah ditubuhkan Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi (kemudian daripada ini disebut "Kumpulan Wang").*

Mengikut Seksyen 98 (2) Akta Keretapi 1991, Kumpulan Wang terdiri daripada:

a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan dari semasa ke semasa bagi maksud-maksud Perbadanan di bawah bahagian ini;

b) apa-apa jumlah wang yang disedia adakan dari semasa ke semasa bagi Perbadanan melalui pinjaman; dan

c) wang yang didapatkan atau berbangkit daripada apa-apa jualan harta atau apa-apa urusniaga lain yang berhubungan dengan harta atau pelaburan, gadai-janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau terletakhak pada Perbadanan."

Manakala, Seksyen 98 (3) Akta Keretapi 1991 menjelaskan bahawa *Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud-maksud membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh Perbadanan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan bahagian ini, dan saraan bagi pegawai-pegawai dan perkhidmat-perkhidmat yang dilantik dan diambil bekerja oleh Perbadanan, termasuk elaun persaraan, pencen atau ganjaran.*

*established a Railway Assets Corporation Fund (hereinafter referred to as "the Fund")."*

According to Section 98 (2) of the Railways Act 1991, the Fund shall consist of:-

a) such sums as may provided by the Federal Government from time to time for the purposes of the Corporation under this Part;

b) such sums as may be made available from time to time to the Corporation by way of loan; and

c) moneys earned or arising from any sale of property or any other transaction relating to property or investments, mortgages, charges or debentures acquired by or vested in the Corporation.

Meanwhile, Section 98 (3) of the Railways Act 1991 clearly stated that *"the Fund shall be expended for the purposes of paying any expenditure lawfully incurred by the Corporation for carrying into effect the provisions of the Part and the remuneration of officers and servants appointed and employed by the Corporation, including superannuation allowances, pensions or gratuities".*

## 14.1 ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

### 14.1.1 Punca Kewangan

Punca kewangan RAC terdiri daripada dua (2) komponen utama iaitu Geran Pembangunan dan Hasil iaitu pendapatan yang dijana daripada aktivti sewaaan dan pajakan.

Geran Pembangunan adalah peruntukan yang diberi oleh Kerajaan melalui Kementerian Kewangan dan Kementerian Pengangkutan untuk RAC melaksanakan projek berkaitan pembangunan, pembelian aset kereta api dan penambahbaikan infrastruktur kereta api. Hasil pula terdiri daripada pendapatan daripada sewaan tanah-tanah kereta api (dan aset-aset di atasnya) dan lain-lain pendapatan seperti hasil faedah, jualan kayu terpakai dan besi lusuh.

Bermula tahun 2015, RAC tidak lagi menerima geran peruntukan pengurusan selaras dengan langkah penjimatan dalam Program Transformasi Perkhidmatan Awam.

**i. Geran Pembangunan**

Pada tahun 2010, selaras dengan pelancaran Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), RAC telah menerima peranan baru sebagai antara peneraju dalam mengusahakan projek-projek pemajuan atau pemajuan semula mana-mana infrastruktur atau kemudahan kereta api. Di bawah

## 14.1 FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS

### 14.1.1 Source of Finance

The RAC's source of finance consists of two (2) major components, namely the Development Grant, and Revenue or income generated from rental and lease activities.

Development Grant is given by the Government through the Ministry of Finance and Ministry of Transport for the RAC to implement development-related projects, purchase of railway assets and improvement of railway infrastructure. Revenue, on the other hand, comprises of income from the rental of railway land (and assets on the land) and other income such as dividends, sale of used timber and scrap metal.

From 2015, however, RAC has no longer received management grant allocations in line with the cost-saving measures underlined in the Public Service Transformation Programme.

**i. Development Grant**

In 2010, in line with the launch of the National Key Result Areas (NKRA), the RAC has embarked on a new role as one of the leaders in undertaking development projects or redevelopment of any railway infrastructure or facilities. Under one of the NKRA thrusts, which is to improve public

salah satu teras NKRA iaitu menambah baik pengangkutan awam, RAC menjadi nadi utama dalam membangunkan projek-projek di bawah NKRA selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 89 (8) (b) Akta Keretapi 1991. Sehingga tahun 2017, jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan yang diuruskan oleh RAC bagi projek di bawah NKRA adalah berjumlah RM585.397 juta dengan pecahan seperti dalam jadual di bawah:

transport, the RAC becomes the key player for the development of projects under the NKRA in line with the provisions under Section 89 (8) (b) of the Railways Act 1991. Until 2017, the total development allocation managed by RAC for projects under the NKRA is RM585.397 million with breakdowns as in the table below:

| TAHUN<br>YEAR | PROJEK<br>PROJECT | JUMLAH PERUNTUKAN<br>TOTAL<br>(RM) |
|---|---|---|
| 2010 | Peruntukan Park & Ride<br>Allocation for Park & Ride | 25,000,000.00 |
| 2011 | Peruntukan Park & Ride<br>Allocation for Park & Ride | 9,615,646.00 |
| 2012 | Peruntukan Lima Projek Pembangunan 2011<br>Allocation for Five Development Projects 2011 | 456,955,000.00 |
| 2012 | Peruntukan Park & Ride<br>Allocation for Park & Ride | 5,008,566.00 |
| 2012 | Pembelian Empat (4) Unit Kuarters<br>Purchase of Four (4) Units of Quarters | 7,991,479.30 |
| 2013 | Peruntukan Park & Ride<br>Allocation for Park & Ride | 35,580,000.00 |
| 2013 | Peruntukan Park & Ride<br>Allocation for Park & Ride | 15,300,000.00 |
| 2014 | Peruntukan Stesen Arau, Perlis<br>Allocation for Arau Railway Station, Perlis | 2,000,000.00 |
| 2015 | Peruntukan Park & Ride<br>Allocation for Park & Ride | 4,500,000.00 |
| 2016 | Peruntukan Parkway Drop Zone<br>Allocation for Parkway Drop Zone | 6,000,000.00 |
| 2017 | Peruntukan Parkway Drop Zone dan Ukur Halus Projek Landasan Berkembar Elektrik<br>Allocation for Parkway Drop Zone and Electrified Double Track Project Final Survey | 17,446,222.38 |

Jadual 26: Pecahan peruntukan pembangunan yang diterima oleh RAC
Table 26: Breakdown of development allocations received by RAC

ii. **Hasil Sewaan dan Tumpang Lalu**

Peranan RAC sebagai pemilik aset diperkukuhkan lagi dengan meletakkan pengurusan sewaan tanah, bangunan termasuk kiosk, tempat letak kereta dan tumpang lalu di bawah tanggungjawab Perbadanan ini sepenuhnya selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 89 (1) Akta Keretapi 1991. Bagi memberi hasil berterusan kepada RAC, tanah-tanah dan sebahagian bangunan yang sesuai dan dalam keadaan yang kondusif akan disewakan kepada badan korporat, syarikat-syarikat dan individu-individu yang berminat.

Hasil sewaan dan tumpang lalu merupakan pendapatan sewaan atau pajakan ke atas tanah kereta api sama ada berstatus hak milik atau tanah rizab. Selain sewa tanah, hasil sewaan juga diperolehi daripada aset-aset yang berada di atas tanah tersebut seperti bangunan, kuarters, premis-premis perniagaan di atas stesen dan lain-lain lagi. Hasil sewaan yang direkodkan oleh RAC adalah hasil yang yang diikat dengan dokumen perjanjian di antara RAC dan penyewa. Pada tahun 2017, terdapat penurunan kadar dua (2) peratus yang tidak signifikan menjadikan jumlah kutipan hasil tahun semasa berjumlah RM25.739 juta

ii. **Rental Revenue and Wayleave Income**

RAC's role as asset owner is reinforced when it was entrusted with full responsibility for the rental of railway land, buildings, kiosks, car parks and wayleave services in accordance with the provisions of Section 89 (1) of the Railways Act 1991. In a bid to generate continuous revenue to the RAC, railway land and part of a suitable and conducive building will be rented out to interested corporate bodies, companies and individuals.

| Bayaran Deposit (Aset) | | 1,764 | 403 |
| Bayaran Cukai | | 1,027 | 64,484 |
| *Penghasilan Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi* | | 2,417,415 | (4,059,977) |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN** | | | |
| Pembelian Aset | | (773,913) | (2,334) |
| Kerja-kerja Dalam Pelaksanaan | | (1,632,617) | 4,147,366 |
| *Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan* | | (2,406,530) | 4,145,032 |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | | |
| Pemberian Pinjaman Kepada Kakitangan | | 57 | 6 |
| Bayaran Balik Pinjaman dan Tanggungan | | (6,190) | (60,870) |
| *Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan* | | (6,133) | (60,864) |
| Kenaikan Bersih Tunai Dan Kesetaraan Tunai | | 4,752 | 24,191 |
| Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun | | 523,373 | 499,182 |
| Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun | 8 | **528,125** | **523,373** |

Nota-nota di halaman 6 hingga 27 merupakan sebahagian daripada akaun ini.

## PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | Jumlah Bajet | | Jumlah | Varian |
|---|---|---|---|---|
| | Asal | Akhir | Sebenar | Bajet^ |
| | RM | RM | RM | RM |
| **PERUNTUKAN** | | | | |
| Gaji dan Upahan | 2,794,848 | 2,022,481 | 2,022,481 | - |
| Elaun-Elaun Tetap | 1,312,282 | 869,491 | 869,491 | - |
| Sumbangan Badan Berkanun Untuk Kakitangan | 426,430 | 359,221 | 359,221 | - |
| Elaun Lebih Masa Kakitangan | 150,840 | 57,000 | 32,592 | 24,408 |
| Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain | 191,910 | 151,823 | 151,823 | - |
| Imbuhan Tahunan | 0 | 0 | 128,255 | |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan | 0 | 0 | 354,596 | (354,596) |
| **Jumlah Emolumen** | **4,876,310** | **3,460,016** | **3,918,459** | **(330,188)** |
| Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup | 963,300 | 963,300 | 306,418 | 656,882 |
| Pengangkutan Barang-Barang | - | - | - | - |
| Perhubungan dan Utiliti | 612,080 | 681,007 | 347,643 | 333,364 |
| Sewaan | 474,480 | 474,480 | 365,781 | 108,699 |
| Bekalan Bahan Mentah dan Alat Ganti | 132,560 | 132,560 | 45,824 | 86,736 |
| Bekalan dan Bahan-Bahan Lain | 391,756 | 391,756 | 184,781 | 206,975 |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil | 727,800 | 2,209,721 | 1,655,247 | 554,474 |
| Perkhidmatan Iktisas dan Hospitaliti | 3,111,390 | 11,832,221 | 10,759,665 | 1,072,556 |
| **Jumlah Perkhidmatan & Bekalan** | **6,413,366** | **16,685,045** | **13,665,359** | **3,019,686** |
| **Harta Modal** | - | - | - | - |
| Pemberian Dalam Negeri | 5,000 | 5,000 | 9,559 | (4,559) |
| Manfaat Kakitangan/Ganjaran | 15,000 | 15,000 | - | 15,000 |
| **Jumlah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap** | **20,000** | **20,000** | **9,559** | **10,441** |
| **Bayaran-Bayaran Lain** | **3,637,530** | **4,373,251** | **6,306,502** | **(1,933,251)** |
| **JUMLAH** | **14,947,206** | **24,538,312** | **23,899,878** | **638,433** |

^ Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar

Nota-nota di halaman 6 hingga 27 merupakan sebahagian daripada akaun ini.

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

## 1. MAKLUMAT UMUM

### 1.1 Kegiatan Utama

Kegiatan utama Perbadanan Aset Keretapi (RAC) ini adalah untuk mengurus, mentadbir dan menyelenggara semua aset, liabiliti dan hak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu yang telah dipindahmilik kepada RAC melalui Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan juga membangunkan infrastruktur keretapi.

Tiada sebarang perubahan penting dalam kegiatan-kegiatan utama ini disepanjang tahun.

### 1.2 Kelulusan Penyata Kewangan

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 24 Julai 2018.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

### 2.1 Asas Perakaunan

Penyata kewangan RAC telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dan mematuhi Piawaian Laporan Perakaunan ditetapkan oleh Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang berasaskan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS).

Tahun 2016 merupakan tahun pertama pemakaian piawaian perakaunan berasaskan MPSAS, oleh yang demikian MPSAS 33 - *First Time Adoption of Accrual Basis Malaysia Public Sector Accounting Standard* adalah terpakai. Sebelum ini, penyata kewangan telah disediakan menggunakan piawaian Pelaporan Entiti Persendirian (PERS).

Penyediaan penyata kewangan ini mengkehendaki para pengarah membuat anggaran-anggaran perakaunan kritikal dan andaian-andaian yang memberi kesan tehadap jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan terhadap semua aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan dan jumlah perolehan dan perbelanjaan yang dilaporkan dalam tahun tersebut. Para pengarah juga dikehendaki untuk menggunakan penilaian mereka dalam proses melaksanakan polisi-polisi perakaunan RAC. Keputusan sebenar mungkin berbeza kerana andaian-andaian dan penilaian-penilaian yang dibuat adalah berdasarkan kepada pengalaman dan pengetahuan para pengarah tentang isu-isu semasa.

Pada 31 Disember 2017, aset telah melebihi liabiliti semasa RAC sebanyak RM15.108 billion. Kemampuan RAC beroperasi secara berterusan bergantung kepada bantuan kewangan daripada pihak Kerajaan Persekutuan terutama bagi penyelesaian pinjaman jangka panjang.

Pada tahun 2017 pihak RAC tidak menerima Geran Operasi daripada pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan RAC menggunakan sumber dalaman untuk menampung semua kos operasi. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah meluluskan hapuskira sebahagian daripada pinjaman kerajaan persekutuan dan pihak RAC dalam rangka perbincangan dengan pihak MOF bagi penyelesaian pinjaman jangka panjang yang masih berbaki. Pihak RAC juga menerima Geran Pembangunan bagi pembangunan projek dibawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), RAC juga membiayai beberapa projek pembangunan menggunakan sumber yang terhad.

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2. **DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (samb.)**

2.2 **Perubahan Polisi Perakaunan**

Piawaian berikut akan berkuatkuasa bagi penyata kewangan tahunan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2016. RAC memilih untuk menerima pakai awal piawaian ini pada tahun semasa bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2017.

- MPSAS 1, Persembahan Penyata Kewangan
- MPSAS 2, Penyata Aliran Tunai
- MPSAS 3, Polisi Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
- MPSAS 4, Kesan Perubahan dalam Kadar Tukaran Asing
- MPSAS 5, Kos Pinjaman
- MPSAS 9, Hasil daripada Transaksi Pertukaran
- MPSAS 11, Kontrak Pembinaan
- MPSAS 12, Inventori
- MPSAS 13, Pajakan
- MPSAS 14, Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
- MPSAS 16, Pelaburan Hartanah
- MPSAS 17, Hartanah, Loji dan Peralatan
- MPSAS 19, Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
- MPSAS 20, Pendedahan Pihak Berkaitan
- MPSAS 22, Pendedahan Maklumat Kewangan
- MPSAS 23, Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran
- MPSAS 24, Pendedahan Maklumat bajet dalam Penyata Kewangan
- MPSAS 25, Manfaat Kakitangan
- MPSAS 31, Aset Tidak Ketara
- MPSAS 21, Rosotnilai Aset Bukan Penjanaan Tunai
  - RAC masih dalam proses mematuhi sepenuhnya piawaian ini di mana pihak RAC sedang melaksanakan beberapa usaha – usaha untuk mematuhi piawaian ini secara sepenuhnya.
- MPSAS 26, Rosotnilai Aset Penjanaan Tunai
  - RAC masih dalam proses penyediaan polisi bagi pemakaian sepenuhnya dan akan dimuktamadkan di peringkat Lembaga Pengarah

2.3 **Tukaran Matawang**

Urusniaga dalam matawang asing disepanjang tempoh telah ditukarkan kepada Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran yang menghampiri kadar berkuatkuasa pada tarikh urusniaga. Aset-aset dan tanggungan matawang asing bersifat kewangan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan telah dinilai kepada Ringgit Malaysia pada kadar yang berkuatkuasa pada tarikh itu. Semua keuntungan atau kerugian pertukaran telah diambilkira dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.4 **Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Semua tunai dan kesetaraan tunai merupakan wang simpanan RAC di dalam bank samada akaun semasa atau simpanan tetap.

2.5 **Nilai Aset Terjejas**

Pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, RAC mengkaji semula nilai buku aset apabila terdapat petanda yang menunjukkan nilai aset terjejas. Kejejasan ini dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun pemulihan semula aset. Amaun pemulihan semula aset adalah nilai lebih tinggi antara nilai bersih yang direalisasikan dan nilai penggunaannya yang ditetapkan mengikut kaedah aliran tunai terdiskaun masa hadapan.

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (samb.)

Kerugian di atas nilai aset terjejas akan dicajkan terus ke Penyata Prestasi Kewangan. Penambahan semula nilai berikutnya di dalam jumlah pemulihan semula aset akan diambil kira dengan pelarasan balik jumlah rugi kejejasan aset terdahulu dan hanya diambil kira sehingga nilai buku bersih aset yang telah ditetapkan dimana seolah-olah tiada rugi atas nilai aset terjejas yang telah dikenalpasti. Pelarasan semula kerugian nilai aset terjejas atas penilaian aset dikreditkan terus ke Penyata Prestasi Kewangan.

### 2.6 Instrumen-instrumen Kewangan

Instrumen-instrumen kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila RAC telah menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen. Instrumen-instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti atau ekuiti selaras dengan pengaturan kontrak. Faedah, dividen dan laba dan kerugian berkaitan dengan instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Instrumen-instrumen kewangan diseimbangkan apabila RAC mempunyai hak boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangkan dan berhasrat untuk menyelesaikan sama ada atas dasar bersih atau untuk merealiskan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

(i) Tunai dan Kesetaraan Tunai
Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai termasuk di bank dan deposit pada panggilan yang mempunyai risiko tidak ketara dalam perubahan nilai, bersih daripada overdraf bank belum dijelas.

(ii) Penghutang
Penghutang dinyatakan pada nilai boleh direalis dijangka. Hutang lapuk dihapus kira apabila dikenal pasti. Anggaran peruntukan rosot nilai penghutang dibuat pada kadar 4% berdasarkan nilai faedah pinjaman yang dikenakan oleh kerajaan atas baki tunggakan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

(iii) Pemiutang
Pemiutang dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama balasan untuk dibayar pada masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan diterima.

### 2.7 Kerja-Kerja Dalam Pelaksanaan

Kerja-kerja dalam pelaksanaan merupakan projek-projek infrastruktur keretapi dan projek pembangunan yang dilaksanakan dan dibiayai oleh RAC serta projek pembangunan yang kosnya dibiayai oleh Kerajaan yang masih belum siap sepenuhnya semasa penyata ini disediakan. Ianya diakaunkan sebagai kerja-kerja dalam pelaksanaan apabila kontraktor projek yang berkaitan membuat tuntutan pembayaran kemajuan.

Kerja- kerja dalam pelaksanaan samada akan dipermodalkan ke aset tetap mengikut jenis-jenis aset yang berkenaan atau diakaunkan sebagai belanja penyelenggaraan infrastruktur setelah siap projek-projek tersebut. Projek-projek tersebut dianggap telah siap apabila aset atau projek tersebut boleh digunapakai atau apabila "*risk and rewards has been transfered*" melalui penyerahan *Certificate of Practical Completion* (CPC).

### 2.8 Permodalan Aset Tetap

Aset Tetap terdiri daripada harta, tanah dan loji dan kerja-kerja dalam pelaksanaan yang mana pengiktirafan aset adalah berasaskan MPSAS 17-Hartanah, Loji dan Peralatan, dan dipermodalkan apabila aset-aset berkenaan siap sepenuhnya mengikut kontrak yang dibuat kecuali dalam kes-kes yang tertentu. Bagi aset-aset yang dibeli, hanya aset kos seunit RM3,000.00 atau lebih akan dianggap sebagai aset tetap. Aset-aset yang dinilai kurang RM3,000.00 akan dianggap sebagai belanja dan direkodkan dibawah inventori pejabat.

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

**2.9 Penyelenggaraan Infrastruktur**

Penyelenggaraan infrastruktur adalah kerja-kerja penyelenggaraan besar infrastruktur keretapi sedia ada termasuk pengukuhan dan penambahbaikan infrastruktur tersebut. Dalam keadaan biasa kos penyelenggaraan yang dibiayai oleh Kerajaan akan dimasukkan ke dalam kerja-kerja pelaksanaan. Ianya akan dikira sebagai belanja apabila sesuatu projek penyelenggaraan itu tamat.

**2.10 Pinjaman Jangka Pendek**

Pinjaman Jangka Pendek merupakan jumlah tunggakan Pinjaman Jangka Panjang dan Bahagian Pinjaman Jangka Panjang yang perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan. Jumlah Pinjaman Jangka Panjang ditolak jumlah ini menjadikan baki Pinjaman Jangka Panjang kelihatan rendah.

**2.11 Geran Dan Pelunasan Geran**

Geran Operasi yang diterima untuk operasi RAC diambil kira sebagai pendapatan manakala Geran Kerajaan diterima untuk pembiayaan aset dan penyelenggaraan infrastruktur dikira sebagai pendapatan tertunda. Pelunasan geran bagi aset-aset tetap dilunaskan mengikut hayat aset manakala bagi penyelenggaraan infrastruktur apabila kerja-kerja penyelenggaraaan tersebut dikira sebagai belanja. Geran yang diterima berbentuk waran pembayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan diiktiraf mengikut pendekatan iaitu diiktiraf sebagai pendapatan geran di Penyata Pendapatan. RAC menggunapakai peruntukan MPSAS 23-*Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran*, para 44 dan 45.

**3. LIABILITI KONTIGENSI**

3.1 Pinjaman EDB Singapura yang diambilalih oleh RAC telah luput cara pembayarannya. Pada masa itu, pinjaman masih berbaki SGD4,046,022.00. Cara pembayaran pinjaman tersebut adalah bagi setiap satu tan barangan yang dibawa melalui jajaran Jurong bayaran SGD1 dibayar kepada EDB. Jajaran Jurong sudah tidak digunakan lagi.

**4. ASET-ASET DAN SUSUT NILAI**

4.1 Sebelum tahun 2005 Aset Tetap telah dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul. Pada tahun 2005 RAC telah menilai semula aset-aset tetap RAC dengan menetapkan nilai pada masa itu dan baki usia guna aset-aset berkenaan itu pengiraan susut nilai tahunan. RAC menggunakan nilai-nilai baru ini bermula tahun 2006.

4.2 Aset tidak ketara yang diperoleh direkodkan mengikut kos perolehan pada awal pengiktirafan. Pada tahun kewangan berikutnya, aset tidak ketara direkodkan pada kos tolak pelunasan terkumpul dan rosotnilai terkumpul. Perisian komputer dilunaskan secara garis lurus berdasarkan usia guna selama 3 tahun.

4.3 Susut nilai tidak diperuntukkan bagi semua jenis tanah milik bebas dan tanah rizab. Bagi kesemua aset yang lain, susut nilai diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus dengan memansuhkan kos atau nilai setiap aset disepanjang anggaran hayat kegunaannya. Susut nilai aset dikira dari bulan ianya diperolehi atau dipermodalkan pada 15hb atau sebelumnya.

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

4. **ASET-ASET DAN SUSUTNILAI (samb.)**

4.4 Anggaran hayat kegunaan aset-aset tetap RAC seperti berikut :-

| | Jumlah Tahun |
|---|---|
| Grading dan Terowong | 99 |
| Jambatan dan Pembentong | 99 |
| Landasan | 60 |
| Yad Atur | 60 |
| Semboyan dan Komunikasi | 33 |
| Bangunan & Parkir | 50 |
| Sistem Elektrifikasi | 25 |
| Logi & Jentera | 25 |
| Kenderaan Keretapi | 20-25 |
| Pagar | 15-25 |
| Kenderaan Jalan Raya | 10 |
| Sistem Tiket | 10 |
| Ubahsuai pejabat | 10 |
| Komputer | 3 |
| Perisian komputer | 3 |
| Peralatan dan Kelengkapan Pejabat | 5 |
| Peralatan Latihan | 5 |
| Inventori | - |

4.5 Selepas proses penilaian semula aset-aset RAC, aset-aset yang masih ada nilai, disusutnilaikan berdasarkan nilai baru dan anggaran usia guna baru yang diberikan oleh jurunilai yang menilai aset-aset RAC.

4.6 Aset-aset yang diperolehi selepas penilaian semula direkodkan mengikut kos perolehan dan disusutnilaikan secara garis lurus berdasarkan usia guna seperti yang dinyata dalam nota 4.4.

4.7 Pada masa ini, aset-aset infrastruktur keretapi milik RAC digunakan oleh satu pelanggan sahaja. Sekiranya syarikat tersebut ditutup dan aset-aset infrastruktur ini dijual, kemungkinan besar RAC tidak mendapat pulangan menyamai dengan nilai buku bersih (kecuali tanah dan bangunan), sebaliknya RAC akan mendapat nilai harga barang lusuh sahaja.

4.8 Oleh kerana aset-aset infrastruktur keretapi selalu diselenggara (*major atau minor*), penjejasan aset adalah rendah dan mencukupi dengan susutnilai tahunan yang dikenakan ke atas aset-aset tersebut.

5. **PENGIKTIRAFAN HASIL**

5.1 Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset akan diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, RAC akan mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

5. **PENGIKTIRAFAN HASIL (samb.)**

5.1.1 Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambil kira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan dan penyelidikan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan mengikut kos projek yang telah siap, aset yang dibeli dan belanja pakai habis.

5.2 Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

5.2.1 Hasil keuntungan daripada simpanan tetap diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset tersebut ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

5.2.2 Hasil sewa dari harta merupakan pendapatan sewaan dan pajakan ke atas tanah-tanah dan aset-aset di atas tanah hakmilik dan tanah rezab keretapi. Hasil sewa yang direkodkan adalah dikutip oleh RAC.

5.2.3 Hasil sewa dari harta direkodkan berdasarkan prinsip perakaunan terakru.

5.2.4 RAC sedang dalam proses pengambilalihan perjanjian sewa tanah-tanah keretapi yang ditandatangani di antara penyewa dan KTMB yang masih ada dan hasil dari sewaan-sewaan ini dikutip oleh RAC dan diakaunkan sebagai pendapatan sewaan dari harta.

5.2.5 Lain-lain hasil diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan itu telah diberikan.

6. **FAEDAH KEPADA AHLI LEMBAGA DAN KAKITANGAN**

6.1 Manfaat Jangka Pendek

6.1.1 Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

6.2 Pelan Sumbangan Terancang

6.2.1 Seperti diperuntukan oleh undang-undang, semua RAC di Malaysia membuat sumbangan kepada skim pencen, dan kumpulan wang simpanan pekerja. Sumbangan tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan.

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

## 6. FAEDAH KEPADA AHLI LEMBAGA DAN KAKITANGAN (samb.)

6.2.2 Ahli Lembaga Pengarah tidak dibayar pencen oleh RAC. Manakala bagi kakitangan yang memilih opsyen pencen, RAC mencarum ke dalam Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) setiap bulan, manakala bayaran pencen kakitangan dibuat oleh kumpulan wang tersebut apabila mereka pencen.

6.3 Manfaat Jangka Panjang

6.3.1 Pengumpulan jangka panjang ganjaran ketidakhadiran seperti cuti tahunan berbayar akan diambil kira apabila perkhidmatan telah diberikan oleh pekerja yang mana telah meningkatkan hak mereka keatas ganjaran ketidakhadiran di masa hadapan.

6.3.2 Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) untuk pekerja yang telah mencapai umur 40 tahun bagi wanita dan 45 tahun bagi lelaki dengan andaian bahawa pada umur tersebut pekerja yang berkaitan mempunyai hak untuk membuat persaraan pilihan berbanding umur bersara wajib iaitu ketika mencapai umur 60 tahun.

6.4 RAC juga mengiktiraf bayaran pampasan bagi pegawai kontrak yang akan tamat pada satu atau dua tahun berikutnya sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan

6.5 RAC tidak membuat bayaran kepada ahli Lembaga Pengarah dan kakitangan RAC kecuali apa-apa yang layak kepada mereka berdasarkan lantikan dan arahan-arahan Kerajaan.

6.6 RAC tidak pernah membuat apa-apa kontrak bagi mana-mana pihak kakitangan atau ahli Lembaga Pengarah. RAC juga tidak pernah dalam keadaan yang mengetahui memasuki mana-mana kontrak atau perjanjian bagi menguntungkan mana-mana ahli Lembaga Pengarah atau kakitangan RAC.

## 7. AKAUN BELUM TERIMA

| | 2017<br>RM'000 | 2016<br>RM'000 |
|---|---|---|
| Deposit Dan Prabayar | 64,217 | 65,982 |
| Faedah Akan diterima | 12,462 | 917 |
| Pinjaman Kakitangan | 251 | 308 |
| Penghutang Pelbagai | 1,546 | 1,051 |
| Penghutang Sewaan | 20,154 | 18,644 |
| | 98,630 | 86,902 |
| Tolak: Peruntukan Rosot Nilai Penghutang | (1,633) | (156) |
| | **96,997** | **86,746** |

## 8. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

| | 2017<br>RM'000 | 2016<br>RM'000 |
|---|---|---|
| Baki Tunai Di Bank | 227,725 | 311,091 |
| Simpanan Tetap | 300,400 | 212,282 |
| | **528,125** | **523,373** |

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

## 9. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN DAN ASET TIDAK KETARA

| 2017 Kos | Pada 1.1.2017 RM'000 | Permodalan RM'000 | Tambahan/ Pelupusan RM'000 | Pada 31.12.2017 RM'000 |
|---|---|---|---|---|
| Tanah – Freehold | 733,975 | - | - | 733,975 |
| Tanah - Lease Hold | 296,553 | - | - | 296,553 |
| Tanah – Reserve | 7,368,458 | - | - | 7,368,458 |
| Grading | 443,930 | - | - | 443,930 |
| Terowong | 99,280 | 5,831 | - | 105,111 |
| Landasan & Yad | 5,748,778 | 257,604 | - | 6,006,382 |
| Jambatan | 547,705 | - | - | 547,705 |
| Pembetong | 215,430 | - | - | 215,430 |
| Pagar | 19,168 | - | 15 | 19,183 |
| Semboyan & Komunikasi | 129,970 | - | - | 129,970 |
| Bangunan & Parkir | 600,385 | - | (295) | 600,090 |
| Loji & Jentera | 138,529 | - | - | 138,529 |
| Sistem Tiket | 9,918 | - | - | 9,918 |
| Kenderaan Jalanraya | 872 | 1,995 | (262) | 2,605 |
| Kenderaan Keretapi | 2,519,093 | 500,956 | - | 3,020,049 |
| Komputer | 730 | 2,795 | - | 3,525 |
| Kelengkapan Pejabat | 995 | - | 23 | 1,018 |
| Sistem Elektrifikasi | 145,019 | - | - | 145,019 |
| Perabot dan Lengkapan dari besi | 11 | - | - | 11 |
| Alat Lengkapan Elektronik yang lain | 84 | - | - | 84 |
| Ubahsuai Pejabat | 2,271 | 990 | - | 3,261 |
| Inventori | 38,305 | - | - | 38,305 |
| | 19,059,459 | 770,171 | (519) | 19,829,111 |

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

9. **HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (samb.)**

| 2017 Susutnilai terkumpul (sambungan) | Pada 1.1.2017 RM'000 | Susut Nilai Semasa RM'000 | Susut Nilai Pelupusan/ Pelarasan RM'000 | Pada 31.12.2017 RM'000 |
|---|---|---|---|---|
| Grading | 131,270 | 4,484 | - | 135,754 |
| Terowong | 62,070 | 1,061 | - | 63,131 |
| Landasan & Yad | 702,720 | 98,751 | - | 801,471 |
| Jambatan | 263,148 | 5,528 | - | 268,676 |
| Pembetong | 118,570 | 2,131 | - | 120,701 |
| Pagar | 2,188 | 1,280 | - | 3,468 |
| Semboyan & Komunikasi | 55,088 | 3,939 | - | 59,027 |
| Bangunan & Parkir | 226,807 | 12,389 | (123) | 239,073 |
| Loji & Jentera | 57,092 | 5,222 | - | 62,314 |
| Sistem Tiket | 9,918 | - | - | 9,918 |
| Kenderaan Jalanraya | 425 | 510 | (152) | 783 |
| Kenderaan Keretapi | 698,028 | 146,715 | - | 844,743 |
| Komputer | 631 | 628 | - | 1,259 |
| Kelengkapan Pejabat | 896 | 23 | - | 919 |
| Sistem Elektrifikasi | 119,382 | 5,801 | - | 125,183 |
| Perabot dan Lengkapan dari besi | 10 | 1 | - | 11 |
| Alat Lengkapan Elektronik yang lain | 79 | 5 | - | 84 |
| Ubahsuai Pejabat | 1,418 | 294 | - | 1,712 |
| Inventori | - | - | - | - |
| | 2,449,740 | 288,762 | (275) | 2,738,227 |

15 |

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

**9. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (samb.)**

| 2016 Kos | Pada 1.1.2016 RM'000 | Permodalan RM'000 | Tambahan/ Pelupusan RM'000 | Pada 31.12.2016 RM'000 |
|---|---|---|---|---|
| Tanah – Freehold | 733,975 | - | - | 733,975 |
| Tanah - Lease Hold | 296,553 | - | - | 296,553 |
| Tanah – Reserve | 7,368,458 | - | - | 7,368,458 |
| Grading | 443,930 | - | - | 443,930 |
| Terowong | 99,280 | - | - | 99,280 |
| Landasan & Yad | 5,763,298 | (14,520) | - | 5,748,778 |
| Jambatan | 547,568 | 137 | - | 547,705 |
| Pembetong | 215,430 | - | - | 215,430 |
| Pagar | 10,093 | 9,075 | - | 19,168 |
| Semboyan & Komunikasi | 129,841 | 129 | - | 129,970 |
| Bangunan & Parkir | 593,067 | 7,318 | - | 600,385 |
| Loji & Jentera | 138,529 | - | - | 138,529 |
| Sistem Tiket | 9,918 | - | - | 9,918 |
| Kenderaan Jalanraya | 872 | - | - | 872 |
| Kenderaan Keretapi | 2,519,093 | - | - | 2,519,093 |
| Komputer | 730 | - | - | 730 |
| Kelengkapan Pejabat | 898 | - | 97 | 995 |
| Sistem Elektrifikasi | 145,019 | - | - | 145,019 |
| Perabot dan Lengkapan dari besi | 11 | - | - | 11 |
| Alat Lengkapan Elektronik yang lain | 84 | - | - | 84 |
| Ubahsuai Pejabat | 2,271 | - | - | 2,271 |
| Inventori | 38,305 | - | - | 38,305 |
| | 19,057,223 | 2,139 | 97 | 19,059,459 |

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

**9. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (samb.)**

| 2016 Susutnilai terkumpul | Pada 1.1.2016 | Susut Nilai Semasa | Susut Nilai Pelupusan | Pada 31.12.2016 |
|---|---|---|---|---|
| (sambungan) | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 |
| Grading | 126,787 | 4,483 | - | 131,270 |
| Terowong | 61,068 | 1,002 | - | 62,070 |
| Landasan & Yad | 608,146 | 94,574 | - | 702,720 |
| Jambatan | 257,617 | 5,531 | - | 263,148 |
| Pembetong | 116,438 | 2,132 | - | 118,570 |
| Pagar | 908 | 1,280 | - | 2,188 |
| Semboyan & Komunikasi | 51,152 | 3,936 | - | 55,088 |
| Bangunan & Parkir | 214,537 | 12,270 | - | 226,807 |
| Loji & Jentera | 51,809 | 5,283 | - | 57,092 |
| Sistem Tiket | 9,918 | - | - | 9,918 |
| Kenderaan Jalanraya | 338 | 87 | - | 425 |
| Kenderaan Keretapi | 572,188 | 125,840 | - | 698,028 |
| Komputer | 540 | 91 | - | 631 |
| Kelengkapan Pejabat | 889 | 7 | - | 896 |
| Sistem Elektrifikasi | 113,581 | 5,801 | - | 119,382 |
| Perabot dan Lengkapan dari besi | 10 | - | - | 10 |
| Alat Lengkapan Elektronik yang lain | 64 | 15 | - | 79 |
| Ubahsuai Pejabat | 1,191 | 227 | - | 1,418 |
| Inventori | - | - | - | - |
| | **2,187,181** | **262,559** | **-** | **2,449,740** |

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

**9. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (samb.)**

**Nilai buku bersih**

| | 2017 RM'000 | 2016 RM'000 |
|---|---|---|
| Tanah | 8,398,986 | 8,398,986 |
| Grading | 308,176 | 312,660 |
| Terowong | 41,979 | 37,210 |
| Landasan & Yad | 5,204,911 | 5,046,058 |
| Jambatan | 279,029 | 284,557 |
| Pembetong | 94,729 | 96,860 |
| Pagar | 15,715 | 16,980 |
| Semboyan & Komunikasi | 70,943 | 74,882 |
| Bangunan & Parkir | 361,017 | 373,578 |
| Loji & Jentera | 76,215 | 81,437 |
| Kenderaan Jalanraya | 1,822 | 447 |
| Kenderaan Keretapi | 2,175,304 | 1,821,065 |
| Komputer | 2,266 | 99 |
| Kelengkapan Pejabat | 99 | 99 |
| Sistem Elektrifikasi | 19,836 | 25,637 |
| Perabot dan Lengkapan dari besi | - | 1 |
| Alat Lengkapan Elektronik yang lain | 1 | 5 |
| Ubahsuai pejabat | 1,551 | 853 |
| Inventori | 38,305 | 38,305 |
| | 17,090,884 | 16,609,719 |

**10. ASET TIDAK KETARA**

| | 2017 RM'000 | 2016 RM'000 |
|---|---|---|
| **Kos** | | |
| Pada awal tahun kewangan | 1,158 | 1,060 |
| Tambahan | 3,986 | 98 |
| Pada akhir tahun kewangan | 5,144 | 1,158 |
| **Pelunasan Terkumpul** | | |
| Pada awal tahun kewangan | 914 | 900 |
| Tambahan | 827 | 14 |
| Pada akhir tahun kewangan | 1,741 | 914 |
| | 3,403 | 244 |

## NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

### 11. KERJA-KERJA DALAM PELAKSANAAN

| | Nota | 2017 RM'000 | 2016 RM'000 |
|---|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | | 15,751,569 | 19,898,935 |
| Tambahan | | 2,105,413 | 1,679,037 |
| Permodalan aset tetap | | (771,629) | (124,589) |
| Pelarasan | | 319,490 | (5,664,634) |
| Perbelanjaan Infrastruktur | | (19,619) | (37,180) |
| Perbelanjaan Penyelengaraan Pejabat | | (1,038) | - |
| Baki pada 31 Disember | | **17,384,186** | **15,751,569** |

### 12. AKAUN BELUM BAYAR

| | 2017 RM'000 | 2016 RM'000 |
|---|---|---|
| Pemuitang/Pemuitang Projek | 4,320 | 5,570 |
| Perbelanjaan Pengurusan | - | - |
| Sewaan Kehadapan | 10,656 | 11,415 |
| Deposit Sewa | 3,407 | 2,663 |
| Deposit Perlaksanaan Tender/Sebut Harga | 4,152 | 4,392 |
| Wang Jaminan Pelaksanaan | 3,368 | 4,025 |
| Faedah Terakru | - | 5,459 |
| Peruntukan Manfaat Pekerja | 355 | - |
| | **26,258** | **33,524** |

### 13. PINJAMAN

| | Nota | Pokok RM'000 | Faedah RM'000 | Jumlah RM'000 |
|---|---|---|---|---|
| **2017** | | | | |
| Tertangguh lebih dari 12 bulan | | | | |
| UK Malaysian Aids | (a) | 17,991 | - | 17,991 |
| Tertangguh kurang 12 bulan | | | | |
| UK Malaysian Aids | | 9,549 | 19,211 | 28,760 |
| Restructured Loan | | - | - | - |
| Relending Loan | (b) | 267,369 | 110,393 | 377,762 |
| | | 276,918 | 129,604 | 406,522 |
| | | **294,909** | **129,604** | **424,513** |

## NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

### 13. PINJAMAN (samb.)

| | Nota | Pokok RM'000 | Faedah RM'000 | Jumlah RM'000 |
|---|---|---|---|---|
| **2016** | | | | |
| Tertangguh lebih dari 12 bulan | | | | |
| UK Malaysian Aids | (a) | 19,091 | - | 19,091 |
| Tertangguh kurang 12 bulan | | | | |
| UK Malaysian Aids | | 8,967 | 13,612 | 22,579 |
| Restructured Loan | | - | - | - |
| Relending Loan | (b) | 267,369 | 110,393 | 377,762 |
| | | 276,336 | 124,005 | 400,341 |
| | | 295,427 | 124,005 | 419,432 |

**Nota (a)**
Pinjaman UK Malaysia Aids merupakan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan pada 2 September 1974 untuk pembelian 25 buah Lokomotif diesel, 150 Bogie Pallet Wagon dan membayar elaun kepada jurutera pelatih. Dalam tahun 2012, pihak Kementerian Kewangan Malaysia telah membuat penjadualan semula pembayaran pokok dan faedah bermula dari tahun 2004 sehingga tahun 2028 dan faedah yang ditangguhkan adalah sebanyak RM15,223,519. Kadar faedah adalah 6.5% setahun dan pembayaran tahunan sebanyak RM2,339,897.

**Nota (b)**
Pinjaman 'Relending Loan' adalah pinjaman daripada Kerajaan Jepun untuk membiayai pembelian lokomotif. Jumlah Yen(¥) yang diterima adalah sebanyak ¥13,395,261,040. Jumlah tersebut telah selesai dibayar oleh Kerajaan Persekutuan bagi pihak RAC. Amaun di atas adalah jumlah terhutang kepada Kerajaan Persekutuan pada tarikh lembaran imbangan.

### 14. LIABILITI CUKAI TERTUNDA

| | Nota | 2017 RM'000 | 2016 RM'000 |
|---|---|---|---|
| Pada 1 Januari | | 84,564 | 149,072 |
| Peruntukan Cukai Tertunda Aset | | - | - |
| Peruntukan Cukai Tertunda Tahun Semasa | | (1,322) | (64,508) |
| Pada 31 Disember | | 83,242 | 84,564 |

Liabiliti cukai tertunda adalah terhasil daripada perbezaan sementara bagi hartanah, loji dan peralatan.

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

**15. GERAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

| | Nota | 2017 RM'000 | 2016 RM'000 |
|---|---|---|---|
| Geran Pelunasan Aset | (a) | 816,098 | 7,272,865 |
| Geran – NKRA (RAC) | (b) | 231,436 | 391,151 |
| Geran Kerajaan Persekutuan (Lain-lain) | (c) | 18,402,407 | 16,839,576 |
| Jumlah Geran Kerajaan Persekutuan | | **19,449,941** | **24,503,592** |
| Nota (a) – Geran Pelunasan Aset | | | |
| Geran Pelunasan Aset | | 7,272,865 | 7,272,865 |
| Pelarasan - MPSAS 23 | | (6,456,767) | - |
| Baki pada 31 Disember | | **816,098** | **7,272,865** |
| Nota (b) - Geran NKRA (RAC) | | | |
| Baki pada 1 Januari | | 391,151 | 391,289 |
| Tambahan | | 17,446 | 6,000 |
| Pelarasan - Depoh Seremban | | - | (2,425) |
| Pelarasan - Batang Benar | | - | (5) |
| Pelarasan - Geran Aset | | - | (3,708) |
| Pelarasan - MPSAS 23 | | (171,287) | - |
| Pelarasan - Geran Perbelanjaan 2016 | | (1,336) | |
| Pelunasan - Projek SCS | | (3,749) | - |
| Pelunasan - Geran Perbelanjaan tahun semasa | | (789) | - |
| Baki pada 31 Disember | | **231,436** | **391,151** |
| Nota (c) – Geran Kerajaan Persekutuan (Lain-lain) | | | |
| Baki pada 1 Januari | | 16,839,576 | 21,172,461 |
| Tambahan | | 2,081,096 | 1,658,527 |
| Pelarasan - Projek Jambatan Changkat Jering - Rawang Ipoh | | - | (18,565) |
| Pelarasan - Overhaul EMU | | - | 11,402 |
| Pelarasan - Projek Naiktaraf dan Modifikasi | | - | 55 |
| Pelarasan - Landasan Seremban –Gemas | | - | (123,394) |
| Pelarasan - Landasan Seremban –Gemas | | - | 232 |
| Pelarasan - Geran dan KDP KTMB 2005 hingga 2016 | | - | (5,664,528) |
| Pelunasan - Landasan Seremban -Gemas (Perbelanjaan Infra) | | - | (37,180) |
| Pelunasan - Jambatan Keretapi Bank Negara –KL | | - | (3) |
| Pelarasan - Geran Kereta Toyota | | 1,995 | - |
| Pelarasan - Projek KDP bagi Audit 2016 | | (33,141) | - |
| Pelarasan - Landasan Ipoh Padang Besar | | 254,590 | - |
| Pelarasan - Electric Train System | | 44,296 | - |
| Pelunasan - Geran Kerata Toyota | | (1,995) | - |
| Pelunasan - Geran tahun semasa | | (764,391) | (159,431) |
| Pelunasan - Perbelanjaan Infrastruktur | | (19,619) | - |
| Baki pada 31 Disember | | **18,402,407** | **16,839,576** |

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

**16. KEUNTUNGAN / (KERUGIAN) TERKUMPUL**

| | | 2017 RM'000 | 2016 RM'000 |
|---|---|---|---|
| Pada 1 Januari | | (68,835) | (72,983) |
| Lebihan bersih bagi tahun semasa | | 502,510 | (5,954) |
| Pelarasan | (a) | 6,686,554 | 10,102 |
| | | **7,120,229** | **(68,835)** |

**Nota (a)**

2017 – Pelarasan bagi pelunasan geran berdasarkan MPSAS 23, pelarasan KDP terlebih catat tahun tahun 2005 – 2016, pelarasan pinjaman kerajaan persekutuan dan pelarasan rezab penilaian aset bagi pelupusan aset.

**17. SEWA DARI HARTANAH**

| | 2017 RM'000 | 2016 RM'000 |
|---|---|---|
| Hasil Tanah Hak Milik | 3,518 | 4,508 |
| Hasil Tanah Rezab | 22,222 | 21,685 |
| | **25,740** | **26,193** |

Sewa dari harta merupakan pendapatan sewaan ke atas tanah dan aset-aset di atas tanah hak milik dan tanah rezab keretapi. Hasil sewa adalah dikutip oleh RAC.

**18. PELBAGAI PENERIMAAN**

| | 2017 RM'000 | 2016 RM'000 |
|---|---|---|
| Faedah Atas Simpanan | 18,650 | 16,101 |
| Faedah Pinjaman Kakitangan | 8 | 11 |
| Hasil Jualan / Jualan Barang Lusuh | 1,456 | 336 |
| Keuntungan atas pelupusan | 31 | - |
| | **20,145** | **16,448** |

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

**19. PERBELANJAAN BERKAITAN HASIL SEWA**

| | 2017<br>RM'000 | 2016<br>RM'000 |
|---|---|---|
| Belanja Tanah Milik :- | | |
| Bayaran penilaian | 59 | 77 |
| Bayaran cukai | 3,832 | 3,453 |
| Perbelanjaan rosot nilai penghutang | 201 | 31 |
| Pelbagai perbelanjaan | 255 | 210 |
| Belanja Tanah Rezab :- | | |
| Bayaran penilaian | 45 | 52 |
| Perbelanjaan rosot nilai penghutang | 1,300 | 125 |
| Pelbagai perbelanjaan | 12 | 5 |
| Lain-Lain Perbelanjaan Berkaitan Sewa | 370 | 186 |
| | **6,074** | **4,139** |

**20. PERUNTUKAN CUKAI**

Perbelanjaan cukai tahun semasa terdiri daripada:

| | 2017<br>RM'000 | 2016<br>RM'000 |
|---|---|---|
| Cukai pendapatan tahun semasa | 210 | |
| Cukai tertunda tahun semasa | (1,322) | (64,508) |
| | (1,112) | (64,508) |
| Penyesuaian antara perbelanjaan cukai dan keuntungan perakaunan: | | |
| Lebihan/(Kurangan) bersih sebelum cukai | 501,397 | (70,462) |
| Kadar cukai pendapatan pada 26% (2016:24%) | 130,363 | (16,911) |
| Pelarasan kesan cukai terhadap:- | | |
| Pendapatan tidak dikenakan cukai | (205,541) | (48,077) |
| Perbelanjaan tidak dibenarkan untuk tujuan cukai | 75,409 | 64,011 |
| Lain - lain perubahan sementara | (1.343) | (63,531) |
| Perbelanjaan cukai bagi tahun kewangan berakhir | **(1,112)** | **(64,508)** |

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

**21. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR**

Bajet RAC telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh Kewangan dari 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017. Bajet asal telah diluluskan oleh Kementerian Pengangkutan melalui surat Rujukan MOT.400-4/1/11 Jilid 2 (3) bertarikh 19 Januari 2017.

Bajet dan penyata Kewangan RAC disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata Kewangan. Penyata Kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam penyata prestasi Kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah sebenar di dalam penyata Kewangan ini telah dinyatakan semula pada asas tunai berdasarkan kepada dana mengurus. Ia disediakan berdasarkan kepada penyediaan bajet RAC hanya menjurus kepada bajet mengurus sahaja.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam penyata perbandingan bajet dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti di bawah:

| 2017 | Operasi RM | Pelaburan RM | Pembiayaan RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|
| Jumlah sebenar setanding seperti yang dikemukakan dalam penyata perbandingan dan sebenar | 23,899,878 | - | - | 23,899,878 |
| Perbezaan Asas | 2,395,515,462 | (2,406,530,129) | (6,132,798) | (19,147,466) |
| **Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai** | **2,417,415,340** | **(2,406,530,129)** | **(6,132,798)** | **4,752,412** |

Butiran-butiran bagi perbezaan asas adalah seperti berikut:

| 2017 | Operasi RM | Pelaburan RM | Pembiayaan RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|
| Penerimaan Tunai Daripada Kerajaan | 1,632,731,356 | - | - | 1,632,731,356 |
| Pembayaran Tunai Kepada Pekerja Dan Belanja Pentadbiran | (37,444,175) | - | - | (37,444,175) |
| Sewa Diterima | 25,739,816 | - | - | 25,739,816 |
| Belanja Berkaitan Sewa | (5,989,468) | - | - | (5,989,468) |
| Pelbagai Penerimaan | 791,897,173 | - | - | 791,897,173 |
| Deposit Diterima (Liabiliti) | 576,585 | - | - | 576,585 |
| Faedah Diterima | 7,112,627 | - | - | 7,112,627 |
| Bayaran Deposit (Aset) | 1,764,254 | - | - | 1,764,254 |
| Bayaran Cukai | 1,027,173 | - | - | (5,440,239) |
| Pembelian Aset | - | (773,913,292) | - | (773,913,292) |
| Kerja-kerja Dalam Pelaksanaan | - | (1,632,617,837) | - | (1,632,617,837) |
| Pemberian Pinjaman Kepada Kakitangan | - | - | 57,298 | 57,298 |
| Bayaran Balik Pinjaman dan Tanggungan | - | - | (6,190,097) | 277,315 |
| **Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai** | **2,417,415,340** | **(2,406,530,129)** | **(6,132,798)** | **4,752,412** |

24 |

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

## 22. KONTINGENSI ASET

**Projek Usaha Sama Di Atas Tanah Milik RAC oleh pihak KTMB: Pembangunan Projek Usaha Sama Yang Melanggar Akta Keretapi 1991.**

Selepas tarikh Lembaran Imbangan 2010, pihak RAC mendapati wujud kontigensi aset hasil daripada proses pengauditan oleh Jabatan Audit Negara terhadap pengurusan aset dan hartanah RAC. Kontigensi aset ini adalah kerana projek usaha sama di atas tanah milik RAC yang dilaksanakan oleh pihak KTMB dengan pihak swasta bagi membangunkan projek hartanah di atas tanah keretapi antara tahun 1993 hingga 1996. Projek usaha sama tersebut dilaksanakan di atas tanah RAC selepas Akta Keretapi 1991 berkuatkuasa.

KTMB telah didapati membuat penukaran status milikan tanah kepada 5 syarikat usaha sama yang dinyatakan di atas secara milik kekal atau pajakan tanpa pengetahuan RAC. Tindakan ini telah mengakibatkan RAC kehilangan hak ke atas tanah – tanah tersebut yang bernilai RM335.32 juta. Selain daripada itu, RAC juga telah dinafikan hak atas faedah – faedah yang diterima oleh KTMB sama ada dalam bentuk tunai atau bukan tunai berjumlah RM915.99 juta.

RAC telah mengadakan perbincangan dengan Bahagian Susulan Audit pada 12 Jun 2018. Hasil perbincangan tersebut bersetuju agar sekiranya perkara ini masih tidak dapat diselesaikan di peringkat Kementerian, maka perkara ini akan dibawa ke *Putrajaya Inquisition* untuk mendapatkan penyelesaian yang muktamad.

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

## 22. KONTINGENSI ASET (samb.)

Jadual dibawah menunjukkan keluasan dan kos tanah bagi 5 lokasi tanah yang telah dipindah milik selepas Akta Keretapi 1991 serta faedah dalam bentuk tunai dan bukan tunai yang diterima oleh pihak KTMB:

| Lokasi tanah RAC | Keluasan tanah (Ekar) | Kos tanah (RM'Juta) | Faedah bukan dalam bentuk tunai (RM'Juta) | Faedah dalam bentuk tunai (RM'Juta) | Faedah dalam bentuk tunai yang telah diterima oleh KTMB (RM'Juta) |
|---|---|---|---|---|---|
| **Bukit Tunku, Kuala Lumpur** | 42.5 | 26.70 | - | 100.58 | 77.2 |
| **Port Dickson, Negeri Sembilan** | 10.9 | 16.10 | 35.630 (Unit Kondominium ) | 15.69 | 0.6 |
| **Prai Perdana, Pulau Pinang** | 54.7 | 8.90 | 7.128 (Unit apartment)<br>5.2 (Unit bangunan pejabat) | 11.15 | 8.45 |
| **Sentul Raya, Kuala Lumpur** | 294.0 | 105.62 | 2.4 (Saham)<br>100.0 (Call Option)<br>69.210 (Unit kediaman) | 34.00 | 34.00 |
| **KL Sentral, Kuala Lumpur** | 75.3 | 178.00 | 13.0 (Saham)<br>390.0 (Stesen Keretapi)<br>7.0 (Loan stocks) | 125.00 | 10.00 |
| | **477.40** | **335.32** | **629.568** | **286.42** | **130.25** |

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

## 23. MANFAAT PEKERJA

| | 2017 RM'000 | 2016 RM'000 |
|---|---|---|
| Manfaat Jangka Pendek | | |
| Gaji dan upah | 2,022 | 1,466 |
| Bonus | 128 | 363 |
| Sumbangan keselamatan sosial | 12 | - |
| Manfaat Jangka Panjang | | |
| Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) | 222 | 221 |
| Kumpulan Wang Simpanan Pekerja* | 125 | 51 |
| Gantian Cuti Rehat | - | - |

**PERBADANAN ASET KERETAPI |**
**RAILWAY ASSETS CORPORATION**
No. 29G | Blok B | Jalan TKS 1 | Kajang
Sentral Business Park
43000 Kajang | Selangor Darul Ehsan |
Malaysia
T : General (+603) 8733 2020 |
F : General (+603) 8733 2222 |
Web : www.rac.gov.my |
Facebook : Perbadanan aset keretapi I
Twitter : RailwayAssets My




**PERBADANAN ASET KERETAPI**
*(RAILWAY ASSETS CORPORATION)*
No. 29G, Blok B, Jalan TKS 1, Kajang Sentral Business Park,
43000 Kajang Selangor Darul Ehsan.

**T:** +603 8733 2020 | **F:** +603 8733 2222/6018

RailwayAssetsMy Perbadanan Aset Keretapi